



LAPORAN TAHUNAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2020

KANDUNGAN

4	1.0 Maklumat Korporat		2.0 Latar Belakang	
	1.1 Sejarah Penubuhan		2.1 Canselor	14
6	1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif	==	2.2 Pro Canselor	16
7	1.3 Matlamat Pendidikan		2.3 Lembaga Pengarah Universiti	18
7	1.4 Piagam Pelanggan		2.4 Pengurusan Universiti	20
8	1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020		2.5 Senat Universiti	24
10	1.6 Data Ringkas		2.6 Jawatankuasa Audit Dalam	26
			2.7 Struktur Organisasi	27
25	3.0 Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	==	4.0 Pencapaian Berimpak UTeM 2020	33
39	5.0 Petunjuk dan Laporan Prestasi Utama (KPI) Menteri	==	6.0 Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal	41
61	7.0 Merintis Teknologi Masa Hadapan	==	8.0 Memacu Potensi Industri dan Masyarakat	73
87	9.0 Pembangunan Fizikal & Pengurusan Prasarana	==	10.0 Gedung Ilmu dan Institusi Repositori	97
103	11.0 Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT	==	12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan Holistik	115
133	13.0 Pengurusan Bakat	==	14.0 Prestasi dan Laporan Kewangan	143

I.O
▶ MAKLUMAT
KORPORAT

- 1.1 Sejarah Penubuhan
- 1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif
- 1.3 Matlamat Pendidikan
- 1.4 Piagam Pelanggan
- 1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020
- 1.6 Data Ringkas

MAKLUMAT KORPORAT

1.1 Sejarah Penubuhan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada awalnya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

UTeM terletak di Negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai World Heritage Site. Penjenamaan semula UTeM telah dilaksanakan pada 1 Februari 2007, dan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kepada **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal awam yang **pertama** ditubuhkan di Malaysia dan dikategorikan sebagai **Universiti Berfokus** yang memperkasakan bidang-bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

Asas penubuhan UTeM adalah berpandukan model '*fachhochschule*' (FH) di Jerman dan sistem universiti politeknik di Hong Kong yang menekankan pendekatan 'practical-oriented'. Pendekatan pembelajaran, pengambilan pelajar dan penglibatan industri menjadikan UTeM sebuah universiti teknikal yang unik berbanding IPTA lain.

UTeM bermula dengan tiga (3) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai 343 orang pelajar perintis mengikuti lima (5) program awal yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti yang berkenaan.

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun

2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan 4 buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Pada masa yang sama, dua buah kampus cawangan UTeM telah ditubuhkan iaitu Kampus Bandar yang terletak di Jalan Hang Tuah yang menempatkan sebuah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) pada tahun 2007.

Manakala, Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Penubuhan FTK pada tarikh 11 April 2011, telah mencatatkan sejarah tersendiri bagi UTeM sebagai universiti awam pertama yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di Malaysia selaras dengan tagline UTeM iaitu "Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui".

Pada tahun 2014, UTeM mencipta sejarah sekali lagi apabila menjadi universiti teknikal pertama di negara ini yang menerima status autonomi sepenuhnya daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.



1.2 Visi, Misi Objektif

VISI

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

MISI

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- i. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif
- ii. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional
- iii. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

OBJEKTIF

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
- ii. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional berilmu (K-profesional).
- iii. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
- iv. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
- v. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
- vi. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
- vii. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurang kebergantungan kewangan.
- viii. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.

1.3 Matlamat Pendidikan

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri
- ii. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial
- iii. Menyemai kalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- iv. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara
- v. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan
- vi. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan
- vii. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

Kami Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Berdasarkan Piagam:

1.4 Piagam Pelanggan

- i. Calon yang berjaya akan mendapat keputusan permohonan melalui portal UTeM selepas pengumuman rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;
- ii. Keputusan permohonan cuti belajar dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya 7 hari bekerja selepas kelulusan diperolehi daripada Panel Cuti Belajar UTeM dan Bahagian Biasiswa Kementerian;
- iii. Keputusan pengesahan dalam jawatan staf dimaklumkan kepada staf 7 hari bekerja selepas Mesyuarat Panel Pengesahan dan Peperiksaan Staf bersidang;
- iv. Membayar semua tuntutan staf/pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen yang lengkap diterima.
- v. Tempoh bayaran biasiswa 12 hari dari tarikh terima tajaan/penganjur sehingga dibayar kepada pelajar.
- vi. Bahan-bahan rujukan sedia dipinjam oleh pengguna dalam tempoh empat 4 bulan selepas penerimaan.
- vii. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi dalaman yang efisien, selamat dan boleh harap kepada semua pelanggan dengan melebihi 95% masa capaian.

- viii. Menyelesaikan 80% aduan kerosakan dan penambahbaikan dalam tempoh 2 minggu;
- ix. Menyediakan perkhidmatan yang mesra, cekap dan adil kepada pelajar;
- x. Tempoh proses pembayaran penyelidikan (tuntutan perjalanan, pembelian, dan sebagainya) selepas permohonan lengkap diterima adalah selama 14 hari;
- xi. Purata masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter di Pusat Pengajian Siswazah adalah kurang daripada 30 minit;
- xii. Mengedarkan surat pemakluman Latihan Industri kepada pihak industri selewat-lewatnya 1 bulan sebelum tarikh mula Latihan Industri tersebut; Peserta mendapat surat jemputan menghadiri kursus;
- xiii. Memaklumkan kepada fakulti keputusan akreditasi program yang diperolehi dalam tempoh 2 hari bekerja;
- xiv. Menjalankan siasatan berkaitan kemalangan/kejadian berbahaya/penyakit pekerjaan dan aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam tempoh 3 hari selepas menerima notis; Memaklumkan kepada peserta tentang pengesahan penyertaan program yang disertai dalam tempoh 10 hari bekerja; dan Perpustakaan menyediakan perkhidmatan
- xv. Repositori Institusi (ePrint) bagi bahan terbitan UTeM.

1.5 Nilai Teras

- i. Tekad untuk mencipta perubahan
- ii. Daya juang yang tinggi
- iii. Kesetiaan
- iv. Integriti
- v. Profesionalisme

1.6 Pelan Strategik UTeM 2012-2020

Pelan Strategik UTeM 2012 – 2020 merupakan usaha hasilan komprehensif melalui perundingan menyeluruh terhadap visi dan misi universiti serta perancangan masa hadapan. Halatuju universiti mengambilkira beberapa faktor seperti tren globalisasi masa kini, mobiliti, kolaborasi antarabangsa, evolusi dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknologi yang optimum, amalan kerja terbaik, ciri keusahawanan dan perdampingan komuniti bagi mencorak masa hadapan yang gemilang.

UTeM komited dalam mengoptimumkan sumber sedia ada bagi melangsungkan perubahan dan penghasilan teknologi baru ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perkembangan haluan strategik ini bermula dengan penajajaran set minda yang seterusnya diperkukuhkan melalui percambahan fikiran dan cetusan idea.

Haluan Strategik ini dipacu oleh 6 tema strategik utama yang menjadi asas kepada rangka kerja transformasi universiti. Tema-tema ini dipilih berdasarkan input yang diperolehi melalui siri bengkel dan dialog antara pasukan tema strategik yang menggunakan asas Strategi Lautan Biru dan *Futures Scenario Planning* yang dihasilkan oleh Profesor Sohail Inayatullah.

Enam tema tersebut adalah:

- i. Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal
- ii. Merintis Teknologi Masa Hadapan
- iii. Membentuk Pemimpin Berciri Keusahawanan
- iv. Memacu Potensi Komuniti dan Industri
- v. Pengurusan Bakat
- vi. Kelestarian Kewangan

Pelan ini akan menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan sama ada di peringkat individu mahupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi universiti bagi melonjakkan sektor pengajian tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.

1.7 Data Ringkas

Nama Institusi Pengajian Tinggi (HEP):
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Tarikh Penubuhan:
1 Disember 2000

No. Rujukan Akta Penubuhan:
**Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
[P.U. (A) 45/2007]**

Nama, Gelaran dan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif:
**Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim (16/6/2019 - sehingga kini)
Naib Canselor**

Alamat:
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia**

No. Telefon :
+606 270 1000

No. Faks:
+606 270 1022

Alamat emel :
vc_utm@utm.edu.my

Laman web:
<http://www.utm.edu.my>

Nama dan Alamat Fakulti /Sekolah/Jabatan/Pusat (**Luar Kampus Induk**)

Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Kecemerlangan & Kesarjanaan Akademik

Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia

**Pusat Pembangunan Perusahaan dan
Teknousahawanan (CREATE)**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka, Malaysia

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan
Elektronik**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Kelestarian Alam Sekitar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pejabat Penasihat Undang – Undang

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

▶ LATAR BELAKANG 2.0

LAPORAN TAHUNAN 2020
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2.1 CANSELOR



**Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri Utama
Dr. Mohd Khalil
Bin Yaakob**

Yang di-Pertua Negeri Melaka

1 Januari 2005 sehingga 3 Jun 2020



**Tuan Yang Terutama
Tun Seri Setia
(Dr) Haji Mohd Ali bin
Mohd Rustam**

Yang di-Pertua Negeri Melaka

15 Ogos 2020 sehingga 3 Jun 2024



2.2 PRO CANSOLOR



Datuk Dr. Sabirin Bin Ja'afar

15 Nov 2019 sehingga 14 Nov 2022



Datuk Wira Ismail Bin Saleh

1 Okt 2013 sehingga 30 Sept 2020

2.3 LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



► **Pengerusi**
Academician Tan Sri
Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc

Ahli ►



Profesor Datuk Wira
Dr. Raha Abdul Rahim FASc.



Tuan Haji Kamaruzaman
bin Mahmood



Profesor Dr. Rahmah binti
Ahmad H. Osman



Zulkhairil Amar bin Mohamad



YB Datuk Seri Dr. Hasim
bin Hasan



Profesor Ir. Dr. Ghazali
bin Omar



Datuk Nik Airina
binti Nik Jaffar



Dato' Mohammad Azlan
Abdullah



Dato' Roslina binti Zainal



Ir. Haji Ahmad
bin Tamby Kadir



Dato' Aminuddin
bin Md Hanafiah



Datuk Dr. Haji Zahazan
bin Mohamed



Ts. Dr. Zahri bin Yunos



Mazlina binti Mokhtar



Profesor Dr. Zuraidah
binti Abd Manaf



Setiausaha ◀
Masdzarif bin Mahat

2.4 PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI



Naib Canselor
 Profesor Datuk Wira
 Dr. Raha Abdul Rahim FASc.



Timbalan Naib Canselor
 (Akademik & Antarabangsa)
 Profesor Dr. Zulkifilie
 Bin Ibrahim



Menjalankan Fungsi
Timbalan Naib Canselor
 (Penyelidikan & Inovasi)
 Profesor. Ir. Dr. Ghazali Bin Omar



Timbalan Naib Canselor
 (Hal Ehwal Pelajar)
 Profesor Madya Dr. Nurulfajar
 Bin Abd Manap



Penolong Naib Canselor
 (Pembangunan Dan Pengurusan Fasilitas)
 Profesor Madya
 Ts. Mohd Rahimi Bin Yusoff



Penolong Naib Canselor
 (Jaringan Industri dan Masyarakat)
 Profesor Madya
 Ir. Dr. Md Nazri Bin Othman



Bendahari
 Khairul Bin Taib



Ketua Pegawai Maklumat
 Mohd Isa Bin Mohd Dom



Penasihat Undang-undang
 Datuk Azhar Bin Mohamed



Ketua Pegawai Operasi
 Masdzarif Bin Mahat

PEGAWAI KANAN UNIVERSITI



**Dekan
Pusat Pengajian
Siswazah**
Profesor Ts. Dr. Noreffendy
Bin Tamalidin



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Elektrik**
Profesor Madya Ir.
Dr. Md Nazri Bin Othman



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Elektronik dan
Kejuruteraan
Komputer**
Profesor Madya Dr. Masrullizam
Bin Mat Ibrahim



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal**
Dr. Ruztamreen Bin Jenal



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Pembuatan**
Profesor Dr. Zamberi
Bin Jamaludin



**Dekan
Fakulti Teknologi Maklumat
dan Komunikasi**
Profesor Ts. Dr. Rabiah
Binti Ahmad



**Dekan
Fakulti Pengurusan
Teknologi dan
Teknousahawanan**
Profesor Madya Dr. Juhaini
Binti Jabar



**Dekan
Fakulti Teknologi
Kejuruteraan Elektrik dan
Elektronik**
Ts. Dr. Rostam Affendi
Bin Hamzah



**Dekan
Fakulti Teknologi
Kejuruteraan Mekanikal
dan Pembuatan**
Profesor Madya Ts.
Dr. Umar Al-Amani
Bin Haji Azlan



**Dekan
Pusat Bahasa
dan Pembangunan
Insan**
Dr. Mohd Fauzi
Bin Kamarudin



**Dekan
Institut Pengurusan
Teknologi dan
Keusahawanan**
Profesor Madya Dr. Safiah
Binti Sidek

2.5 SENAT UNIVERSITI

Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim FASc.
Pengerusi - Naib Canselor

Profesor Dr. Zulkifilie Bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Ghazali bin Omar
Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Madya Dr. Nurulfajar Bin Abd Manap
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi Bin Yusoff
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Profesor Madya Ir. Dr. Md Nazri Bin Othman
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Profesor Dr. Ts. Noreffendy Bin Tamaldin
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Ts. Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Profesor Madya Dr. Masrullizam bin Mat Ibrahim
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Dr. Ruztamreen Bin Jenal
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Dr. Zamberi Bin Jamaludin
Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Madya Dr. Juhaini Binti Jabar
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahwanan

Ts. Dr. Rostam Affendi Bin Hamzah
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Profesor Madya Ts. Dr. Umar Al-Amani Bin Haji Azlan
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Dr. Mohd Fauzi bin Kamarudin
Dekan Pusat Bahasa Pembangunan Insan

Profesor Madya Dr. Safiah Binti Sidek
Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

Profesor Ir. Dr. Marizan Bin Sulaiman
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Profesor Dr. Abdul Rani Bin Othman
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Dr. Zulkalnain Bin Mohd Yussof
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Ir. Dr. Kenneth A/L Sundaraj
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Ir. Ts. Dr. Sivarao Subramonian
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Ts. Dr. Faaizah Binti Shahbodin
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ts. Dr. Sazilah Binti Salam
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Dr. Mohd Khanapi Bin Abd Ghani
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ts. Dr. Goh Ong Sing
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Masdzarif bin Mahat
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Khairul bin Taib
Bendahari

Mohd Isa bin Mohd Dom
Ketua Pegawai Maklumat

Datuk Azhar bin Mohamed
Penasihat Undang-undang

2.6
JAWATANKUASA
AUDIT 2018



Pengerusi
YB Datuk Seri
Dr. Hasim Bin Hasan



Ahli
Dato' Aminuddin
bin Md Hanafiah




Ahli
Zulkhairil Amar
Bin Mohamad



Ahli
Ts. Dr. Zahri bin Yunos



Ahli
Datuk Nik Airina
Binti Nik Jaffar



▶ 3.0 LAPORAN
PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

LAPORAN TAHUNAN 2020
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi
Maha Penyayang,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dapat meneruskan penerbitan Laporan Tahunan bagi tahun 2020. Semua program, acara, dasar dan pencapaian UTeM sepanjang tahun 2020 telah dimuatkan dalam laporan ini supaya ia dapat menjadi wadah rujukan dan panduan pelbagai pihak pada masa akan datang. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan UTeM pada edisi kali ini.

Sepertimana semua sedia maklum, sepanjang tahun 2020, dunia dilanda wabak COVID-19, Malaysia dan UTeM tidak terkecuali. Namun demikian, walaupun berhadapan pelbagai cabaran, segala aspek kehidupan tetap berterusan demi kesinambungan hidup dan masa depan. Ini termasuklah aktiviti pendidikan dan pembelajaran di semua peringkat.

Pelbagai cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2020 terutama bagi mendepani wabak Covid-19. Bagi mematuhi arahan pihak Kerajaan berdasarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihak Universiti telah menubuhkan Jawatankuasa Krisis yang bertujuan memantau dan menguruskan bencana COVID-19 di UTeM. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Pengurusan Tertinggi UTeM, wakil Dekan Fakulti, Pegawai Perubatan dan lain-lain Pegawai yang berkaitan. Bilik gerakan juga telah ditubuhkan di Pejabat Pendaftar dan beroperasi 24 jam sehari/seminggu.

Dalam usaha membantu pencegahan penularan COVID-19 dan sebagai sumbangan kepada para petugas barisan hadapan, UTeM dengan kepakaran dan peralatan dalaman telah berjaya menghasilkan sebanyak 30 unit intubation box dan 11,300 unit face shield yang telah diagihkan kepada beberapa pihak seperti klinik kesihatan, hospital, klinik swasta, Majlis Perbandaran Hang Tuan Jaya, balai polis, anggota keselamatan dan lain-lain lagi.

Alhamdulillah, dengan tekad dan kerjasama semua pihak, UTeM telah berjaya menangani segala cabaran menguruskan segala hal berhubung keperluan para pelajar daripada segi keperluan pembelajaran dan kebajikan, termasuklah dalam menjalankan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara atas talian.

Bagi tahun akademik 2020, jumlah enrolmen pelajar pra siswazah UTeM adalah seramai 11,828 orang pelajar termasuk seramai 193 orang pelajar antarabangsa. Manakala jumlah enrolmen pelajar pasca siswazah adalah seramai 1,336 orang pelajar termasuk seramai 608 orang pelajar antarabangsa.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan enrolmen ini adalah dengan wujudnya penawaran program-program baharu iaitu Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian, Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian, Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian dan Sarjana Muda Teknologi Penyjukan dan Penyaman Udara dengan Kepujian.

Akibat terkesan daripada arahan kerajaan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 Majlis Konvokesyen UTeM pada tahun 2020 telah ditangguhkan ke tahun 2021.

Pada tahun 2020, UTeM telah berjaya disenarai di Times Higher Education (THE) World University Ranking 2021 pada kedudukan antara tangga 1,000 hingga 1,527. Penarafan ini berteraskan kepada penilaian fokus kepada 5 bidang utama Universiti iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, sitasi, pengantarabangsaan serta knowledge transfer.

UTeM turut tersenarai sebagai antara Universiti terbaik Asia, melonjak ke kedudukan 401 hingga 450 berdasarkan Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking : Asia 2021. Penarafan ini turut berdasarkan kriteria bertaraf dunia yang telah ditetapkan oleh QS menerusi penilaian kepada komponen utama bagi sesebuah Universiti meliputi aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, sitasi, pengantarabangsaan serta reputasi.

UTeM telah diberi kepercayaan menjadi penganjur bersama dengan pihak Protemp Exhibitions & Conferences Sdn Bhd untuk Malaysia Technology Expo (MTE) 2020 pada 20 hingga 22 Februari 2020 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Ekspo ini merupakan platform bagi mempromosi hasil penemuan dalam bidang penyelidikan, inovasi dan reka cipta terbaharu. Pihak UTeM telah menghantar sejumlah lima belas penyertaan dan berjaya memperolehi 5 emas, 7 perak, 3 gangsa dan 1 Anugerah Khas “Euro Business Haller Poland”.

UTeM turut diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan menyertai beberapa siri forum secara webinar/fizikal antaranya “Role of Women in Digital Transformation of Developing Countries/ Challenges & Opportunities” pada 12 November 2020, “Women Leadership in International Higher Education” pada 17 November 2020, “Future

Cyber Resilience” pada 3 Disember 2020 dan “Global Engineering Education 2020” di Harare, Zimbabwe pada 8-10 Disember 2020.

Tahun 2020 juga turut mencatatkan sejarah dengan menyaksikan pelantikan Canselor UTeM yang baharu iaitu Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2020. Lembaga Pengarah Universiti serta seluruh warga UTeM merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ini. Pelantikan ini bagi menggantikan mantan Canselor sebelum ini iaitu YABhg Tun Mohd Khalil bin Yaakob yang telah tamat tempoh pelantikan pada 4 Jun 2020. Lembaga Pengarah Universiti serta seluruh warga UTeM juga turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YBhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh, mantan Pro-Canselor UTeM yang telah tamat tempoh pelantikan pada 1 Oktober 2020.

UTeM turut merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang baharu iaitu YBrs. Tuan Haji Kamaruzaman bin Mahmood (Wakil Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)), YBhg. Profesor Dr. Ghazali bin Omar (Wakil Senat Universiti) dan YBrs. Ts. Dr. Zahri bin Yunos (Wakil Alumni Universiti). Pada tahun 2020 juga, UTeM menerima pelantikan baharu ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti iaitu YBhg. Dato' Mohammad Azlan bin Abdullah (Wakil Swasta), YBhg. Dato' Aminuddin bin Md Hanafiah (Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman) serta YBrs. Puan Mazlina binti Mokhtar (Ahli Silih Ganti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)).

UTeM turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mantan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti yang telah tamat tempoh pada tahun 2020 iaitu YBhg. Profesor Dr. Rahmah binti Ahmad H. Osman, Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin, YBhg. Dato' Roslina binti Zainal, YBhg. Datuk Dr. Hj. Zahazan binti Mohamed dan YBhg. Profesor Dr. Zuraidah binti Abd Manaf.

Lembaga Pengarah Universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan amat berterima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi serta seluruh warga kerja UTeM di atas segala komitmen dan kerjasama yang diberikan secara berterusan dalam perkembangan dan kemajuan Universiti bagi tempoh sepanjang tahun 2020.

Saya berdoa agar kesepakatan dan semangat kebersamaan dalam UTeM terus dipegang erat dan disemat kukuh di sanubari semua warga demi merealisasikan kelangsungan serta kejayaan visi dan misi UTeM. Saya yakin berkat iltizam, komitmen dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh semua warga UTeM akan terus konsisten mengekalkan dan melakar kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.

Academician Tan Sri

Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

▶ LAPORAN
NAIB CANSOLOR

LAPORAN TAHUNAN 2020

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LAPORAN NAIB CANSOLOR

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Tahun 2020 menyaksikan UTeM meneruskan legasi kecemerlangannya sebagai universiti teknikal awam yang pertama ditubuhkan di negara ini. Legasi kecemerlangan UTeM telah bermula sejak 2 dekad yang lalu menerusi penubuhan institusi pengajian tinggi model kedua dengan pendekatan yang unik dan berbeza bagi melengkapi sistem pengajian tinggi konvensional sedia ada. UTeM sebagai sebuah universiti di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia atau *Malaysian Technical University Network* (MTUN) berperanan penting melahirkan modal insan berkemahiran teknikal yang mempunyai personaliti unggul, berkemampuan tinggi dan holistik. Ini bagi memastikan kelestarian dan daya saing negara terus dinikmati menerusi kesepakatan sinergistik antara keempat-empat universiti teknikal serta gandingan strategik bersama industri dan masyarakat. Selaras dengan tagline “Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui”, UTeM bertekad mengungguli bidang sains, teknologi dan kejuruteraan yang berupaya memperkasa invensi dan inovasi sejajar dengan usaha untuk bergelar universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

Bagi menzahirkan tema Perutusan Naib Canselor 2020 – “Menjuarai Teknologi, Merealisasi Aspirasi”, UTeM terus mengorak langkah lebih proaktif dalam pelbagai sudut terutamanya pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, pembangunan siswa, jaringan industri dan masyarakat. Ini bagi memastikan manfaat daripada penubuhan universiti teknikal ini bukan sahaja dinikmati oleh seluruh warganya, malah turut memberi kebaikan kepada industri dan masyarakat sejangkit, sejajar dengan pelaksanaan konsep T.U.N.A.I – *Technology @ University Advancing Industry and Society* (Inclusivity).

Tahun 2020 memberikan cabaran baru kepada UTeM, lanjutan daripada penularan pandemik COVID-19 di negara ini yang turut memberi kesan kepada pengurusan dan pengoperasian Universiti. Walaupun pelbagai halangan dan rintangan yang menjelma, UTeM terus bersatu membina ketahanan diri untuk mengharungi cabaran ini. Alhamdulillah, atas kecekalan, semangat dan

iltizam tinggi dari seluruh warga universiti, UTeM terus mengorak langkah mara ke hadapan secara proaktif dan inovatif bagi menyempurnakan tanggungjawab, harapan, misi dan visi yang telah diamanahkan. Pencapaian demi pencapaian digengami di samping pengiktirafan yang dianugerahkan, mampu memperkukuhkan lagi kedudukan dan status UTeM sebagai universiti teknikal berdaya saing di Malaysia mahupun di kalangan universiti luar negara.

Dalam mengatasi krisis pandemik COVID-19 di dalam kampus, berpandukan kepada arahan yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan, pengurusan Universiti telah mengambil langkah proaktif supaya solusi terbaik yang menyeluruh dicakna sebaik-baiknya. Berkat kebersamaan dan keseragaman sebagai satu pasukan UTeM, Jawatankuasa Krisis peringkat Universiti telah ditubuhkan dengan keahlian dari semua pihak yang berkepentingan. Jawatankuasa ini berperanan untuk memantau dan menguruskan bencana COVID-19 di UTeM di samping memberikan nasihat dan pandangan kepada Pengurusan Universiti berkaitan risiko penularan COVID-19 di dalam kampus. Menerusi Jawatankuasa ini pelbagai Prosedur Kendalian Standard (SOP), Garis Panduan, Soalan Lazim (FAQ) dan Notis Arahan Dalaman telah dihasilkan sebagai panduan seluruh warga Universiti. Selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi juga, UTeM telah melancarkan *Food Bank*, Tabung Bantuan Bencana, menjayakan Ops Pulang Pelajar di samping melaksanakan pelbagai lagi inisiatif di bawah Bantuan UTeM Prihatin.

Pencapaian di peringkat global yang amat memberangsangkan pada tahun 2020 apabila julung kalinya UTeM tersenarai pada kedudukan 451-500 dalam *QS Asia World University Rankings*. UTeM juga berjaya memperbaiki kedudukan ke-109 daripada 114 pada tahun sebelumnya dalam *UI Green Metric World University Rankings 2020*. Manakala diperingkat nasional pula, UTeM terus kekal memperolehi penarafan Empat Bintang dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) 2020 dan penarafan Tiga Bintang dalam audit MyRA 2020. Di samping itu, berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Lembaga Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) UTeM tersenarai di tempat keenam tertinggi,

lantas menjadikan Universiti ini antara penyumbang utama tenaga kerja mahir professional kepada negara dalam bidang teknikal.

UTeM amat komited menjayakan agenda negara dalam mengurusperdanakan pendidikan tinggi TVET negara dengan menubuhkan Jawatankuasa TVET UTeM. Jawatankuasa ini berperanan memastikan program akademik yang ditawarkan mempunyai elemen teknikal dan kemahiran selaras dengan piawaian pendidikan tinggi TVET. Dalam menyahut hasrat ini, UTeM telah menawarkan 4 program Sarjana Muda Teknologi (B.Tech) pengkhususan dalam Penyelenggaraan Sistem Elektrik, Automasi Elektronik Industri, Automotif, Penyejukan dan Penyamanan Udara. Selain itu, dalam usaha memperkasakan pengalaman pembelajaran berasaskan industri, UTeM turut menerima kelulusan dari Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) bagi pelaksanaan program mod industri (3U1i) menerusi program Teknousahawan di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) dan program Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyamanan Udara) di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP).

Bidang penyelidikan UTeM terus menjadi agenda utama dan diberikan perhatian khusus walaupun turut terkesan dengan penularan COVID-19 di negara ini. Pelbagai kejayaan telah diraih oleh penyelidik UTeM yang sentiasa komited memperkukuhkan lagi kecemerlangan bidang penyelidikan Universiti. Sebagai bukti, pada tahun 2020 UTeM telah menerima geran penyelidikan berimpak FRGS bernilai lebih daripada RM5 juta, di samping menerima pelbagai pengiktirafan sama ada diperingkat nasional mahupun antarabangsa. Pasukan penyelidik UTeM telah dinobatkan dengan 17 pengiktirafan di The 31st International Invention, Innovation & Technology Exhibition Malaysia (ITEX) 2020 menerusi 10 emas, 4 perak dan 3 gangsa, manakala menjulang 10 pingat (5 emas, 4 perak, 1 gangsa) dalam penyertaan *The International Research and Innovation Symposium and Exposition (RISE) 2020*. Seterusnya produk penyelidikan berinovasi tinggi iaitu UTeM *Face Shield for Our Heroes* turut memperoleh Anugerah Merit selain *UTeM COVID-19 Screening Booth* turut meraih Emas dan Anugerah Khas iaitu Euro-Business Haller Award di *The Malaysia Technology Expo (MTE) 2020 Special Edition - Covid-19 International Innovation Awards*. Selain itu, platform *The 19th International Expo on Inventions and Innovations (MTE) 2020* turut

menyaksikan penyelidik UTeM berjaya merangkul 15 pingat secara keseluruhan. Di peringkat nasional pula, penyelidik UTeM telah dinobatkan dengan 1 emas dan 3 perak di e-Karnival Penyelidikan & Inovasi (eCRI) 2020, 2 emas dan 1 perak di Ekspo Maya Rekacipta dan Pameran Penyelidikan (EREKA) 2020 selain seorang pensyarah, Profesor Ir. Dr. Puvanasvaran a/l A. Perumal diiktiraf sebagai Productivity Champion oleh Malaysia Productivity Cooperation (MPC). Tahun 2020 juga memberikan tuah kepada UTeM apabila sejumlah dana dari Kementerian Pengajian Tinggi disalurkan bagi menyokong program berimpak seperti Penjana KPT- Career Advancement Programme (CAP) berjumlah RM1.06juta, Geran KPT Program I-CoE Kluster E&E berjumlah RM 972,500.00 dan Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE) Peringkat Universiti dan Nasional berjumlah RM 372,500.00

UTeM juga prihatin dalam melunaskan amanah dan tanggungjawab sosial dengan menghasilkan projek-projek berimpak tinggi yang membawa kebaikan dan kesejahteraan masyarakat sejagat. Menyedari kepentingan perlindungan diri khususnya di kalangan petugas barisan hadapan dalam menentang COVID-19, UTeM telah menghasilkan lebih 60,000 unit UTeM Face Shield yang menggunakan teknologi dan kepakaran dalaman UTeM untuk disumbangkan kepada hospital, klinik, sekolah, agensi, badan korporat, NGO dan sebagainya. Projek kemasyarakatan ini mendapat sokongan dari pelbagai pihak menerusi sumbangan dana dan bahan asas antaranya dari Petronas, FETTA Auto Industry, ST Microelectronics, Honda Malaysia, Bank Islam, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional. Dalam merencanakan lagi projek kemasyarakatan ini, penyelidik UTeM turut menghasilkan 30 unit intubation box dan COVID-19 Screening Booth bagi kegunaan Hospital Besar Melaka.

Mahasiswa merupakan generasi yang bakal mewarisi kepimpinan negara di masa hadapan. Alhamdulillah, menerusi pendekatan konsep TUAH (Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik) yang disokong oleh 10 Inisiatif TUAH-Go telah mentransformasi dan memperkasakan lagi kualiti serta keperibadian siswa UTeM yang lebih holistik, berdaya saing serta memiliki atribut yang diperlukan oleh negara. Berdasarkan keboleh pasaran graduan (GE) 2020, UTeM berjaya mencatatkan pencapaian sebanyak 93.7%, sekaligus meletakkan UTeM di tangga ke-5 terbaik di kalangan semua universiti awam di negara ini. Siswa UTeM juga terus hebat melakar pelbagai

pencapaian antaranya menjulang juara keseluruhan dalam Kejohanan *e-Sports Uni-League 2020*, berada ditempat ketiga dalam e-Sukan Kampus Yoodoo Peringkat Kebangsaan, memenangi perak dan gangsa di *The 11th TM (WT) – NSC Milo National Taekwondo Championship 2020*, tempat ketiga dan menerima anugerah kerjasama pasukan terbaik dalam Pertandingan Rekabentuk dan Pembangunan Model Nano Satelit peringkat kebangsaan, johan Pertandingan Nazam Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka, naib johan dalam Pertandingan Membina Laman Sesawang Pelajar Global IEEE 2020 dan pelbagai lagi.

Alumni UTeM juga tidak kurang hebatnya. Pada tahun 2020, UTeM telah menggazetkan tarikh 1 Disember setiap tahun sebagai Hari Alumni UTeM. Sambutan kali pertama yang bertemakan Alumni Memperkasa Legasi UTeM, menyaksikan penganjuran pelbagai aktiviti secara atas talian yang diuruskan oleh Persatuan Alumni UTeM seperti sesi perkongsian pengalaman dan kejayaan para Alumni UTeM bagi membakar semangat siswa UTeM untuk terus berjaya dalam pengajian dan alam pekerjaan.

Penubuhan UTeM di bumi bertuah Melaka semestinya memberikan banyak manfaat kerana lokasinya yang strategik di negeri tumpuan pelancongan antarabangsa. Bertepatan dengan slogan “UTeM adalah Melaka, Melaka adalah UTeM” telah memberikan banyak peluang kerjasama dalam pelaksanaan projek yang melibatkan kepakaran penyelidik UTeM. Bagi membantu Kerajaan Negeri Melaka dalam membaikpulih keadaan ekonomi negeri yang terjejas kerana COVID-19, UTeM terpilih untuk membantu Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan Pusat Pangkalan Data Negeri Melaka dengan mewujudkan dashboard dan perkongsian kepakaran dalam data analitik bagi mengkaji sektor yang terjejas serta mengenalpasti peluang pekerjaan baru yang berpotensi tinggi. Selain itu, penyelidik UTeM turut berkolaborasi bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN) dalam menjayakan projek pengesanan banjir menerusi kaedah Internet of Things (IoT) di beberapa buah kawasan yang sering dinaiki banjir sekitar Melaka Tengah.

Tahun 2020 juga mencatatkan peristiwa bersejarah buat UTeM. Buat julung kalinya, buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita Pandemik 2020 karya Profesor Dr. Lim Swee Tin yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti telah mendapat pengiktirafan The Malaysia Book of Records kerana

menghimpunkan puisi berkaitan Pandemik COVID-19 yang terpanjang. Selain itu, UTeM turut melancarkan plat nombor kenderaan khas menerusi akronim UTeM bermula daripada nombor pendaftaran 1 hingga 9999. Inisiatif ini secara langsung dapat menyokong kelestarian kewangan Universiti yang lebih mapan. Dalam meneruskan agenda hala tuju Universiti untuk tempoh separa dekad yang mendatang, Alhamdulillah, hasil daripada Program Retreat Canselor 2019, UTeM telah berjaya menghasilkan *UTeM’s Seven Strategic Goals 2021-2025*, yang memberikan penekanan dan keperluan segenap aspek hala tuju universiti merangkumi pemantapan pengurusan universiti, kualiti graduan, memberi solusi untuk perindustrian dan kesejahteraan masyarakat, bakat, visibiliti, kampus dinamik dan kelestarian kewangan.

Kecemerlangan UTeM pada tahun 2020 menjadi bukti hasil usaha dan kerjasama dari semua pihak; staf, siswa dan siswi, rakan industri, agensi dan pelbagai lagi. Selaku Naib Canselor, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas usaha dan komitmen semua pihak yang telah bekerja keras untuk memastikan UTeM terus mencipta kecemerlangan dan kegemilangan. Harapan saya agar semangat dan keazaman tinggi untuk mencipta lebih kejayaan ini berterusan tanpa titik noktah, demi menyokong ekosistem akademia, industri dan masyarakat yang lebih teguh.

Let’s RISE Together.

Sekian.

Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim, Fasc
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



▶ 4.0
PENCAPAIAN BERIMPAK
UTeM 2020

LAPORAN TAHUNAN 2020
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENCAPAIAN BERIMPAK UTeM 2020

UTeM Lonjak Naik Kedudukan Dalam Senarai Universiti Terbaik Asia

UTeM telah melonjak naik kedudukan dalam senarai universiti terbaik Asia pada tahun 2020 menurut laporan Quacquarelli Symonds (QS) yang mengumumkan senarai universiti terbaik di Asia. Ianya adalah berdasarkan kriteria bertaraf dunia yang telah ditetapkan dalam QS World University Rankings: Asia 2021.

Berdasarkan laporan tersebut UTeM telah meningkatkan kedudukannya dalam kalangan 60 peratus teratas di kalangan universiti terbaik Asia dan ini merupakan tahun kedua UTeM menyertai senarai penarafan tersebut dan perkembangan pencapaian ini agak memberangsangkan.

Kedudukan terbaru ini mencatatkan bahawa universiti teknikal berprestij ini telah melonjakkan kedudukan pada tahap baru iaitu pada kedudukan 401-450 berbanding sebelumnya pada kedudukan 451-500. Penarafan QS ini menilai 11 komponen utama bagi sesebuah universiti meliputi aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, sitasi, pengantarabangsaan serta reputasi.

Pencapaian Pertandingan Produk Penyelidikan dan Inovasi

Berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini akibat penularan pandemik COVID-19, pada tahun 2020 semua pertandingan inovasi telah dilaksanakan secara atas talian. UTeM tidak ketinggalan dan telah menyertai pelbagai pertandingan inovasi peringkat antarabangsa anjuran agensi swasta, badan akademik dan profesional. UTeM telah berjaya mencapai 100% kemenangan melalui kutipan sejumlah 35 pingat di Malaysia Technology Expo (MTE) 2020, 31st International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) 2020 dan *Malaysia Technology Expo (MTE) 2020 Special Edition Covid-19*. UTeM juga turut bertanding di pertandingan inovasi anjuran universiti awam dan swasta di peringkat kebangsaan dan telah berjaya mencapai 100% kemenangan sejumlah 34 pingat.

UI GreenMetric Dunia: UTeM Terus Menyerlah Meningkatkan Kedudukan 5 Tahun Berturut-turut

UTeM telah mencatatkan kejayaan terbaharu apabila berjaya melonjakkan kedudukan terkini berada di tangga 109 berbanding kedudukan 114 pada tahun 2019 *UI GreenMetric World University Ranking on Sustainability 2020 (UIGM)* dan kedudukan tersebut adalah daripada 912 universiti di seluruh dunia.

Keputusan ini merupakan peningkatan secara berterusan UTeM bagi 5 tahun berturut-turut yang mana UTeM menyertai UIGM ini pada tahun 2016 pada kedudukan 269, 2017 pada kedudukan 170 dan 2018 pada kedudukan 148.

Antara faktor pendorong ke arah peningkatan kedudukan ini menerusi sub kriteria kelestarian yang ditambahbaik dalam penilaian dan kriteria UIGM di samping sumbangan kolektif dengan aspirasi kampus lestari dari seluruh institusi dan fakulti di UTeM.

UTeM Penyumbang Utama Tenaga Kerja Mahir Bidang Digital

UTeM dikenal pasti antara institusi pengajian tinggi yang berada pada tahap antara tertinggi sebagai penyumbang tenaga kerja mahir bidang digital. Ianya merujuk kepada data yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) yang meletakkan UTeM di tangga ke 6 tertinggi dalam negara sebagai pembekal tenaga kerja mahir profesional bidang digital dan bertepatan dengan bidang tumpuan utama UTeM iaitu Teknologi Pembuatan Termaju (AMT).

Ianya selari dengan peratusan pencapaian kadar kebolehpasaran graduan UTeM yang turut menyerlah iaitu pada kadar 93.7% sekaligus menempatkan UTeM berada pada tangga ketiga tertinggi dalam negara. Pencapaian ini telah meningkatkan visibiliti dan kedudukan baik UTeM selaku universiti teknikal awam sebaris dengan universiti ternama di persada global.

Antara faktor kejayaan ini ekoran beberapa elemen antaranya adalah faktor penawaran program di UTeM yang memenuhi kehendak pasaran serta berpakej aliran Revolusi Industri 4.0 terus menjadikan graduan UTeM terus relevan dan profesional. Konsep pengajian dan kurikulum UTeM yang bersandarkan kepada keperluan semasa industri dan teknologi terkehadapan serta latihan industri mampan juga turut mencorak graduan UTeM menjadi lebih berkemahiran tinggi.

Dari segi pembentukan graduan berkemahiran holistik pula, UTeM mempunyai resipi tersendiri bagi mencorak graduan berkemahiran tinggi mampan dalam pasaran kerja dunia antaranya berkonsepkan formula TUAH iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik diterapkan dalam diri setiap mahasiswa agar mereka terus berkarisma tinggi di persada dunia. Di samping itu UTeM turut berkeupayaan membentuk rangkaian Kerjasama strategik bersama rangkaian industri dalam dan luar negara merupakan kelainan dan nilai tambah yang dimiliki UTeM.

Penyelidik UTeM Hasilkan UTeMShield dan PlexiBox Lindungi Jentera Petugas Hadapan dari Jangkitan Virus Pandemik COVID-19

Penyelidik UTeM mengambil inisiatif dan menghulur bantuan melalui kepakaran penghasilan UTeMShield dan PlexiBox yang berupaya melindungi para petugas barisan hadapan khususnya petugas perubatan daripada jangkitan virus COVID-19 yang semakin kritikal pada masa kini. Inisiatif penyelidikan ini bukan saja menepati keperluan bekalan *Face Shield* dan *Intubation Box* yang amat diperlukan kini malah turut mengenengahkan kepakaran penyelidik di institusi pengajian tinggi negara dalam menggunakan teknologi *3D printing* (cetakan 3D), SLS Printed dan *Laser Cutting* (potongan laser) bagi proses pembuatan produk perlindungan ini.

UTeMShield merupakan alat pelindung muka yang dicipta oleh penyelidik UTeM diketuai oleh Naib Canselor UTeM sendiri Datuk Wira Profesor Dr Raha Abdul Rahim bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Zulkiflie Ibrahim dan barisan penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Komputer, Pusat Kecemerlangan UTeM (CoE), Pusat Pembuatan Termaju

(AMC) dan disokong oleh Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM).

Satu lagi produk penyelidikan UTeM yang dicipta untuk disumbangkan kepada KKM adalah *PlexiBox* merupakan peralatan *Intubation Shield* yang melindungi pegawai perubatan dan petugas kesihatan semasa prosedur intubasi terhadap pesakit yang dijangkiti COVID-19 di jalanan. *PlexiBox* ini akan disumbangkan untuk kegunaan oleh pegawai perubatan dan petugas kesihatan di Poliklinik dan Hospital sekitar Melaka.

Reruai Saringan Covid 19 Ciptaan UTeM diiktiraf Menang Anugerah Peringkat Antarabangsa

Kepakaran penyelidikan dan inovasi UTeM terus diperakui dunia apabila Reruai Saringan COVID-19 yang dibangunkan oleh penyelidik universiti ini telah memenangi pingat emas dan anugerah khas di Malaysia Technology Expo (MTE) 2020.

MTE 2020, Edisi Khas, Anugerah Inovasi Antarabangsa Covid 19 yang telah diadakan secara atas talian pada 30 September sehingga 2 November 2020 bertujuan bagi menghargai dan meraikan produk inovasi sebagai respon terhadap pandemik COVID-19 merangkumi pelbagai kategori yang berperanan dalam usaha tindak balas dan pemulihan di peringkat global.

Projek ini dibangunkan oleh penyelidik UTeM yang diketuai Pengarah Pusat Hubungan Industri UTeM, Profesor Madya Dr Kok Swee Leong dan Prof. Dr Zahriladha Zakaria. Menariknya di samping memenangi pingat emas, produk ini turut diiktiraf apabila turut terpilih bagi menerima anugerah Anugerah Khas (Euro Haller Business Award).

MPC Anugerahkan “Productivity Champion 2020” Kepada Pensyarah UTeM

Pensyarah UTeM Profesor Ir. Dr. Puvanasvaran A/L A. Perumal telah dianugerahkan “Productivity Champion 2020” daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 24 November 2020 lalu. Anugerah ini telah disampaikan sempena dengan Hari Produktiviti bersama *Productivity Champions* dan Rakan Kolaborasi di kalangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang diadakan secara atas talian pada 24 November 2020 lalu.

Anugerah ini adalah satu pengiktirafan yang jelas menggambarkan kakitangan UTeM bersama menyumbang dan memberi impak besar kepada produktiviti perindustrian negara.

Antara kriteria yang melayakkan beliau menerima anugerah tersebut antaranya adalah sumbangan meningkatkan produktiviti industri pembuatan dalam negara menerusi kajian dan kolaborasi bersama industri antaranya seperti CTRM Aerocomposite Melaka, Syarikat Air Melaka Berhad, Autokin Sdn Bhd (Shah Alam), MARUWA Electronic Sdn Bhd, Infineon, Autokeen Sdn. Bhd dan Ideaspark Sdn.Bhd. Beliau turut bekerjasama rapat bersama pihak MPC dalam membangunkan serta memberi pandangan terhadap modul-modul untuk peningkatan produktiviti bagi para pengamal jurutera muda lepasan universiti.

UTeM Terima Geran Penyelidikan Berimpak Lebih RM 5 Juta

UTeM terus menyerlah dan bersinar dalam arena penyelidikan dan inovasi peringkat nasional dan global apabila telah berjaya menerima geran penyelidikan sebanyak lebih daripada RM 5 juta. Kejayaan ini menerusi Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Geran Padanan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia dan *New Car Assessment Program for Southeast Asia Countries* (ASEAN NCAP).

UTeM telah berjaya memperolehi geran FRGS dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang berjumlah RM 4.6 juta merangkumi 50 topik penyelidikan. Ini merupakan kejayaan besar apabila lebih 44% permohonan daripada 113 permohonan yang asal telah berjaya mendapat geran ini merangkumi beberapa domain utama penyelidikan.

Domain penyelidikan yang berjaya adalah terdiri daripada 17 topik bagi penyelidikan elektrik dan elektronik, 15 topik mekanikal dan pembuatan, 5 topik tenaga & teknologi hijau, 3 topik infrastruktur dan pengangkutan dan 2 topik kepintaran buatan. Sementara itu 1 topik penyelidikan bagi setiap sub domain seperti psikologi, fizik, data, matematik dan statistik, pengkomputeran dan komunikasi termaju.

UTeM turut berjaya menerima geran penyelidikan yang dikenali sebagai Geran Padanan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia yang berjumlah sebanyak RM 460,000.00 merangkumi 3 topik penyelidikan dengan

kolaborasi industri. Penyelidik UTeM diiktiraf di peringkat dunia apabila mereka telah berjaya memperolehi geran penyelidikan bagi ASEAN NCAP. Geran penyelidikan bagi Asean NCAP ini berjumlah RM 119,424.00 merangkumi 7 topik penyelidikan berimpak dalam kluster ini sekaligus memberi impak langsung kepada semua.

Kecemerlangan Atlet TUAH UTeM di Arena Sukan dan Rekreasi

Tahun 2020 merupakan tahun yang penuh mencabar dengan penularan pandemik Covid 19 di seluruh negara lantas menyebabkan berlaku banyak penangguhan penganjuran serta penyertaan di peringkat universiti, IPT, negeri, kebangsaan dan antarabangsa terpaksa dibatalkan demi mengekang penyebaran wabak ini.

Namun, barisan TUAH UTeM tetap adaptif dan holistik merangkul pelbagai kejayaan cemerlang dan membanggakan di peringkat IPT, negeri dan Kebangsaan. Ketangkasan dan kemahiran mereka telah berjaya meraih pungutan pingat serta melonjakkan nama UTeM. Sebanyak 15 pingat kejohanan sukan telah dirangkul iaitu 2 pingat emas, 3 pingat perak dan 10 pingat gangsa menerusi penglibatan 8 penyertaan kelab dan 4 penyertaan kejohanan IPT dan MASUM.

Kejohanan sukan sepanjang tahun 2020 telah mencatatkan sejumlah 3,060 penyertaan aktiviti sukan manakala 175 merupakan atlet berprestasi tinggi yang telah berjaya dilahirkan dan seterusnya mewakili UTeM.

TUAH UTeM Mengukir Kecemerlangan

Siswa UTeM juga terus hebat melakar pelbagai pencapaian antaranya menjulang juara keseluruhan dalam Kejohanan e-Sports Uni-League 2020, berada ditempat ketiga dalam e-Sukan Kampus Yoodoo Peringkat Kebangsaan, memenangi perak dan gangsa di The 11th TM (WT) – NSC Milo National Taekwondo Championship 2020, tempat ketiga dan menerima anugerah kerjasama pasukan terbaik dalam Pertandingan Rekabentuk dan Pembangunan Model Nano Satelit peringkat kebangsaan, johan Pertandingan Nazam Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka, naib johan dalam Pertandingan Membina Laman Sesawang Pelajar Global IEEE 2020 dan pelbagai lagi.

UTeM Sumbangkan 1150 UTeM Shield Kepada Petugas Hadapan Negeri Melaka

UTeM terus cakna dan prihatin dalam membantu mengekang penularan pandemik COVID-19 di negeri Melaka khususnya dan negara amnya. Sehubungan itu UTeM telah menyerahkan sumbangan UTeM Shield merangkumi sejumlah 1150 unit pelindung muka atau face shield, 2 unit kotak intubasi dan 2000 pasang sarung tangan kepada Jabatan Kesihatan Negeri di Wisma Persekutuan baru-baru ini.

Pelindung muka yang dihasilkan sepenuhnya oleh para penyelidik UTeM menggunakan teknologi laser sinthering printing dan laser printing itu diharapkan dapat membantu para petugas perubatan di hospital-hospital dan premis-premis perubatan di negeri Melaka. Pada ketika itu bekalan pelindung muka ini memang amat terhad dan sumbangan UTeM ini meringankan beban dan membantu keperluan hospital-hospital yang kritikal pada masa tersebut.

UTeM Wartakan 1 Disember Sebagai Hari Alumni

Bagi menyuburkan hubungan berterusan antara pihak universiti dan kumpulan alumni maka UTeM telahewartakan setiap 1 Disember sebagai Hari Alumni bermula pada tahun 2020.

Tarikh ini dipilih berdasarkan tarikh penubuhan UTeM pada ketika itu ialah Kolej Universiti Teknikal Malaysia Melaka (KUTKM) adalah pada 1 Disember 2000 dan seterusnya telah dinaiktaraf sebagai UTeM. Antara objektif diadakan Hari Alumni ini adalah sebagai platform yang membolehkan barisan alumni UTeM menyumbang kembali kepada universiti dalam bentuk kepakaran, nasihat, peluang pekerjaan kepada UTeM dan siswa-siswi UTeM.

Buku Puisi Pandemik Terbitan UTeM Terima Pengiktirafan the Malaysia Book of Records

UTeM menerima pengiktirafan oleh *The Malaysia Book of Records* dengan tajuk rekod “Longest COVID-19 Pandemic Poem” melalui buku kumpulan puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 karya Lim Swee Tin. Penyerahan sijil pengiktirafan berkenaan telah disampaikan oleh wakil *The*

Malaysia Book of Records iaitu Pengarah Pembangunan Perniagaannya Jwan Heah Yeow Hooi kepada Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim semasa majlis pelancaran buku tersebut di Auditorium Canselori, Kampus Induk UTeM.

Buku Merentas Gempita: Pandemik merupakan sebuah buku yang menghimpunkan 57 buah puisi mengenai pandemik COVID-19 yang mana puisi-puisi dalamnya berkaitan segala aspek yang sedang dihadapi, kesan yang diperhatikan serta kebimbangan yang dilihat dan dirasakan akibat kesan penularan pandemik COVID-19. Buku ini ditulis oleh Profesor Dr. Lim Swee Tin sebuah nama besar dalam industri buku dan pemuisi terkenal yang menerima S.E.A Write Award tahun 2000. Beliau telah menghasilkan lebih 40 kumpulan puisi dengan lebih 180 buah antologi yang memuatkan karya-karyanya.

UTeM sasar kutip RM5 juta jual nombor plat eksklusif

UTeM menyasarkan kutipan RM5 juta menerusi penjualan nombor pendaftaran kenderaan eksklusif UTeM secara bidaan dalam tempoh tiga tahun, bermula hujung 2020. Lima kategori nombor kenderaan eksklusif iaitu *bronze*, *silver*, *gold*, *diamond* dan *platinum* akan dibuka untuk bidaan bermula pada harga RM450 hingga RM30,000.

Bidaan fasa pertama akan melibatkan kategori ‘bronze’ dan ‘silver’ bermula pada pukul 12 tengah hari Rabu dan berakhir pada 12 tengah hari, 14 Disember 2020. Jabatan Pengangkutan Jalan telah meluluskan nombor pendaftaran 1 hingga 9999 dan akronim UTEM adalah sepenuhnya berhuruf besar.

Rebat RM100 akan diberikan kepada kakitangan, pelajar, alumni dan pesara UTeM yang berjaya dalam bidaan nombor pendaftaran itu dan rebat itu hanya layak untuk satu nombor bagi setiap orang. Proses penjualan nombor pendaftaran kenderaan itu dilakukan menerusi sistem ebida.utm.edu.my yang dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman universiti itu.



5.0
▶ PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN
BIDANG KEBERHASILAN UTAMA
(KPI)

PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KPI)

Jadual: Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian UTeM Bagi Tahun 2020

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Peratus kebolehpasaran graduan di universiti.	80%	88.1%
2.	Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	2.00	1.14
3.	Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	7.055	27.18
4.	Peratus penjanaaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus	15%	13.2%
5.	Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	≤5%	1.41%
	(ii) Sarjana	≤3%	7.93%
	(iii) PhD	≤2%	5.01%
6.	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	85%	90.6%
	(ii) Sarjana	70%	69.6%
	(iii) PhD	40%	52.17%
7.	Bilangan pelajar antarabangsa di universiti.	800	812

6.0
▶ MELONJAK KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN TEKNIKAL

LAPORAN TAHUNAN 2020
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MELONJAK KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TEKNIKAL

Program Akademik

Pada tahun 2020, UTeM telah menawarkan sebanyak 5 program di peringkat Diploma dan 39 program di peringkat Sarjana Muda termasuk 4 program yang telah mula ditawarkan pada tahun 2020. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:

Jadual 1 Penawaran Program di UTeM

Fakulti	Kod Program	Nama Program
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	BEKG	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian
	BEKM	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian
	DEK	Diploma Kejuruteraan Elektrik
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	BENG	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian
	BENR	Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer Dengan Kepujian
	DEN	Diploma Kejuruteraan Elektronik
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	BMCG	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian
	BMCK	Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif Dengan Kepujian
	DMC	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	BMFG	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian
	BMFI	Sarjana Muda Kejuruteraan Industri dengan Kepujian
	DMF	Diploma Kejuruteraan Pembuatan
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)	BITC	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian
	BITD	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) Dengan Kepujian
	BITI	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian
	BITM	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian
	BITS	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian
	BITZ	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) Dengan Kepujian
	BITE	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) Dengan Kepujian
	DIT	Diploma Teknologi Maklumat & Komunikasi
	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)	BTEC
BTMI		Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Inovasi Teknologi)

	BTMM	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)
	BTMS	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantaian Bekalan dan Logistik) Dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	BEEI	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
	BEEA	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) Dengan Kepujian
	BEET	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) Dengan Kepujian
	BEEE	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian
	BEEC	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) Dengan Kepujian
	BEEY	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian
	BEEZ	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian
		BTEA
	BTEM	Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik Dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)	BMMA	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) Dengan Kepujian
	BMMH	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan Dan Penyaman Udara) Dengan Kepujian
	BMMM	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) Dengan Kepujian
	BMMP	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses Dan Teknologi) Dengan Kepujian
	BMMD	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) Dengan Kepujian
	BMMV	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian
	BMMW	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian
	BMMK	Sarjana Muda Teknologi Kimpalan Dengan Kepujian
	BMMI	Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri Dengan Kepujian
	BMMF	Sarjana Muda Teknologi Automotif Dengan Kepujian
	BMMS	Sarjana Muda Teknologi Penyejukan Dan Penyaman Udara Dengan Kepujian

Program Akademik Berbentuk Mod Industri

Pada tahun 2020, 2 program sedia ada telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dengan penambahan kaedah penyampaian secara Mod Industri iaitu:

- i. Ijazah Sarjana Muda Teknologi kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyaman Udara) dengan Kepujian (kemasukan sesi 2020/2021); dan
- ii. Ijazah Sarjana Muda Teknousahawan dengan Kepujian (kemasukan sesi 2021/2022).

Program Pengajian Mod Industri di UTeM bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda ini bertujuan:

- i. Meningkatkan kompetensi pelajar dalam kemahiran yang relevan kepada kerjaya pelajar;
- ii. Membolehkan pelajar mempunyai daya saing yang tinggi dalam mendapatkan pekerjaan selepas bergraduasi; dan
- iii. Menyokong inisiatif Universiti dalam melahirkan graduan yang holistik dan seimbang selaras dengan Lonjakan Satu Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia.

Pemeriksaan Program Akademik Melalui Pembangunan Latihan Staf Akademik

- i. Dana khas Industry 4WRD Train the Trainers daripada MITI telah diterima daripada Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) bagi pelaksanaan Kilang Pengajaran dengan teknologi IR4.0 dan memperkasakan program TVET di UTeM pada 7 Oktober 2019, berjumlah RM596,250.00. Sebanyak 21 kursus dan latihan telah dirangka bagi penggunaan dana tersebut yang mana sebanyak 17 kursus dan latihan telah disempurnakan pada 2020 dengan jumlah staf yang terlibat seramai 100 orang. Dana ini bertujuan untuk menyokong agenda *University Revolution Teaching Factory (URTF)* di bawah kerangka *MTUN Excellence* dengan sokongan dan kelulusan daripada Kementerian Pendidikan dengan menyediakan kursus dan latihan kepada tenaga pengajar dan kakitangan Universiti untuk mendalami kemahiran berkaitan IR4.0
- ii. Pada 17 Ogos 2020, UTeM telah menerima sebanyak RM1,787,500.00 dari Kementerian Pendidikan Tinggi. Peruntukan ini bertujuan bagi persediaan program Mod Industri yang melibatkan 2 program Sarjana Muda Teknologi (BTech) di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP) iaitu:
 - a. Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian; dan
 - b. Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian.
- iii. Dana ini diperincikan kepada empat komponen utama seperti berikut:
 - a. Latihan tenaga pengajar industri (pelaksanaan WBL);
 - b. Lawatan pemantauan industri (pelaksanaan WBL);
 - c. Bahan mesin, mesin, peralatan dan penyenggaraan bagi Program Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian; dan
 - d. Bahan mesin, mesin, peralatan dan penyenggaraan bagi Program Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian.

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Prasiswazah 2020

Statistik pendaftaran pelajar baharu bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 2 Pengambilan Pelajar Baharu UTeM 2020

Fakulti	ISM	ISM	ISM	ISM	Diploma	Jumlah
	Tempatan (Ambilan Februari @ Semester II 2019/2020)	Antarabangsa (Ambilan Februari @ Semester II 2019/2020)	Tempatan (Ambilan September @ Semester I 2020/2021)	Antarabangsa (Ambilan September @ Semester I 2020/2021)	(Ambilan Jun @ Semester 0 2020/2021)	
FKE	12	7	223	5	87	334
FKEKK	25	1	222	-	106	354
FKM	23	-	273	-	88	384
FKP	55	-	209	-	109	373
FTMK	47	9	428	5	150	639
FPTT	-	-	418	1	-	419
FTKEE	-	-	427	5	-	432
FTKMP	-	1	427	1	-	429
JUMLAH	162	18	2627	17	540	3364

Setakat 31 Disember 2020, enrolmen pelajar prasiswazah yang mengikuti pengajian prasiswazah ialah seramai 11,828 orang pelajar. Jadual di bawah menunjukkan enrolmen pelajar dari 2010 hingga 2020 mengikut peringkat pengajian:

Jadual 3 Enrolmen Pelajar Prasiswazah UTeM 2020

Tahun	Program		Jumlah
	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	
2010	1001	5778	6779
2011	1277	7075	8352
2012	1173	7795	8968
2013	1110	8964	10074
2014	853	9366	10219
2015	928	9348	10276
2016	1119	9439	10558
2017	1394	9306	10700
2018	1548	9530	11078
2019	1542	9846	11388
2020	1537	10291	11828

Merujuk kepada jadual di atas, sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga 2020 berlaku peningkatan enrolmen setiap tahun kerana faktor-faktor berikut:

- i) Peningkatan program-program baru
- ii) Dasar kerajaan mengambil pelajar aliran Teknologi dan Vokasional (TVET) terutama kepada *Malaysian Technical University Network* (MTUN)
- iii) UTeM semakin dikenali di kalangan para pelajar dan menjadi antara pilihan utama kemasukan ke universiti awam

Graduate On Time

Pada tahun 2020, kadar *Graduate on Time* (GOT) UTeM menunjukkan pencapaian yang cemerlang dengan mencatatkan sebanyak 90.6% orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang bergraduasi pada tempoh masa yang ditetapkan iaitu 1965 orang pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 2168 orang pelajar (kohort 2016/2017). Manakala bagi pelajar program Diploma, UTeM mencatat sebanyak 93.0% pelajar yang bergraduasi pada tempoh ditetapkan iaitu 503 pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 541 orang pelajar (kohort 2017/2018).

Jadual 4 Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar Bagi 2016/2017 dan GOT
Ijazah Sarjana Muda Kohort Kemasukan 2016/2017

Fakulti	*Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
FKE	232	197	84.9%
FKEKK	101	89	88.1%
FKM	218	197	90.4%
FKP	166	144	86.7%
FTMK	386	339	87.8%
FPTT	353	333	94.3%
FTKEE	386	355	92.0%
FTKMP	326	311	95.4%
Keseluruhan	2168	1965	90.6%

Jadual 5 Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar Bagi 2017/2018 dan GOT
Diploma Kohort Kemasukan 2017/2018

Fakulti	*Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
FKE	118	105	89.0%
FKEKK	97	89	91.8%
FKM	110	105	95.5%
FKP	85	77	90.6%
FTMK	131	127	96.9%
Keseluruhan	541	503	93.0%

Konvokesyen 2020

Majlis Konvokesyen ke-16 UTeM untuk Tahun 2020 telah ditangguhkan kerana pandemik COVID-19 yang telah melanda negara. Walau bagaimanapun bilangan graduan yang berjaya menamatkan pengajian adalah seramai 2,979 orang yang merangkumi 21 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 2 orang graduan Ijazah Doktor Kejuruteraan, 190 orang graduan Ijazah Sarjana, 2254 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 512 orang graduan Diploma

Berikut adalah jumlah graduan mengikut fakulti dan peringkat pengajian pada Konvokesyen ke-16 UTeM:

Jadual 6 Bilangan Graduan Majlis Konvokesyen ke-16 UTeM

Fakulti	Ijazah Doktor Falsafah	Ijazah Doktor Kejuruteraan	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda	Diploma	Jumlah
FKE	1	0	18	254	107	380
FKEKK	5	0	25	143	90	263
FKM	2	0	29	244	107	382
FKP	4	2	44	176	79	305
FTMK	4	0	32	403	129	568
FPTT	4	0	40	340	0	384
FTKEE	0	0	0	369	0	369
FTKMP	0	0	0	325	0	325
IPTK	1	0	2	0	0	3
Jumlah	21	1	190	2,254	512	2,979

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) melaksanakan pengambilan pelajar pascasiswazah 2 kali setahun iaitu pada Mac dan Oktober. Statistik pengambilan pelajar pascasiswazah sejak dari penubuhan PPS sehingga tahun berakhir 2020 adalah seperti di bawah:




Rajah 1 Statistik Pengambilan Pelajar Pascasiswazah di UTeM

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah merubah senario akademik khususnya di Malaysia. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 telah memberi kesan kepada kumpulan pelajar yang ingin menyambung pengajian ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

Pada tahun 2020, UTeM mencatatkan penurunan dalam jumlah pengambilan pelajar pascasiswazah sebanyak 44%. Namun begitu, fenomena pandemik ini telah mencetuskan pembaharuan dalam pengurusan pentadbiran iaitu pemerkasaan penggunaan perkhidmatan atas talian yang melibatkan kaedah penawaran program pengajian, sesi VIVA dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan ramai peserta telah dijalankan secara *video-conference*.

Pandemik wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada penurunan enrolmen semasa (Aktif dan Tangguh Pengajian) pelajar pascasiswazah. Pola enrolmen pascasiswazah setiap tahun adalah seperti di bawah:



Rajah 2 Statistik Enrolmen Pelajar Pascasiswazah di UTeM

Enrolmen semasa pelajar pascasiswazah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 mencatatkan jumlah pelajar seramai 1,336 orang dengan penurunan sebanyak 10% berbanding tahun 2019. Pecahan pelajar pascasiswazah tahun 2020 mengikut Fakulti/Institut dan program adalah seperti berikut:


Jadual 7 Enrolmen Semasa Pelajar Pascasiswazah 2020

Fakulti/ Institut	Program					Jumlah
	PhD	Deng	Sarjana Penyelidikan (MSC)	Sarjana Mod Campuran	Sarjana Kerja Kursus	
FKE	57	-	42	2	27	128
FKEKK	63	-	72	-	20	155
FKM	38	-	51	-	26	115
FKP	86	-	65	-	40	191
FTMK	212	-	44	-	47	303
FPTT	103	-	67	-	53	223
IPTK	191	-	30	-	-	221
Jumlah	750	-	371	2	213	1336
Jumlah Keseluruhan = 1336						

Pengantarabangsaan Pascasiswazah

PPS terus komited melaksanakan inisiatif strategik dan operasi dalam memperkasakan pendidikan teknikal dan meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa di samping menjana pendapatan bertepatan dengan status autonomi.


Daripada jumlah pencapaian 1,340 orang pelajar pascasiswazah pada tahun 2020, 582 (43%) orang terdiri daripada pelajar antarabangsa dari pelbagai negara. Peratusan pelajar antarabangsa menyusut sebanyak 10% berbanding bilangan 1490 orang pelajar antarabangsa yang dicapai pada tahun 2019. Pecahan enrolmen pelajar antarabangsa pascasiswazah mengikut negara bagi tahun berakhir 2020 adalah seperti yang dipaparkan dalam rajah di bawah:



Rajah 3 Statistik Enrolmen Pelajar Antarabangsa Pascasiswazah di UTeM Mengikut Negara

Graduan Pascasiswazah

Graduan pascasiswazah yang dihasilkan pada konvokesyen 2020 adalah seramai 214 orang. Statistik jumlah graduan pascasiswazah yang telah dihasilkan dari tahun 2006 sehingga 2020 adalah seperti yang digambarkan dalam rajah di bawah:




Rajah 4 Statistik Graduan Pascasiswazah Sehingga 2020

Graduate On Time Pascasiswazah

Bagi tujuan meningkatkan kualiti penyelidikan dan pencapaian KPI tamat pengajian dalam tempoh ditetapkan *Graduate On Time (GOT)*), PPS telah melantik beberapa orang Profesor dari universiti penyelidikan untuk memberi kursus jangka pendek kepada pelajar PhD dan Sarjana Penyelidikan yang dilaksanakan pada setiap sesi pengajian seperti kaedah penyelidikan, penulisan tesis yang berkualiti, kaedah menulis kajian lepas, alat penyelidikan dan pengurusan *citation*, menganalisa data dan penerbitan jurnal berimpak tinggi.

Untuk rekod pencapaian, peratusan GOT masih dilihat turun naik dan ianya bergantung kepada bilangan pelajar yang mencapai GOT pada sesuatu tahun berbanding dengan jumlah graduan pada tahun tersebut. Peratusan GOT pelajar pascasiswazah dari tahun 2010 – 2020 adalah seperti di bawah:



Rajah 5 GOT Pascasiswazah UTeM Sehingga 2020


Pengurusan Peperiksaan Lisan (VIVA-VOCE) Secara Atas Talian

Situasi COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020 telah memberi impak besar kepada proses pengurusan Viva. Proses pengurusan Viva yang pada kebiasaannya dijalankan secara bersemuka telah mula dilaksanakan secara atas talian berdasarkan situasi dan keperluan semasa. Untuk rekod, sebanyak 133 sesi Viva telah dilaksanakan pada tahun 2020 melibatkan pelajar Kedoktoran dan Sarjana (Penyelidikan) dan daripada jumlah tersebut sebanyak 51 sesi Viva telah dilaksanakan secara atas talian.


Walaupun terdapat cabaran tertentu untuk melaksanakan Viva secara atas talian pada peringkat permulaan seperti kemudahan peralatan, logistik, ketidakstabilan talian/capaian dan lain-lain, PPS telah mengambil langkah kawalan dan persediaan awal bagi memudahkan pelaksanaan serta meminimumkan risiko yang mungkin berlaku. Secara tidak langsung, pelaksanaan Viva secara online ini juga telah menjimatkan kos Universiti dari segi tuntutan perjalanan dan penginapan Pemeriksa Luar.

Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Enrolmen pelajar antarabangsa pada tahun 2020 iaitu seramai 812 orang pelajar dari 32 buah negara berbanding dengan tahun 2019 iaitu seramai 820 orang dari 30 buah negara.



Rajah 6 Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Pengajian pada tahun 2019 dan 2020



Rajah 7 Pecahan Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara Tahun 2020

Kerjasama Antarabangsa (MoU dan MoA)

Pada tahun 2020 sebanyak 4 Memorandum Persefahaman (MoU) dan 4 Memorandum Perjanjian (MoA) telah ditandatangani antara UTeM dan institusi luar negara. Senarai MoU dan MoA yang telah ditandatangani adalah seperti berikut:

Jadual 8 Senarai kerjasama MoU dan MoA antarabangsa UTeM

Bil.	Jenis	Institusi	Tempoh	Fakulti
1	MoU	Universitas Semarang, Indonesia	13 Januari 2020 – 12 Januari 2025 (5 Tahun)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan
2	MoU	Universitas Mulia, Indonesia	17 Januari 2020 – 16 Januari 2023 (3 Tahun)	Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan
3	MoU	Jeonbuk National University, South Korea	24 Jun 2020 – 23 Jun 2025 (5 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
4	MoU	Liverpool John Moores University, United Kingdom	30 Januari 2020 – 29 Januari 2023 (3 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
5	MoA	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik Surakarta, Indonesia	17 Januari 2020 – 16 Januari 2022 (2 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
6	MoA	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik Surakarta, Indonesia	17 Januari 2020 – 16 Januari 2022 (2 Tahun)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
7	MoA	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik Surakarta, Indonesia	21 Januari 2020 – 20 Januari 2022 (2 Tahun)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan
8	MoA	Politeknik Indonusa, Surakarta, Indonesia	23 Jun 2020 – 22 Disember 2021 (18 Bulan)	Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

Mobiliti Pelajar

Jadual 8 Perbandingan Mobiliti Pelajar *Inbound* dan *Outbound*

<i>Inbound</i>		<i>Outbound</i>	
Berkredit	Tanpa Kredit	Berkredit	Tanpa Kredit
41 orang pelajar	-	53 orang pelajar	-

Lawatan Dari Luar Negara

UTeM terus dikenali di persada dunia sebagai medan rujukan serta jalinan kerjasama strategik secara berterusan. Pada tahun 2020, sebanyak 6 lawatan dari luar negara telah di terima dengan jumlah delegasi seramai 15 orang dari negara China, Jerman, Kanada dan Indonesia. Jumlah ini terdapat penurunan yang agak ketara jika dibandingkan dengan tahun 2019 disebabkan bencana pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Aktiviti Promosi Secara Atas Talian

Pandemik Covid 19 telah menyaksikan beberapa perubahan dan norma baharu diterapkan di dalam kehidupan seharian. Begitu juga hal berkaitan aktiviti promosi dan pemasaran yang secara lazimnya dijalankan secara bersemuka di negara-negara tertentu. Kini, dengan bantuan teknologi, walau pun sempadan hampir kesemua negara ditutup, aktiviti promosi ini tetap boleh dijalankan secara atas talian.

Sepanjang tahun 2020, UTeM telah berjaya menjalankan aktiviti promosi dan pemasaran di negara Indonesia, Bangladesh, China, Pakistan, Kazakhstan, India, Sri Lanka, Uzbekistan, Tajikistan, Kyrgyzstan dan Maldives.

Pembelajaran Maya

Bagi memperkasakan pembelajaran maya, Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) telah membangunkan *platform Ulearning Hub* yang mana semua capaian modul pembelajaran seperti ULearn, OCW, MOOC, *Exam Portal* dan *Micro Credentials* boleh dicapai melalui satu hub sahaja. Ini bagi memudahkan akses kepada semua bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. *Ulearning Hub* ini menitikberatkan aspek *User Experience* bagi memudahkan pelajar dan tenaga pengajar mengendalikan hab ini dengan mudah.



Rajah 8 ULearning HUB

Selain daripada itu, Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi telah membangunkan *Exam Portal* bagi tujuan pelaksanaan peperiksaan akhir secara dalam talian. Sebanyak 11 *Virtual Exam Hall* telah dibangunkan bagi menampung keperluan peperiksaan akhir. *Exam Portal* ini merupakan satu inisiatif bagi memperkasakan pembelajaran dan pentaksiran secara maya.



Rajah 9 Examportal Exam Hall UTeM

Platform Latihan Profesional secara atas talian turut dibangunkan bagi projek perundingan bersama dengan syarikat *Cyber Security Malaysia (CSM)* dan *Malaysia Green Technology and Climate Change (MGTC)* bagi tujuan penajaan pendapatan kepada pihak universiti.



Rajah 10 Platform latihan secara atas talian

Bagi tahun 2020 PSTP telah menyelaras pembangunan 3 kursus MOOC dari pensyarah di UTeM. Senarai MOOC yang telah dibagunkan pada tahun 2020 adalah bertajuk:

- i. Pengurusan Tenaga Efisien
- ii. Kelestarian Amalan Hijau
- iii. *Microprocessor Technology*

Pusat Kecemerlangan dan Kesarjaan Akademik (CAES)

Penceramah Latihan Dalam Kalangan Penerima Anugerah Akademik Negara

Bagi memberikan pendedahan dan usaha memperkasakan kecemerlangan akademik, Pusat Kecemerlangan dan Kesarjaan Akademik (CAES) telah mengundang 4 orang penceramah bagi latihan dalam kalangan penerima Anugerah Akademik Negara iaitu Prof. Madya Dr. Faridah Mohamad (Universiti Malaysia Terengganu) bagi Kursus Pengajaran Transformatif, Dr. Rosemaliza Mohd Kamalludeen (Universiti Islam Antrabangsa) Kursus Rekabentuk Program Pengajian Inovatif, Profesor Dr. Abdul Karim Alias (Universiti Sains Malaysia) *Towards Aspiring Technology Scholars* dan Profesor Dr. Rosna Awang Hashim (Universiti Utara Malaysia) *Strategies to Empower Students' Remote Learning*.




Rajah 11 Latihan Anjuran CAES

Penganjuran Latihan Secara Webinar

Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik telah menganjurkan sebanyak 21 latihan secara webinar. Latihan yang telah dilaksanakan adalah menumpu kepada meningkatkan kompetensi akademik untuk melaksanakan pengajaran dan pengajaran secara *remote* atau dalam talian berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di sebabkan pandemik Covid 19.

Sebanyak 4 siri latihan webinar telah di adakan pada bulan Mei sehingga Jun 2020. Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim juga telah menyampaikan ceramah dengan tajuk *Academics @ UTeM : Defining and Addressing Our New Norm*.



Rajah 12 Penganjuran Latihan Secara Webinar

Anugerah Akademik Universiti 2019

Majlis Anugerah Akademik Universiti 2019 telah di adakan pada 25 September 2020 secara bersederhana tetapi meriah berlandaskan kepada norma baharu yang mana pada majlis tersebut Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim hadir bagi menyampaikan anugerah kepada semua penerima.

Selari itu, bagi menginspirasi dan memperkasakan usaha kesarjanaan warga akademik UTeM, CAES telah menganjurkan webinar *Academia The Untold Stories : Sharing by AAU Recepients* pada 22 Oktober 2020 bersempena Sambutan Hari Akademia UTeM. Tiga orang penerima Anugerah Akademik Universiti 2019 turut memberikan perkongsian menarik iaitu mereka terdiri daripada Prof. Madya Dr. Azma Putra yang merupakan penerima Anugerah Inovasi e-Pembelajaran, Prof. Madya Dr. Rozaimi Ghazali penerima Anugerah Akademik Harapan dan Dr. Zakiah Abdul Halim penerima Anugerah Pengajaran.



Rajah 13 Penganjuran Anugerah Akademik Universiti 2019 Secara Normal Baharu

Kilang Pengajaran (Teaching Factory)

Mesyuarat Lembaga Pengarah UTeM Bilangan 6/2019 yang bersidang pada 18 Disember 2019 telah memutuskan penubuhan Kilang Pengajaran (Teaching Factory) sebagai Pihak Berkuasa Universiti. *Teaching Factory* ini akan diketuai oleh seorang Pengurus Besar bersama seorang Pengurus Bahagian Operasi dan seorang Pengurus Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan. Ianya telah mula beroperasi pada Julai 2020 di Blok B, Bangunan PFI UTeM. Kilang Pengajaran dilengkapi dengan kemudahan moden termasuk kemudahan fasiliti seperti inkubator untuk pengeluaran produk-produk akhir kepada pemain industri.

Membangun Serta Melengkapkan Fasiliti Kilang Pengajaran

UTeM melalui Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) telah menerima sejumlah RM850,000.00 peruntukan dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk membangunkan Kilang Pengajaran di UTeM yang dilengkapi dengan kelengkapan moden dan canggih masa kini.

Design Studio

Studio ini dilengkapi dengan Komputer berserta perisian yang digunakan untuk tujuan merekabentuk produk. Selain daripada itu, *Design Studio* juga dilengkapi dengan *Product Life Cycle Management (PLM) Software*, 2 unit pencetak 3D dan *Plotter* bagi kegunaan merekabentuk produk.

Monitoring Centre

Ruang ini dilengkapi dengan sistem yang akan digunakan untuk memantau penggunaan peralatan yang telah kenalpasti di makmal-makmal yang terlibat. Proses perolehan telah selesai dan kini dalam proses *commissioning* yang ianya dilaksanakan oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti Latihan Industri dan diselia oleh Pengurus Fasiliti dan pihak pembekal.

Production House

Ruang ini dilengkapi dengan *Computer Integrated Manufacturing (CIM) System*, 2 unit CNC dan *conveyor system* yang di intergrasikan bagi tujuan penggunaan dalam kerja-kerja pengeluaran bagi projek-projek yang diterima daripada pihak industri.

Ruang Pejabat

Ruang Kilang Pengajaran juga telah dilengkapi dengan keperluan ruang pejabat untuk beroperasi memastikan operasi keseluruhan dikawal dengan baik secara sepenuhnya.



Computer Integrated Manufacturing (CIM) Conveyor System

Kerjasama Dengan Prym Consumer (M) Sdn. Bhd.


Kerjasama dan jaringan strategik dengan industri amat penting dalam usaha memastikan fungsi UTeM di kalangan pemain industri di Melaka terus lestari dan berkembang. Hasrat ini telah direalisasikan melalui usahasama antara UTeM dan Syarikat Prym Consumer Malaysia Sdn. Bhd. Prym Consumer Malaysia Sdn. Bhd. bertanggungjawab dalam pembuatan dan pengedaran produk *Habdashery* keras dan lembut di rantau Asia dan Australasia. Melalui perbincangan yang dijalankan bersama pihak Prym Consumer Malaysia Sdn. Bhd., TF telah ditawarkan untuk melaksanakan proses pembungkusan *Aluminum Circular Needle* bermula dengan 516,000 unit setahun dengan harga RM0.007 hingga RM0.124 seunit. Kadar upah yang ditawarkan adalah mengikut jenis model produk yang dikehendaki.



Produksi pembungkusan produk Prym Consumer (M) Sdn. Bhd. di Kilang Pengajaran

Menyediakan Platform Untuk Pelajar Menjalani Latihan Industri

Dalam memastikan fungsi penubuhan Kilang Pengajaran tercapai objektifnya maka, pengambilan pelajar-pelajar UTeM dan pelajar luar untuk mengikuti Latihan Industri telah bermula sejak Julai 2020. Seramai 25 orang pelajar telah berjaya menamatkan latihan industri di Kilang Pengajaran, UTeM sehingga Disember 2020.



Aktiviti pelajar Latihan Industri di Kilang Pengajaran

UTeM Cakna Kebajikan Pelajar (COVID-19)

Pengurangan Yuran Perkhidmatan

Bagi mengurangkan beban pelajar berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara, UTeM tidak terkecuali untuk membantu para pelajar. Mesyuarat Eksekutif Bilangan 11/ 2020 yang telah bersidang pada 23 Disember 2020 telah meluluskan pengurangan yuran perkhidmatan sebanyak 15% bagi Semester I Sesi 2020/2021. UTeM turut telah melaksanakan PdP secara dalam talian pada Semester I Sesi 2020/2021 selari dengan hasrat nasional yang diumumkan oleh kerajaan sehingga 31 Disember 2020 dan perlanjutan sehingga 31 Mei 2021 dan arahan KPT yang tidak menggalakkan sesi perkuliahan diadakan secara bersemuka sehingga Disember 2020 serta saranannya meminta universiti awam untuk melaksanakan PdP menggunakan platform secara dalam talian.

Peruntukan Data Internet Mudah Alih Kepada Pelajar Golongan B40 dan ke Bawah yang Tiada Akses Internet

Memandangkan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) diadakan secara dalam talian dalam musim pandemik maka pihak universiti cakna kepada golongan pelajar yang terjejas dalam mengikuti pembelajaran secara dalam talian ini dengan menawarkan kemudahan data internet mudah alih kepada 2,025 orang pelajar (18% daripada jumlah pelajar) daripada golongan B40 dan ke bawah yang tidak mempunyai akses internet pada kadar RM60.00 sebulan bagi tempoh 6 bulan (Semester II Sesi 2019/2020 dan Semester I 2020/2021). Hal ini sedikit sebanyak mampu membantu meringankan beban pelajar dalam mengikuti PdP secara dalam talian.

Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pendaftaran Pelajar Separa Masa Semester 1 Sesi 2019/2020

Seramai 22 orang pelajar telah mendaftar secara rasminya sebagai pelajar baharu UTeM pada 12 Februari 2020 yang lalu. Dua program menjadi pilihan pelajar bagi meneruskan pengajian dalam mod separa masa iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian (BEKG) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian (BMCG). Fokus pengambilan pelajar ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada, malah turut meliputi individu di luar sistem formal iaitu bekerja dalam bidang industri teknikal. Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat membuka peluang sepanjang tahun untuk kemasukan seterusnya bagi 15 program Sarjana Muda Mod Separa Masa yang memfokuskan dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan serta teknologi maklumat dan komunikasi di UTeM.


Penganjuran Kursus *Autocad-Basic*

Sebagai menyahut seruan Naib Canselor UTeM, salah satu aktiviti penjanaan pendapatan universiti adalah dengan mengadakan kursus jangka masa pendek dengan mengaplikasikan kelebihan peralatan dan kemahiran di UTeM. Sehubungan dengan itu, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan usahasama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menganjurkan kursus pendek Autocad Basic pada 22 hingga 24 September 2020 (Selasa - Khamis) bertempat di Makmal Kejuruteraan Grafik 1, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Kursus ini diikuti oleh 20 orang peserta luar daripada PlanMalaysia@Melaka. Kursus ini adalah merupakan sebuah program yang biasa digunakan untuk tujuan tertentu dalam menggambar serta merancang dengan bantuan komputer dalam pembentukan model serta ukuran 2 dan 3 dimensi atau lebih dikenali sebagai “Computer-aided drafting and design program” (CAD). Program ini dapat digunakan dalam semua bidang kerja terutama sekali dalam bidang-bidang yang memerlukan keterampilan seperti bidang kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan awam, arkitek, rekaan grafik dan semua bidang yang berkaitan dengan penggunaan CAD.

Penganjuran Kursus *High Precision Measurement using Coordinate Measuring Machine (CMM)*

Kursus ini telah diadakan pada 30 September hingga 1 Oktober 2020. PPSH dengan usahasama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menganjurkan kursus ini dengan disertai oleh 21 orang pelajar daripada Kolej Vokasional Melaka Tengah, Bukit Katil, Melaka. Objektif kursus ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kaedah dan teknik pengukuran jitu produk dengan menggunakan mesin pengukuran koordinat (CMM) dan peralatan-peralatan pengukuran manual di makmal metrologi FKP. Kursus ini juga dapat membantu para pelajar tersebut dalam subjek-subjek amali mereka di Kolej Vokasional Melaka Tengah, Melaka.

Kesimpulannya, kursus ini telah menarik minat para peserta termasuk guru pengiring, di mana ia dapat memberi pendedahan dan menambah pengetahuan kepada para peserta yang hadir. Di samping itu juga, kursus ini diharap dapat membuka mata dan minat para pelajar untuk mendalami ilmu kejuruteraan dan teknikal sebagai kerjaya pilihan mereka kelak.



7.0
▶ MERINTIS TEKNOLOGI
MASA HADAPAN

MERINTIS TEKNOLOGI MASA HADAPAN


Pemilikan Geran Penyelidikan

Pemilikan Geran Penyelidikan di UTeM dikategorikan kepada beberapa jenis geran iaitu Geran Nasional, Geran Swasta & Industri, antarabangsa dan universiti. Pada tahun 2020, UTeM mencatatkan peningkatan sebanyak 23% terhadap pemilikan Geran Penyelidikan iaitu sebanyak RM 9,278,434.15 berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak RM 7,550,964.37 bagi keseluruhan pemilikan geran di UTeM.

Berikut adalah pencapaian pemilikan geran penyelidikan UTeM bagi tahun 2020 :

Geran	Nasional	Swasta & Industri	Antarabangsa	Universiti
RM	4,706,044.00	1,705,802.15	129,424.00	2,737,164.00

Jumlah keseluruhan: RM 9,278,434.15



Rajah 14 Taburan Pemilikan Geran Penyelidikan UTeM Bagi Tahun 2020

Jadual 10 Antara Geran Penyelidikan Kolaborasi

Bil	Nama Industri	Fakulti / CoE	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek	Jumlah Geran Diperolehi
1	Politeknik Indonusa Surakarta	PBPI	Prof. Madya Dr. Safiah binti Sidek	Digital Entrepreneurship Model to Enhance Entrepreneurial Awareness and Intention Among University Students in Indonesia and Malaysia	RM 10,000.00
2	Saneen Utama Sdn. Bhd.	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Profesor Ir. Dr. Hambali bin Arep@Ariff	Development of a Manufacturing of Seaweed Powder Processing	RM 800,000.00
3	Integrasi Pintar Sdn. Bhd.	FTMK /	Profesor Dr. Faaizah binti Shahbodin	Education 4.0: A Framework to Transform Maktab Rendah Sains MARA to Digital Classroom	RM 115,000.00
4	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB)	FPTT /	Prof. Madya Dr. Juhaini binti Jabar	Antecedents and Successful Technopreneurial Factors in High Technology Based Construction Industry: Developing a Techno-Sme Model	RM 20,000.00
5	PLUS Malaysia Berhad	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Ts. Dr. Mohd Azli bin Salim	Design and Development of Low Cost Solution and Telemetry IoT for Docking System	RM 300,802.15
6	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB)	FTMK	Prosefor Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin	Development of IoT-Based Model to Transform Batik Craftsmen Into Successful Batik Entrepreneurs	RM 20,000.00
7	Pusat Rehabilitasi PERKESO Sdn. Bhd.	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Prof. Madya Dr. Mohd Juzaila bin Abdul Latif	Development of 3d Printed Prosthetic Socket for Lower Limb Amputee at Perkeso Rehabilitation Center	RM 200,000.00
8	AURO Technologies PLT	FKE	Ir. Dr. Anuar bin Mohamed Kassim	Design and Development of Farm Automation System With IoT for Fertilizer	RM 100,000.00
9	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB)	FKP	Prof. Madya Dr. Zuhriah binti Ebrahim	Development of Portable and Ergonomic Canting Workstation for Hand-Written Batik Industry.	RM 20,000.00
10	Aerospace Malaysia Innovation Centre	FKM	Dr. Nadlene binti Razali	Development of Thermoplastic Composites for Aerospace Engineering	RM 100,000.00
11	TestHub Sdn. Bhd.	FTKEE	Puan Nuriyana binti Abd. Mutalib	Automated Hardware Checker Program Developer With Gui and Smart Load Board	RM30,000.00
12	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FKM	Dr. Muhd Ridzuan bin Mansor	Experimental Evaluation on Autonomous Emergency Braking (Aeb) System for Asean Passenger Vehicles Subjected to Varying Environment Conditions	RM 20,000.00
13	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FKM	Dr. Amrik Singh A/L Phuman Singh	Analysis of Autonomous Collision Avoidance in Emergency Lane Change Considering Vehicle in The Neighboring Lane	RM 11,500.00
14	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FKM	Dr. Juffrizal bin Karjanto	Naturalistic and Observational Study on Communication in Mixed Traffic Scenarios: Autonomous Vehicle vs. Motorcyclist	RM 16,700.00
15	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FKM	Nidzamuddin bin Md. Yusof	Correlation of Darkness Level of The Road With Driver Behaviour	RM 13,800.00
16	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FTKMP	Khairul Amri bin Tofrowaih	Evaluation of Rollover Probability Proof Crush Test as an Alternative to Dynamic Rollover Test Using Numerical Approach	RM 16,524.00
17	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FTKMP	Norfariza binti Ab Wahab	The Impact of Glare Effect During Daylight Towards The Driving Performance Of Asean Users	RM 20,000.00
18	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	PBPI	Sharifah Sakinah binti Syed Ahmad	An Analysis on Public Awareness Towards The Culture of Traffic Safety Using Intelligent Social Analytics	RM 20,900.00

Kolaborasi Institusi dan Industri

Memorandum Kerjasama Berimpak

Pada tahun 2020, UTeM telah berjaya memeterai sebanyak 24 memorandum kerjasama iaitu 6 Memorandum Persefahaman dan 18 Memorandum Perjanjian. Ini merupakan perkembangan positif kerana negara dilanda dengan pandemik.

Memorandum Persefahaman

Jadual 11 Senarai Memorandum Persefahaman dimeterai

Bil.	Institusi/Agensi	PTJ	Bidang/Skop Perjanjian
1	Amity University Rajasthan	FKEKK	<ul style="list-style-type: none"> i. Kolaborasi dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang Sains Komputer, Kejuruteraan Komputer dan Telekomunikasi, Komunikasi Wayarles dan Fizik Kilat. ii. Penyeliaan bersama pelajar Pascasiswazah
2	Liverpool John Moores University	FKP	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembangunan program yang direka untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang yang mempunyai kepentingan bagi kedua-dua belah pihak. ii. Program pertukaran pelajar siswazah, pra-siswazah dan staf fakulti/universiti; dan iii. Kolaborasi dalam penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran dan lain-lain program pendidikan dan latihan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.
3	Nagoya University	FKM	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran penyelidikan dan penerbitan, ii. Program mobiliti pelajar pascasiswazah dan staf, iii. Penganjuran bersama seminar/simposium penyelidikan, dan iv. Lain-lain kerjasama penyelidikan dan latihan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.
4	Ideasparq Robotics Sdn Bhd		<p>Perkongsian kepakaran mengenai perkara-perkara yang berkaitan diantara kedua-dua belah pihak dalam bidang teknologi dan kejuruteraan.</p> <p>Kerjasama dalam penggunaan fasiliti di Ideasparq dan UTeM yang melibatkan kerja-kerja penyelidikan bersama</p> <p>Pembangunan sumber manusia</p>
5	Autokeen Sdn Bhd (Autokeen)	FKP	<p>Projek-projek kolaborasi penyelidikan berdasarkan masalah sebenar industri.</p> <p>Projek perundingan dan latihan melibatkan program penyelidikan serta pembangunan tenaga mahir.</p> <p>Permohonan geran penyelidikan berorientasi kolaborasi Universiti-Industri dalam bidang yang berkaitan.</p> <p>Program sangkut industri di Autokeen.</p>
6	Ergoworks Sdn. Bhd	FKP	<ul style="list-style-type: none"> i. Kolaborasi penyelidikan berdasarkan masalah sebenar industri. Projek penyelidikan yang sedang / akan dimulakan ii. Kolaborasi untuk pengamalan dan konsultasi masalah ergonomik di industri iii. Projek-projek kolaborasi akademik untuk pengajaran dan pembelajaran, termasuk pensijilan berkaitan ergonomik industri.

Memorandum Perjanjian

Jadual 12 Senarai Memorandum Perjanjian dimeterai

Bil	Nama Industri	PTJ	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek
1	Politeknik Indonusa Surakarta	IPTK	Prof. Madya Dr. Safiah binti Sidek	Digital Entrepreneurship Model to Enhance Entrepreneurial Awareness and Intention Among University Students In Indonesia and Malaysia
2	Saneen Utama Sdn. Bhd.	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Profesor Ir. Dr. Hambali bin Arep@Ariff	Development of a Manufacturing of Seaweed Powder Processing

Bil	Nama Industri	PTJ	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek
3	Integrasi Pintar Sdn. Bhd.	FTMK	Profesor Dr. Faaizah binti Shahbodin	Education 4.0: A Framework to Transform Maktab Rendah Sains Mara to Digital Classroom
4	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB)	FPTT	Prof. Madya Dr. Juhaini binti Jabar	Antecedents and Successful Technopreneurial Factors in High Technology Based Construction Industry: Developing a Techno-Sme Model
5	PLUS Malaysia Berhad	Pusat Pembuatan Ter maju (AMC)	Ts. Dr. Mohd Azli bin Salim	Design and Development of Low Cost Solution and Telemetry IoT for Docking System
6	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB)	FTMK	Prosefor Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin	Development of Iot-Based Model to Transform Batik Craftsmen Into Successful Batik Entrepreneurs
7	Pusat Rehabilitasi PERKESO Sdn. Bhd.	Pusat Pembuatan Ter maju (AMC)	Prof. Madya Dr. Mohd Juzaila bin Abdul Latif	Development Of 3d Printed Prosthetic Socket for Lower Limb Amputee At Perkeso Rehabilitation Center
8	AURO Technologies PLT	FKE	Ir. Dr. Anuar bin Mohamed Kassim	Design and Development of Farm Automation System With IoT for Fertilizer
9	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB)	FKP	Prof. Madya Dr. Zuhriah binti Ebrahim	Development of Portable and Ergonomic Canting Workstation for Hand-Written Batik Industry.
10	Aerospace Malaysia Innovation Centre	FKM	Dr. Nadlene binti Razali	Development of Thermoplastic Composites for Aerospace Engineering
11	TestHub Sdn. Bhd.	FTKEE	Puan Nuriyana binti Abd. Mutalib	Automated Hardware Checker Program Developer With Gui and Smart Load Board
12	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FKM	Dr. Muhd Ridzuan Bin Mansor	Experimental Evaluation on Autonomous Emergency Braking (Aeb) System for Asean Passenger Vehicles Subjected to Varying Environment Conditions
13	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FKM	Dr. Amrik Singh A/L Phuman Singh	Analysis of Autonomous Collision Avoidance in Emergency Lane Change Considering Vehicle in The Neighboring Lane
14	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FKM	Dr. Juffrizal bin Karjanto	Naturalistic and Observational Study on Communication in Mixed Traffic Scenarios: Autonomous Vehicle vs Motorcyclist
15	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FKM	Nidzamuddin bin Md. Yusof	Correlation of Darkness Level of The Road With Driver Behaviour
16	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FTKMP	Khairul Amri bin Tofrowaih	Evaluation of Rollover Probability Proof Crush Test as an Alternative to Dynamic Rollover Test Using Numerical Approach
17	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	FTKMP	Norfariza binti Ab Wahab	The Impact of Glare Effect During Daylight Towards The Driving Performance of Asean Users
18	ASEAN NCAP / Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)	PBPI	Sharifah Sakinah binti Syed Ahmad	An Analysis on Public Awareness Towards The Culture of Traffic Safety Using Intelligent Social Analytics

Jumlah: RM 1,835,226.15

Pusat Pengkomersilan (UCC)


Inovasi dan pengkomersilan merupakan elemen penting sesebuah penyelidikan dalam usaha menaiktaraf ekonomi negara. Produk yang berjaya dikomersilkan mencerminkan impak inovasi yang tinggi dan keternampakan kecemerlangan sesebuah universiti.

Penekanan aspek kualiti dan perlindungan harta intelek terhadap *output* penyelidikan inovasi di UTeM turut memainkan peranan dalam usaha meningkatkan hasil pulangan daripada dana penyelidikan.

Usaha dan kesungguhan pihak UTeM dalam aspek pemerkasaan Harta Intelek serta pengkomersilan pada tahun 2020 telah meraih kecemerlangan dengan pencapaian sebanyak 9 *patent granted*, 3 *patent filing*, 3 *utility innovation*, 2 *industrial design*, 11 *trademark* dan 50 *copyright*. Jadual 1 menunjukkan statistik harta intelek 2020 UTeM dan Rajah 1 menunjukkan bilangan pemfailan harta intelek 2020 mengikut fakulti.

Jadual 13 Statistik Harta Intelek (IPR) 2020 UTeM

Perkara	FKE	FKM	FKP	FKEKK	FTMK	FTKEE	FTKMP	FPTT	PPB	Lain-Lain	IPTK	Jumlah
Patent Granted	1	0	3	2	0	2	1	0	0	0	0	9
Patent Filing	0	0	1	2	0	0	0	0	0	0	0	3
Utility Innovation	1	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	3
Industrial Design	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	2
Trademark	0	2	1	1	2	2	0	0	1	2	0	11
Copyright	4	5	5	4	13	5	8	4	1	0	1	50
Jumlah	6	8	10	10	15	10	10	4	2	2	1	78



Rajah 15 Bilangan Pemfailan Harta Intelek 2020

Inisiatif Pengkomersilan

Pengkomersilan Harta Intelekt

Merujuk kepada corak permintaan semasa perniagaan dalam talian yang semakin berkembang, UTeM mengambil inisiatif dalam usaha mengkomersilkan produk-produk berbentuk aplikasi dengan lebih efektif dan meluas.

Autikits merupakan produk apps kedua hasil penyelidikan dan pembangunan aplikasi mudah alih di *Google Play Store Autikits* yang dibangunkan oleh gabungan kumpulan penyelidik dari Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (FTMK), Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan (IPTK) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) yang diketuai oleh Profesor Ts. Dr. Faaizah binti Shahbodin. Ia merupakan alat pengesanan awal yang boleh digunakan untuk menyaring masalah persepsi visual di kalangan individu autisme. Produk ini berkeupayaan membuat pengesanan awal terhadap autisme di peringkat *mild, moderate* atau *severe* yang mana laporan yang dijana merujuk kepada Pelan Pendidikan Individu (IEP) berdasarkan skor. Ia mengandungi 5 *Game Modules* iaitu :

- ▶ **Game 1 : Visual Discrimination**
- ▶ **Game 2 : Spatial Relationship**
- ▶ **Game 3 : Form Constantly**
- ▶ **Game 4 : Form Visual Memory**
- ▶ **Game 5 : Visual Closure**

Tekan pautan berikut bagi memuat turun produk Autikits di Google Play Store :
<https://play.google.com/store/apps/details?id=Air.Utem.Autikits>



Jadual 14 Pengkomersilan Harta Intelek

Inovasi	Penyelidik Utama	Jenis IP
Autikits	Profesor Ts. Dr. Faaizah Binti Shahbodin	1. Copyright – Autism Kits (LY2017003711)
		2. Trademark – Logo Autikits (TM2020011859)

Dasar dan Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Spin-Off* UTeM

Bagi memperkasa pengkomersilan di UTeM, Pusat Pengkomersilan telah menyediakan dasar dan garis panduan penubuhan syarikat *spin-off* UTeM. Dasar dan garis panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3 Tahun 2020 dan telah diuar-uarkan kepada warga UTeM melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 50 tahun 2020. Dengan adanya dasar dan garis panduan ini, penyelidik-penyelidik UTeM dibenarkan menubuh syarikat *spin-off* bagi mengkomersilkan teknologi yang dihasilkan oleh mereka. Langkah ini secara tidak langsung akan menyemarakkan lagi pengkomersilan di UTeM dan ketika ini terdapat 2 buah syarikat yang telah diluluskan untuk ditubuhkan bagi mengkomersilkan produk-produk hasil penyelidikan penyelidik yang terlibat.


Pencapaian Pertandingan Produk Penyelidikan dan Inovasi

Berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini akibat penularan pandemik COVID-19, pada tahun 2020, semua pertandingan inovasi telah dilaksanakan secara atas talian. UTeM tidak ketinggalan dan telah menyertai pelbagai pertandingan inovasi peringkat antarabangsa anjuran agensi swasta, badan akademik dan profesional. UTeM telah berjaya mencapai 100% kemenangan melalui kutipan sejumlah 35 pingat di *Malaysia Technology Expo (MTE) 2020*, *31st International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) 2020* dan *Malaysia Technology Expo (MTE) 2020 Special Edition COVID-19*. UTeM juga turut bertanding di pertandingan inovasi anjuran universiti awam dan swasta di peringkat kebangsaan dan telah berjaya mencapai 100% kemenangan sejumlah 34 pingat.

Kejayaan ini membuktikan bahawa hasil penyelidikan dan inovasi utem mempunyai kualiti dan berpotensi tinggi untuk memberi impak kepada industri serta komuniti. Teknologi yang digarap mampu melahirkan produk yang dapat menjana pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Jadual 15 menunjukkan senarai pameran dan pingat yang dimenangi dan rajah di bawah menunjukkan pecahan pingat mengikut anugerah antarabangsa dan kebangsaan.

Jadual 15 Senarai Pameran dan Pingat dimenangi UTeM Tahun 2020

Bil.	Program	Pingat			
		Antarabangsa	Emas	Perak	Gangsa
1.	<i>Malaysia Technology Expo (MTE) 2020</i>	5	7	3	1
2.	<i>3^{1st} International Technology Invention and Innovation Exhibition (ITEX) 2020</i>	10	4	3	-
3.	<i>Malaysia Technology Expo (MTE) 2020 Special Edition Covid-19</i>	1	-	-	1
Kebangsaan					
1.	Ekspo Maya Rekacipta dan Pameran Penyelidikan UniMAP (EREKA 2020)	7	7	1	-
2.	<i>Ecarnival Research & Innovation (ECRI 2020) UMK</i>	1	3	-	-
3.	<i>3rd Digitalized International Invention, Innovation and Design (DIID) Johor 2020</i>	2	2	-	-
4.	<i>International Research and Innovation Symposium And Exposition (RISE2020) UTHM</i>	5	3	1	-
5.	<i>8th Apprentice Innovation & Exhibition (AIREX2020) UniKL</i>	2	-	-	-
Jumlah Pingat		33	26	8	2

**Rajah 16** Pecahan Pingat Mengikut Anugerah Antarabangsa dan Kebangsaan

UTeM sentiasa menggalakkan kemahiran reka cipta dan inovasi di kalangan penyelidik dan pelajar melalui penganjuran program Jejak Inovasi UTeM 2020 yang telah diadakan pada 2 Disember 2020 melibatkan sejumlah 55 produk yang telah dinilai secara *Product Pitching* oleh pakar-pakar dari industri dan akademik yang bertujuan untuk membuat saringan produk inovasi yang berkualiti untuk diangkat ke pertandingan inovasi peringkat antarabangsa dalam dan luar negara pada tahun 2021.

Produk Berpotensi Tinggi

Sepanjang tahun 2020, UTeM telah mengenalpasti beberapa produk inovasi yang berpotensi tinggi dan sedia untuk dikomersilkan. Ianya diharap dapat membantu penyelidik UTeM dalam mempromosikan hasil produk inovatif mereka kepada komuniti dan industri menjadi pemangkin dalam meningkatkan pengkomersilan di samping memotivasikan penyelidik untuk merangsang aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTeM.

Jadual 16 Produk Inovasi Berpotensi Tinggi yang dihasilkan oleh Barisan Penyelidik UTeM

Bil.	Nama Produk Inovasi	Ketua Penyelidik	Kategori
1.	Intelligent Clamp (IClamp)	Ts. Dr. Norfariza Binti Ab Wahab	Mekanikal & Pembuatan
2.	Biodegradable Cogon Grass Tray (BCG-Tray)	Dr. Ridhwan Bin Jumaidin	
3.	Novel Design Pvt System For Residential Building	Dr. Mohd Afzanizam Bin Mohd Rosli	
4.	Low-Cost School Indoor Pollutant Monitoring Device	Amir Abdullah Bin Muhamad Damanhuri	
5.	Hybrid Ultrasonic Wire Electrical Discharge Turning For Micro Part Manufacturing	Prof. Madya Dr. Raja Izamshah Bin Raja Abdullah	
6.	Advanced Portable Oil Spill Skimmer (Ad-Poss)	Ir. Dr. Lokman Bin Abdullah	
7.	New Hexagonal Cell Of Hevea Brasiliensis For Composite Deckin	Prof. Madya Dr. Ts. Mohd Yuhazri Yaakob	
8.	Removal Of Carbon Deposit Build Up Using Hho Engin	Prof. Dr. Noreffendy Tamaldin	
9.	Tuah Parcel Dropbox	Dr. Nurhidayah Ismail	
10.	Ecoglow Tiles	Dr. Mohd Sanusi Bin Abdul Aziz	
11.	Optimized Cutting Tool For Composite Mat.(Opt4com)	Ts. Syahrul Azwan Bin Sundi@ Suandi	
12.	A Smart Postural Angle Classification System	Dr. Isa Bin Halim	
13.	Eco Edm Dielectric Fluid For Coating Purpose	Prof. Madya Dr. Liew Pay Jun	
14.	Organic Plastic Alternative (OPA)	Dr. Mohd Hafidzal Bin Mohd Hanafi	
15.	A New Design Of Progressive Drill Reamer	Prof. Madya Ts. Dr Mohd Shukor Bin Salleh	
16.	Hollow-Rotor BLDC: A New Motor For HVLS Fan	Prof. Madya Dr. Raja Nor Firdaus Kashfi Bin Raja Othman	

Bil.	Nama Produk Inovasi	Ketua Penyelidik	Kategori
17.	Flash Flood Early Warning System	Dr. Mohd Riduan Bin Ahmad	Elektrik & Elektronik
18.	High Gain Sub Millimeter-Wave Array Antenna For 5G	Dr. Maizatul Alice Bt Meor Said	
19.	Reconfigurable Integrated Siw Filter And Antenna	Dr. Mohamad Harris Misran	
20.	SF6-GDMOS	Prof. Madya Dr. Hidayat Bin Zainuddin	
21.	Fault Diagnosis With Convolutional Neural Network	Dr. Amat Amir Bin Basari	
22.	Fish Deboning Machine For Butterfly Fillet	Nurul Kausar Binti Ab Majid	
23.	Smart Reverse Vending Machine With IoT	Dr. Sazuan Nazrah Binti Mohd Azam	
24.	Learning Kit For Electronic Engineering	Ir. Dr. Mohd Farriz Bin Hj Md Basar	
25.	Malaysian Sign Language Data Glove	Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Bin Hj Shukor	
26.	3 Dimensional 4h-Sic Mosfet (Finfet)	Dr. Muhammad Idzdihar Bin Idris	
27.	Alert And Awareness System For Fire Extinguisher	Ts. Hidayah Rahmalan	Teknologi Maklumat & Komunikasi
28.	Individual Blended Learning Achievement Indicator	Dr. Zurina Sa'aya	
29.	Myfeeling	Ts. Dr. Muhammad Haziq Lim Bin Abdullah	
30.	Smart Portable Electrical Socket Wireless Bio-Cont	Ts. Shamsul Fakhhar Bin Abd Gani	
31.	Integrated Profiling System (I-Pro)	Prof. Dr. Ahmad Rozelan Bin Yunos	Sains Sosial
32.	MUET Corpus	Dr. Noorli Khamis	

Penerbitan Jurnal Berimpak

Kecemerlangan lanskap penyelidikan dan inovasi universiti diukur dengan penghasilan penerbitan berilmiah staf akademik UTeM sejajar dengan ketetapan oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang berdasarkan glosari *Malaysia Research Assessment* (MyRA).

Pada tahun 2020, sebanyak 675 penerbitan Berindeks Scopus dan WoS telah dihasilkan sehingga 31 disember 2020 oleh penyelidik bagi memastikan sasaran penarafan Myra 5 bintang dicapai seiring dengan matlamat UTeM untuk muncul sebagai sebuah pusat penerokaan ilmu dan penyelidikan yang tersohor di dunia. Walaubagaimanapun, lanskap penerbitan ini menunjukkan penurunan sebanyak 37% berbanding tahun 2019.

Pelbagai strategi penyelidikan yang berimpak telah dilaksanakan secara berterusan oleh Perpustakaan Laman Hikmah seperti demo dan latihan pangkalan data, *Guide to Getting Published & The Many Gateways of Publishing with Emerald*, Webinar: *Web of Science for A Series of "How(S)" For All Your Research Needs! Publisher Talk: Open Science, Open Access & Research Reproducibility* dan *Research Workshop: Insider's Guide: Brainstorm With Experts*.

Purata jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik pada tahun 2020 menunjukkan peratus penurunan sebanyak 23% berbanding tahun 2019. Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap akademik di universiti pula bagi tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 109% berbanding tahun 2019. Ini membuktikan penzahiran hasil penyelidikan dan inovasi penyelidik UTeM yang berkualiti diiktiraf di peringkat global.

Jadual 17 Perbandingan Petunjuk Prestasi 2019 dan 2020

Petunjuk Prestasi Utama	2019	2020
Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti	1.49	1.14
Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti	12.99	27.18

8.0
▶ MEMACU POTENSI INDUSTRI
DAN MASYARAKAT

MEMACU POTENSI INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Jaringan Industri dan Masyarakat

Tahun 2020 menyaksikan UTeM terus komited melangsungkan kerjasama strategik dan dinamik bersama-sama industri, kerajaan, agensi dan komuniti walaupun seluruh dunia berhadapan dengan penularan pandemik COVID-19. Jaringan 4 hala atau Sistem *Eco Quadruple Helix* berjaya dilaksanakan bukan hanya dalam negara malahan merentas sempadan nasional dan komuniti multinasional.

Program-program Peningkatan Hubungan Industri

Program-program dan aktiviti bagi meningkatkan hubungan industri yang dilaksanakan oleh Pejabat Penolong Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat (PPNC-JIM) terbahagi kepada 3 kategori iaitu meneruskan perhubungan yang sedia ada terutama industri yang telah menjalin kerjasama rapat, memberi perkhidmatan strategik yang berkaitan dengan penglibatan pelajar serta industri dan pada masa yang sama mewujudkan hubungan yang baharu dengan industri.

UTeM Face Shield, UTeM Intubation Shield dan UTeM Screening Booth

Penyelidik UTeM mengambil inisiatif dan menyumbang kepakaran dengan menggunakan teknologi cetakan 3D, *Selective Laser Sintering (SLS) printed* dan pemotongan laser bagi proses pembuatan produk perlindungan *Face Shield* dan *Intubation Shield* manakala Kumpulan penyelidikan ini juga turut membangunkan Reruai Saringan COVID-19.

Produk perlindungan ini telah disumbangkan oleh UTeM kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan turut diedarkan kepada Hospital Melaka, Hospital Jasin, Hospital Alor Gajah, Pejabat Kesihatan Melaka tengah, Pejabat Kesihatan Jasin, Pejabat Kesihatan Alor Gajah, Pusat Kuarantin Create Alor Gajah dan Pusat Kuarantin Akademik Pengangkutan Jalan Tiang Dua, Melaka manakala Reruai Saringan COVID-19 diserahkan kepada Hospital Melaka.

Syarikat yang memberikan kerjasama dalam projek ini adalah AFA Technologies, ALPRO Engineering Sdn.Bhd. serta Petronas, ST Microelectronics, Honda (M) Sdn.Bhd., Bank Rakyat, Bank Islam, MBSB Bank, BSN dan Fetta Auto Part Industries (M) Sdn.Bhd.

Virtual Forum on CEO Dialogue “Linking Academia with Industry: Collaboration & Graduate Employability in The New Normal”

Forum ini bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat terutama pelajar universiti dan pensyarah yang menyentuh berkenaan situasi terkini dalam kalangan pengamal industri bagi melaksanakan tugas harian dalam norma baharu.

Melibatkan 4 orang panel iaitu Pengurus Kanan Perancangan Strategik dan Pengurusan Produk DreamEDGE Sdn. Bhd., Muhammad Shahrul Farhan Abdul Wahab, CEO Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Surina Shukri, CEO Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd, Vachaspathi Pillutla, dan Pengarah Intel Programmable Solutions Group, Lynn Olson.

Celcom Siswapreneur@Google Boot Camp 2020

Pengukuhan rakan strategik bagi tahun kedua dengan Celcom adalah bertujuan melahirkan usahawan di kalangan pelajar UTeM, agar memiliki ciri-ciri usahawan digital yang kompetitif dan inovatif, yang berlangsung pada 12 November 2020.

Seramai 107 orang graduan UTeM menyertai Bootcamp dan 6 orang daripada mereka berpeluang mengambil peperiksaan *Google Cloud G Suite Certificate* bersama-sama 2 orang pensyarah UTeM.

CEO@Faculty Programme 1.0 “Learn from The Pros” Sesi 2019/2020

Kementerian Pegajian Tinggi (KPT) telah mewujudkan pelbagai program bagi memperkukuh jalinan kerjasama antara akademia dan industri antaranya *Academia-Industry Talent Exchange Programme* atau AIXCHANGE.

AIXCHANGE diwujudkan bagi tujuan untuk menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran yang boleh dimanfaatkan secara bersama antara pihak akademia dan industri. Di bawah inisiatif AIXCHANGE ini terdiri sub inisiatif iaitu AI-xCHANGE: *CEO @ Faculty Programme* (CFP) 1.0, CFP 2.0 dan *Academia-Industry Expert Exchange Programme*.

Di bawah CFP 1.0, UTeM mempunyai 3 tokoh Korporat yang telah dilantik oleh KPT sebagai ahli *CEO@Faculty Programme 1.0 “Learn from The Pros” Sesi 2019/2020*. Mereka adalah Datuk (Dr.) Syed Hussian Al-Junid (Western Digital), Tan Chun Sheng (STMicroelectronics) serta Shamsuddin Mohamed Yusof (CTRM) dan beberapa siri ceramah secara atas talian untuk memotivasikan pelajar dan juga staf akademik UTeM telah disampaikan oleh mereka.

Program Felo CEO@Faculty 2.0 Cycle 3

Program bawah AIXCHANGE ini adalah *CEO@Faculty Programme 2.0* atau CFP 2.0 dengan tema ‘Coached by The Pros’ merupakan program sangkutan pensyarah muda daripada universiti awam dalam tempoh 6 bulan di industri untuk menerapkan unsur-unsur kepimpinan dalam kalangan pensyarah muda dan mempersiapkan diri mereka sebagai pemimpin yang mampu menerajui pengurusan tertinggi universiti pada masa hadapan.


Empat orang pensyarah UTeM yang berjaya terpilih untuk mengikuti program ini adalah Dr. Mohd Nazmin bin Maslan (FKP) (DreamEDGE Sdn. Bhd.), Dr. Mohd Rusdy bin Yaacob (FKE) (Intel PSG Penang), Prof. Madya Ts. Dr. Zuraida Binti Abal Abas (FTMK) (Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd.) dan Dr. Wira Hidayat bin Mohd Saad (FKEKK) (Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

Pemeteraian Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian

Sepanjang tahun 2020 UTeM telah memeterai sebanyak 25 memorandum kerjasama yang terdiri daripada 11 Memorandum Persefahaman (MoU) dan 14 Memorandum Perjanjian (MoA).

Jadual 18 Bilangan Memorandum Kerjasama tahun 2020

Tahun	MoU (11)		MoA (13)	
	Tempatan	Luar Negara	Tempatan	Luar Negara
2020	3	8	11	3



Rajah 17 Memorandum Kerjasama UTeM peringkat dalam dan luar negara Tahun 2020

Senarai agensi dan syarikat yang telah menjalinkan memorandum kerjasama bersama UTeM pada tahun 2020 adalah seperti di bawah.

Jadual 19 Senarai MoU yang dimeterai pada tahun 2020

Bil.	Nama Organisasi	Tarikh Meterai MoU
1.	Tokyo University of Agriculture and Technology (TUAT), Jepun	Januari
2.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	Januari
3.	Liverpool John Moores University (LJMU), United Kingdom	Januari
4.	Universitas Mulia, Indonesia	Januari
5.	Testhub Sdn. Bhd.	Februari
6.	Coventry University, United Kingdom	Mac
7.	Nagaoka University of Technology, Jepun	Mac
8.	Jeonbuk National University, Korea Selatan	Jun
9.	Nagoya University, Jepun	September
10.	King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang, Thailand.	September
11.	Acson Malaysia Sales & Service Sdn. Bhd.	Disember

Jadual 20 Senarai MoA yang dimeterai pada tahun 2020

Bil.	Nama Organisasi	Tarikh Meterai MOA
1.	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB), Indonesia	Januari
2.	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB), Indonesia	Januari
3.	Saanen Utama Sdn. Bhd.	Januari
4.	Politeknik Indonusa Surakarta, Indonesia	Jun
5.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tenaga Nasional (UniTEN), Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	Julai
6.	Pusat Rehabilitasi PERKESO Sdn. Bhd.	Ogos
7.	Mohd Ridzuan bin Nordin	Ogos
8.	Auro Technologies PIt.	September
9.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Malaysia Pahang (UMP)	November
10.	Testhub Sdn. Bhd.	Disember
11.	CREST & Top Empire Sdn. Bhd	Disember
12.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	Disember
13.	HRSB Holdings Sdn. Bhd.	Disember
14.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	Disember

Menyelaras Program Kebolehpasaran Graduan

Aktiviti kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 agak terbatas namun pelaksanaan tetap dijalankan secara atas talian berikutan pandemik dan pematuhan SOP ditetapkan. Hebahan mengenai jawatan kosong telah dibuat menerusi aplilkaasi atas talian iaitu Laman Sesawang, Telegram dan What Apps untuk menyebarkan kekosongan jawatan kosong kepada graduan UTeM. Secara langsung sebanyak 15 jawatan kosong telah diuar-uarkan melibatkan 16 industri sepanjang tahun.

Sementara itu, *Visual Career Fair* (Career Connect UTeM) diteruskan untuk membantu graduan UTeM mencari pekerjaan dengan alamat <https://careerconnect.utem.edu.my>, yang berfungsi sepanjang tahun. Di samping itu Career Talk Industry dan Klinik Kerja bersama-sama Israaq Group dan Perkeso pada Jun dan November 2020 manakala aktiviti 'success story' bagi mencambahkan kepelbagaian peluang pekerjaan kepada graduan dengan rakaman video testimoni Alumni dan disiarkan di FB AUTeM dan TV UTeM diadakan.

Melaksanakan Penempatan Pelajar Diploma dan Ijazah untuk Latihan Industri

Sejumlah 2,620 pelajar UTeM mengikuti Latihan Industri dengan seramai 2,002 pelajar bagi Sesi 2 & Sesi 3, Tahun Akademik 2019/2020 dan seramai 618 pelajar bagi Sesi 1 Tahun Akademik 2020/2021.

Jadual 21 Enrolmen Pelajar Menjalani Latihan Industri Mengikut Fakulti

Bil	Sesi menjalani Latihan Industri	Bil.	Tarikh Mula Latihan Industri	Tarikh Tamat Latihan Industri
1	Sesi 2, 2019/2020 FTKEE FTKMP FPTT FTMK	1,113	10-Feb-20	24-Jul-20
2	Sesi 3, 2019/2020 FKEKK FKE FKM FKP FTMK	889	20-Jul-20	25-Sep-20
3	Sesi 1, 2020/2021 FTMK	618	19-Oct-20	05-Feb-21
Total		2,620		

Program-program Bersama Masyarakat

Program CSR Pembersihan Sungai Melaka

Kebersihan Sungai Melaka perlu diberi perhatian serius kerana ia adalah nadi kepada kehidupan dan hasrat UTeM adalah untuk bersama-sama menyumbang kepada pemuliharaan Sungai Melaka yang juga merupakan destinasi pelancongan penting di Negeri Melaka.

Bagi menyokong hasrat ini, pada 29 Februari 2020, seramai 20 pelajar antarabangsa UTeM telah menyertai program CSR membersihkan Sungai Melaka, dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM). Lokasi pembersihan merangkumi laluan sungai dari Jeti Taman Rempah sehingga ke kawasan sungai berdekatan Melaka Sentral.

Selain membersihkan Sungai Melaka, matlamat program ini adalah untuk memupuk semangat cintakan sungai dan mewujudkan kesedaran di kalangan komuniti setempat akan pentingnya menjaga sungai kita. Sekiranya sungai tidak dipelihara boleh menyebabkan fenomena buruk seperti banjir dan pencemaran air.

UTeM Face Shield dan UTeM Intubation Shield

Penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengambil inisiatif dan menghulur bantuan melalui kepakaran penghasilan *UTeMShield* dan *PlexiBox* yang merupakan peralatan Intubation Shield yang berupaya melindungi para petugas barisan hadapan khususnya petugas perubatan daripada jangkitan virus COVID-19.

Inisiatif penyelidikan ini bukan saja menepati keperluan bekalan *Face Shield* dan *Intubation Booth* yang amat diperlukan kini malah turut mengenengahkan kepakaran penyelidik di institusi pengajian tinggi Negara dalam menggunakan teknologi cetakan 3D, SLS Printed dan potongan laser bagi proses pembuatan produk perlindungan ini.

UTeM Shield merupakan alat pelindung muka yang dicipta oleh penyelidik UTeM diketuai oleh Naib Canselor UTeM Profesor Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Zulkiflie Ibrahim dan barisan penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Pusat Kecemerlangan UTeM (COE), Pusat Pembuatan Termaju (AMC) dan di sokong oleh Pejabat Penolong Naib Canselor - Jaringan Industri dan Masyarakat (PPNC-JIM).

Reruai Saringan COVID-19

UTeM berjaya membangunkan COVID-19 *Screening Booth* untuk kegunaan di Hospital Melaka bertujuan untuk mengurangkan bebanan doktor selain selamat digunakan. Projek yang dibangunkan oleh UTeM dengan kerjasama rakan industri, AFA Technologies Sdn Bhd dan ALPRO Engineering Sdn Bhd dan mendapat nasihat dari Hospital Melaka itu mengambil masa tiga bulan untuk disiapkan.

Qaseh UTeM

Projek Komuniti Pembuatan “Qaseh UTeM” bertujuan untuk mengubah suai “Oxygen Cylinder Carrier” supaya lebih mudah untuk dibawa bersama mesin Continuous Positive Airway Pressure (CPAP).

Projek khas untuk adik Nur Qaseh Umairah Binti Mohd Najib, 4 tahun, merupakan pesakit yang tiada lagi fungsi paru-parunya sejak berusia 6 bulan akibat jangkitan Adenovirus. Beliau sentiasa terbaring di tempat tidur dan tidak dapat bergerak ke mana-mana kerana bergantung kepada mesin pernafasan silinder oksigen sepanjang masa.

Program Bantuan Mangsa Banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

Selari dengan slogan UTeM adalah Melaka dan Melaka adalah UTeM maka UTeM telah menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di negeri Melaka pada 26 November 2020 lalu. Sumbangan UTeM telah diagihkan kepada mangsa yang terlibat di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Tehel, Bemban, dan PPS Sekolah Kebangsaan Parit Gantong, Sungai Rambai.

Bantuan daripada UTeM ini dikelolakan menerusi Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), UTeM dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Melaka.

Forum U4S Siri 10: Program Kelestarian Sungai Melaka untuk masyarakat dan Kerajaan Negeri

UTeM terus cakna akan kelestarian Sungai Melaka dengan menganjurkan forum kesedaran kepentingan penjagaan dan pembangunan Sungai Melaka, secara atas talian pada 19 Oktober 2020. Forum ini berteraskan kepada konsep Universiti Untuk Masyarakat (U4S) dan pelaksanaannya berdasarkan *Redesign University Higher Education: University, Industry and Community Engagement* dan juga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 di mana Quadruple Helix Engagement Model menjadi paksi utama kepada konsep U4S.

Forum ini mengupas lebih terperinci dari perspektif Kerajaan Negeri Melaka serta komuniti terbabit iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka (JPS), Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) dan juga wakil industri dari STMicroelectronics Sdn. Bhd. Penganjuran ini selari dengan peranan UTeM yang berteraskan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu “Quadruple Helix Engagement Model”.

Bengkel *Robotik Line Follower* Peringkat Negeri Melaka Secara Dalam Talian

Bengkel yang disertai oleh kumpulan 10 orang guru matematik dan sains sekolah menengah telah dilaksanakan pada 1 Disember 2020 dengan kerjasama Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) bersama Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka.

Program Pemindahan Ilmu STEM, Pautan Robotik Secara Dalam Talian

Program ini telah dilaksanakan pada 17 Disember 2020 yang berobjektif memberi pengajaran dan latihan bagi para pelajar sekolah menengah yang berminat untuk mempelajari Pautan Robotik Linkage berkaitan aplikasi automasi mesin. Ianya turut memberikan pendedahan kepada pelajar sekolah menengah tentang ilmu pautan berasaskan grafik untuk menentukan posisi, saiz dan cagak pautan.

Program ini sekaligus berjaya menarik minat pelajar sekolah menengah kepada *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) dengan pelbagai aktiviti berasaskan aplikasi reka bentuk kejuruteraan. Pensyarah yang terlibat ialah Profesor Madya Dr. Sharifah Sakinah Syed Ahmad selaku Moderator, manakala ahli panel adalah terdiri daripada Dr. Mohd Najib bin Ali Mokhtar, Dr. Mohd Nazmin bin Maslan dan Mahasan bin Mat Ali.

Jadual 22 Aktiviti Kemasyarakatan sepanjang tahun 2020

Bil.	Program	Tarikh/ Lokasi	Rakan Kerjasama	Catatan
1.	Pertandingan <i>ST IoT Challenge 2020</i>	24 Feb 2020 - 28 Mac 2020 Makmal FKEKK	FKEKK	120 orang pelajar Sekolah Menengah dari Melaka dan Muar, Johor.
3.	Program Penjurian Temasya Bahasa Negeri Melaka Tahun 2020	25 - 27 Ogos 2020 Samsung IoT Academy, UTeM	Pejabat PNC-JIM dengan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka	52 orang guru sekolah rendah
4.	Program CSR Pembersihan Sungai Melaka 2020 Kali Ke 2	12 Februari 2020 Jeti Taman Rempah hingga Melaka Sentra	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM)	20 orang pelajar antarabangsa UTeM
5.	Program Latihan Triz	15 Sept. 2020 Samsung IoT Academy, UTeM	Pejabat PNC-JIM dengan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka	14 orang guru Sekolah Menengah
6.	Program Pengenalan Reka Bentuk CAD	10 Sept. 2020 Samsung IoT Academy UTeM	Pejabat PNC-JIM dengan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka	9 orang guru Sekolah Menengah
7.	Program Pemindahan Ilmu STEM, Bengkel Robotik Line Follower Peringkat Negeri Melaka Secara Atas Talian	1 Dis 2020 Samsung IoT Academy, UTeM	FTMK, FKM, FKE dan JPN Melaka	25 orang guru Sekolah Menengah sekitar Melaka.
9.	Program Pemindahan Ilmu STEM, Pautan Robotik/ Robotic Linkage Secara Atas Talian	17 Dis 2020 Samsung IoT Academy, UTeM	FTMK & FKP	Dalam talian dengan tontonan pelajar Sekolah Menengah sekitar Melaka.
10.	Program Bantuan & Sumbangan Kepada Staf UTeM & Mangsa Banjir Di Sekitar Negeri Melaka	November - Disember 2020 PPS Bemban dan PPS Sungai Rambai	Urus setia Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Bemban dan Sungai Rambai, Melaka	<ul style="list-style-type: none"> 8 keluarga di SK Tehel, Bemban. 15 Keluarga di SK Parit Gantong, Sungai Rambai.
11.	Landskap Tenaga Hijau Bagi Pengurusan Air Hujan Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah, Jasin, Melaka	1 Ogos 2019 - 31 Julai 2020 SMK Iskandar Shah, Jasin, Melaka	FKM dan Pejabat Keselamatan Pekerjaan & Kelestarian Alam Sekitar (KPKA)	Projek ini merekabentuk landskap binaan manusia yang mampu mengurangkan masalah banjir dan hakisan akibat hujan lebat serta memberi kesan pembelajaran sepanjang hayat kepada murid sekolah dalam bentuk model penghayatan teknologi pengumpulan air hujan dan penuaian tenaga boleh dibaharui dari alam semulajadi.

Bil.	Program	Tarikh/ Lokasi	Rakan Kerjasama	Catatan
12.	Application Of 3d Printing Technology In Rehabilitation Program At Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Center	1 Ogos 2019 - 31 Julai 2020 Pusat Rehabilitasi Tun Abdul Razak Perkeso (SOCSO), Melaka	Perkeso	Pemindahan teknologi Cetakan 3D kepada penyelia dan pelatih di Pusat Rehabilitasi Perkeso Tun Abdul Razak, Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka
13.	Sistem Saringan Disleksia (Dime): Program Pemindahan Ilmu Kepada Kolej Komuniti RTC Gopeng, Ipoh Perak	1 Mac 2020 -28 Februari 2021 Kolej Komuniti RTC Gopeng, Ipoh Perak	FTMK	Bertujuan melatih 22 tenaga pengajar dan kaunselor di Kolej Komuniti menggunakan Sistem Saringan Disleksi (DiME) untuk saringan dan intervensi iaitu pembelajaran dan pengajaran serta membangunkan profil 64 pelajar dengan teknik penilaian berdasarkan keperluan masalah pembelajaran.
14.	Bantuan Origami Corner Chair Kepada Kanak-Kanak Cerebral Palsy	1 November 2019 - 31 Januari 2021 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Melaka	Jabatan Kebajikan Negeri Melaka	Origami Corner Chair adalah satu inovasi baharu corner chair untuk kanak-kanak pesakit <i>Cerebral Palsy</i> dan mampu milik oleh keluarga B40 iaitu sekitar RM800, berbanding yang sedia ada di pasaran dengan harga RM1,500.
15.	Sistem Hidro Berskala Kecil Di Pos Senderut	1 November 2019 - 31 Januari 2021 Pos Senderut, Kuala Lipis Pahang.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar.	Projek membekalkan elektrik kepada penduduk Orang Asli di Post Senderut dengan pembinaan sistem hidro elektrik berskala kecil berbantuan sumber yang boleh diperbaharui.
16.	<i>Development of Counter Balance Arm Sling For Exercise (Cbas-Ex) for Malaysia Population</i>	2 November 2020 - 31 Oktober 2021 Makmal 3D Printing FKP	FKP	Menggunakan teknologi Cetakan 3D (Am Tech) untuk menghasilkan CBAS-Ex yang lebih fleksibel dan mesra pengguna berbanding penghasilan CBAS-Ex yang konvensional sebelum ini.
17.	<i>UTeM Intubation Shield</i>	Mac - April 2020 Hospital dan Pejabat Kesihatan Sekitar Melaka	FKP	30 unit <i>Intubation Shield</i>
18.	<i>UTeM Face Shield (Fasa 1)</i>	Mac - April 2020 Jab.Kesihatan Negeri Melaka	FKP, FTKMP, FKEKK, FKM, FKE dan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka	1118 unit <i>Face Shield</i>
19.	<i>UTeM Face Shield (Fasa 2)</i>	Mei- September 2020 Jab.Kesihatan Negeri Melaka	Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Fetta Auto Parts Industries, Petronas, ST Microelectronic, Bank Raktar, BSN, MBSB, Bank Islam, Honda Malaysia	100,000 unit <i>Face Shield</i>
20.	<i>COVID-19 Screening Booth</i>	Mac - April 2020 Hospital Melaka	AFA Technologies, Alpro Engineering dan Hospital Melaka	1 unit
21.	Qaseh UTeM - <i>Oxygen Cylinder Carrier</i>	April – November Taman Seri Duyong 3, Melaka.	FKE,FKP,FKM	Pesakit Adik Nur Qaseh Humairah
22.	Forum U4S siri 10 : Program Kelestarian Sungai Melaka untuk Masyarakat dan Kerajaan Negeri	19 Oktober 2020	Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM), ST Microelectronics	Program atas talian lebih 500 tontonan.

Pemeriksaan Alumni

1 Disember Hari Alumni UTeM

Hari Alumni 2020 dengan tema “Alumni Memperkasa Legasi UTeM” telah diadakan pada 1 Disember 2020. Program ini julung kali diadakan bagi meraikan Alumni-alumni UTeM yang berada di serata tempat. Pemilihan 1 Disember 2020 juga bersempena meraikan 20 tahun UTeM lalu tarikh 1 Disember terus ditetapkan menjadi Hari Alumni pada setiap tahun mendatang.

Sempena Hari Alumni turut diadakan beberapa pengisian menarik antaranya adalah program Sembang Santai Ruangan Maya seperti yang diadakan oleh beberapa buah fakulti. Turut diadakan adalah Forum Ikon Alumni: “From Zero to Hero” yang menampilkan 5 orang panel daripada kalangan alumni dan dipengerusikan oleh Presiden Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) Mohd Zulkiflie Ali bin Mohd Ghazaly.

Turut diadakan majlis Pelancaran Buku “Coretan-coretan Jiwa Alumni” edisi 20 Tahun UTeM dan pada masa yang sama disediakan lapel pin khas untuk alumni bersempena 20 tahun UTeM.



▶ Buku Coretan-coretan Jiwa Alumni UTeM



▶ Lapel pin khas Alumni 20 Tahun UTeM

Kerjasama dan Aktiviti Alumni UTeM Bersama Komuniti Luar

Sepanjang tahun 2020 mencatatkan pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan kerjasama Alumni UTeM bersama dengan komuniti luar seperti berikut :

1. Rakaman Video Alumni sempena ulang tahun 20 tahun UTeM di beberapa industri seperti Infineon, Konica Minolta & CTRM.
2. Kerjasama dengan universiti awam lain:
 - Seminar perkongsian Amalan Alumni Terbaik (Pengurusan Alumni) kerjasama bersama USIM/ UNIMAP/ UPSI
 - Bengkel Pemerikasaan Pusat Alumni Universiti Awam bersama Pusat Alumn UA / Majlis Alumni UA / Jabatan Pengajian Tinggi.
 - Konvensyen Usahawam Alumni bersama Industri Universiti Awam 2020 bersama UPSI dan USIM
3. Testimoni Alumni (Video) kerjasama Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori (PPPC) dan Penerbit Universiti, CTRM , Konica , Infineon , YB Datuk Ewon Benedict

Program Persatuan Alumni UTeM (AUTeM)

Sepanjang 2020, terdapat beberapa program yang telah dijalankan oleh AUTeM dalam mendekati alumni dan universiti.

Jadual 23 Aktiviti Mendekatkan Alumni-Universiti-Masyarakat

Fasa	Projek
Fasa 1	Membantu pelajar-pelajar sewaktu Pandemik Covid 19. Mewujudkan Tabung Prihatin Pelajar dan dapat mengumpul sejumlah RM1,000.00
Fasa 2	Menyumbang PPE untuk kegunaan kakitangan KKM sekitar Melaka
Fasa 3	Menyumbang makanan kering untuk pelajar-pelajar UTeM yang menginap di luar kampus
Fasa 4	Bantuan Pakaian PPE kepada Frontliner Melaka (menjahit)
Fasa 5	Menyumbang kurma kepada pelajar UTeM (sempena bulan Ramadhan)

Pelancaran Alumni Chapter Borneo merupakan platform bagi alumni-alumni UTeM di Sabah dan Sarawak untuk berurusan, bersuamuka menjalankan program. Program ini mendapat perhatian dalam kalangan alumni UTeM di sana. Program ini telah diadakan di Universiti Malaysia Sabah dan telah ditubuhkan jawatankuasa kecil bagi alumni Chapter Borneo ini yang dikendalikan oleh alumni sendiri.

Penyediaan e-poster Alumni "Kenali Alumni Tuah UTeM"


Poster ini merupakan salah satu inisiatif bertujuan untuk menonjolkan alumni-alumni UTeM yang telah berjaya diluar dan secara tidak langsung memperkenalkan alumni UTeM kepada masyarakat luar. Perkara ini akan menarik lebih ramai lagi pelajar yang akan memilih UTeM sebagai destinasi pengajian mereka.

Program *Alumni Talk* Bersama Al Israaq Group

Program ini telah dijalankan di Samsung IOT manakala panel yang dijemput terdiri daripada Alumni UTeM yang telah berjaya dalam bidang perniagaan. Antara pengisian adalah perkongsian berkaitan laluan kerjaya, cara agihan masa belajar, cabaran dan rintangan sebelum menjadi orang yang bekerja dan berjaya.

Kajian Pengesahan Graduan/Tracer Study

- Perbandingan tahun-tahun 2016-2020



Rajah 18 Peratusan Kebolehpasaran Graduan UTeM 2016 – 2020
(Data daripada SKPG 1 Konvo UTeM 2020)

Hari Alumni 2020 dengan tema “Alumni Memperkasa Legasi UTeM” telah diadakan pada 1 Disember 2020. Program ini julung kali diadakan bagi meraikan Alumni-alumni UTeM yang berada di serata tempat. Pemilihan 1 Disember 2020 juga bersempena meraikan 20 tahun UTeM lalu tarikh 1 Disember terus ditetapkan menjadi Hari Alumni pada setiap tahun mendatang.

Sempena Hari Alumni turut diadakan beberapa pengisian menarik antaranya adalah program Sembang Santai Ruangan Maya seperti yang diadakan oleh beberapa buah fakulti. Turut diadakan adalah Forum Ikon Alumni: “From Zero to Hero” yang menampilkan 5 orang panel daripada kalangan alumni dan dipengerusikan oleh Presiden Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) Mohd Zulkiflie Ali bin Mohd Ghazaly.

Turut diadakan majlis Pelancaran Buku “Coretan-coretan Jiwa Alumni” edisi 20 Tahun UTeM dan pada masa yang sama disediakan lapel pin khas untuk alumni bersempena 20 tahun UTeM.

Jadual 24 *Trend* Status Pekerjaan Graduan UTeM 2016 – 2020


Status Pekerjaan	Tahun Konvo									
	2016		2017		2018		2019		2020	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja	1,539	57.79	1,717	57.04	1,568	58.66	1,928	66.30	1,963	66.50
Melanjutkan pengajian	339	12.73	314	10.43	328	12.27	477	16.40	450	15.24
Meningkatkan kemahiran	86	3.23	103	3.42	67	2.51	76	2.61	69	2.34
Menunggu penempatan pekerjaan	69	2.59	120	3.99	129	4.83	242	8.32	116	3.93
Belum bekerja	630	23.66	756	25.12	581	21.74	185	6.36	354	11.99
Jumlah	2,663	100	3,010	100	2,673	100	2,908	100	2,952	100

Manakala pada Jadual 24 menyaksikan *trend* status pekerjaan dan kebolehpasaran graduan UTeM dari tahun 2016 sehingga tahun 2020. *Trend* status yang mendapat pekerjaan mengalami turun naik seperti di jadual tersebut.

Jadual 25 Taraf Pekerjaan, UTeM 2020

Taraf Pekerjaan	Bil.	%
Bekerja sendiri	154	7.85
Majikan	48	2.45
Pekerja kerajaan	102	5.20
Pekerja swasta (termasuk NGO)	1,367	69.64
Freelance	141	7.18
Bekerja dengan keluarga (upah/gaji)	115	5.86
Bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)	36	1.83
Jumlah	1,963	100

Jadual 25 menunjukkan *trend* taraf pekerjaan berdasarkan responden pada tahun 2020. Pekerja swasta (termasuk NGO) merangkumi swasta tempatan, swasta multinasional, GLC dan NGO mencapai 69.64 % berbanding jumlah 1,963 graduan yang dikategorikan sebagai bekerja.



9.0 ▶ PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGURUSAN PRASARANA

PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGURUSAN PRASARANA

Mewujudkan pembangunan fizikal dan insfrastruktur yang holistik serta komprehensif berteraskan kemahiran dan kepakaran terkini sejajar dengan aspirasi universiti.

Pembangunan Kampus Induk

Pembangunan Projek Fizikal Menggunakan Peruntukan Pembangunan (Pusat)

Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP1)

Perlaksanaan projek di bawah RMK11;RP1 telah bermula pada tahun 2016 di mana melibatkan 3 komponen projek. Kesemua projek adalah di bawah pelaksanaan UTeM dan berjalan sepertimana yang telah dirancang.

i. Membina dan Menyiapkan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Kaedah Pelaksanaan	:	Reka dan Bina
Kontraktor	:	Muar Usaha Bakti Sdn. Bhd.
Kos Projek	:	RM 55,586,930.00
Tarikh Mula	:	23 Oktober 2017
Tarikh Siap Asal	:	23 Ogos 2019
Tarikh Siap Semasa	:	7 Februari 2020
Kemajuan Sehingga 8 Februari 2020		
Kemajuan Rancang	:	100%
Kemajuan Sebenar (Tapak)	:	100% (Siap Sepenuhnya)

Status:

Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)

DLP Mula	:	8 Februari 2020
DLP Tamat	:	7 Februari 2022



Serahan Tapak kepada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

ii. Membina dan Menyiapkan Kompleks Dewan Kuliah

Kaedah Pelaksanaan	:	Konvensional
Perunding	:	Saada Architect
	:	Perunding Kejuruteraan Mahir
	:	Synergy Tech Consult Sdn. Bhd.
	:	Menara Teknik
Kontraktor	:	Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad
Kos Projek	:	RM 13,187,762.00
Tarikh Mula	:	17 Jun 2019
Tarikh Siap Asal	:	16 Disember 2020
Tarikh Siap Semasa	:	7 April 2021 (EOT No.1)
Kemajuan Sehingga 31 Disember 2020		
Kemajuan Rancang	:	83.77%
Kemajuan Sebenar (Tapak)	:	82.19% (Lewat Jadual)
Status	:	
	-	Di peringkat pelaksanaan cat bangunan
	-	Di peringkat pembinaan longkang
	-	Di peringkat penyediaan laluan kabel elektrik dan ICT




Kemajuan Semasa di Tapak Bina

iii. Membina & Menyiapkan Sambungan Infrastruktur Jalan 2 Lorong

Kaedah Pelaksanaan	:	Konvensional
Perunding	:	Iras Perunding
Kontraktor	:	Metra Angkasa
Tarikh Mula	:	29 April 2019
Tarikh Siap Asal	:	24 November 2019
Tarikh Siap Semasa	:	17 Januari 2020
		Kemajuan Sehingga 17 Januari 2020
Kemajuan Rancang	:	100%
Kemajuan Sebenar (Tapak)	:	100% (Siap Sepenuhnya)

Status	:	Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)
DLP Mula	:	18 Januari 2020
DLP Tamat	:	17 Januari 2021



Kemajuan Semasa di Tapak Bina

Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP4)

Dua projek UTeM telah diperaku dan diluluskan untuk pelaksanaan dengan kos berjumlah RM24 juta. Projek yang diluluskan pelaksanaan hanya melibatkan projek berdasarkan naiktaraf peralatan dan kemudahan sedia ada di Kampus Induk UTeM. Dengan pelaksanaan projek ini, prestasi perkhidmatan yang ditawarkan kepada seluruh warga UTeM dapat ditingkatkan seterusnya menyokong UTeM ke arah pencapaian prestij Universiti Teknikal terkemuka di dunia.

i. Penggantian Sistem dan Peralatan Automasi Bangunan Sedia Ada di Kampus Induk.

Kontraktor	:	Keltrik Engineering Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	:	23 Oktober 2017
Tarikh Siap Asal	:	11 November 2019
Tarikh Siap Semasa	:	2 Februari 2021 (EOT No.1)
		Kemajuan Sehingga 31 Disember 2020
Kemajuan Rancang	:	87.0%
Kemajuan Sebenar	:	93.0% (Dalam Jadual)

Skop bagi pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

- a. Building Automation System (BAS)
- b. JAVA Application Control Engine (JACE)
- c. Direct Digital Control (DDC)

Status:

- Di peringkat kerja-kerja pemasangan pengawalan vrv, lif dan pemampat udara di Dewan Canselor
- Di peringkat kerja-kerja penggantian alat pengesan dan kawalan injap



Kemajuan Semasa di Tapak Bina

ii. Perolehan Peralatan Aktif Rangkaian dan Infrastruktur Pengkomputeran

Kontraktor	:	Misyah Resources Sdn Bhd
Tarikh Mula	:	23 Oktober 2017
Tarikh Siap Asal	:	11 November 2019
Tarikh Siap Semasa	:	19 Julai 2020
		Kemajuan Sehingga 19 Julai 2020
Kemajuan Rancang	:	100%
Kemajuan Sebenar	:	100% (Siap Sepenuhnya)

Skop bagi pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:


- a. *Big Data & Learning Analytics*
- b. *Knowledge Management System*
- c. *Document Management System*
- d. *Lecture Capture & Hall Equipment*
- e. *Unified Communication*
- f. *Web Application Firewall & Web Security*
- g. *Network Device Refresh*
- h. *Secondary Datacentre (Business Continuity Management)*

Status:

Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)

DLP Mula : 20 Julai 2020

DLP Tamat : 19 Julai 2021



Kemajuan Semasa di Tapak Bina

Pembangunan Infrastruktur Menggunakan Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE)

Dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM 1,975,000.00 bagi naik taraf dan baik pulih infrastruktur Kampus Induk UTeM. Sehubungan itu, UTeM telah melaksanakan 20 projek yang berkaitan bagi membantu kontraktor bumiputera seperti yang disarankan oleh kerajaan. Antaranya adalah seperti berikut:

Pembinaan Parkir Tambahan di Dewan Canselor UTeM

Kontraktor	:	Arca Bina Enterprise
Tarikh Mula	:	13 Julai 2020
Tarikh Siap Asal	:	4 Oktober 2020
Tarikh Siap Semasa	:	4 Oktober 2020
		Kemajuan Sehingga 4 Oktober 2020
Kemajuan Rancang	:	100%
Kemajuan Sebenar (Tapak)	:	100% (Siap Sepenuhnya)



Kemajuan Semasa di Tapak Bina

Pembinaan Sambungan Jalan 2 Lorong Berserta Kerja Berkaitan (Dari Simpang Pusat Sukan Ke Pos Kawalan Keselamatan 'B')


Kontraktor	:	RJ Ktreatif
Tarikh Mula	:	13 Julai 2020
Tarikh Siap Asal	:	6 September 2020
Tarikh Siap Semasa	:	13 Oktober 2020
		Kemajuan Sehingga 13 Oktober 2020
Kemajuan Rancang	:	100%
Kemajuan Sebenar (Tapak)	:	100% (Siap Sepenuhnya)



Kemajuan Semasa di Tapak Bina

Kerja-Kerja Membekal dan Memasang Lampu Jalan Led (Dari Simpang Pusat Sukan ke Pos Kawalan Keselamatan 'B')

Kontraktor	:	Pemborong Dan Pembekal Salju Enterprise
Tarikh Mula	:	13 Julai 2020
Tarikh Siap Asal	:	4 Oktober 2020
Tarikh Siap Semasa	:	1 Oktober 2020
		Kemajuan Sehingga 1 Oktober 2020
Kemajuan Rancang	:	100%
Kemajuan Sebenar (Tapak)	:	100% (Siap Sepenuhnya)



Kemajuan Semasa di Tapak Bina

Pembinaan Parkir Tambahan di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)

Kontraktor	:	Pemborong dan Pembekal Salju Enterprise
Tarikh Mula	:	13 Julai 2020
Tarikh Siap Asal	:	4 Oktober 2020
Tarikh Siap Semasa	:	1 Oktober 2020
		Kemajuan Sehingga 1 Oktober 2020
Kemajuan Rancang	:	100%
Kemajuan Sebenar (Tapak)	:	100% (Siap Sepenuhnya)



Kemajuan Semasa di Tapak Bina

Kerja Pembinaan Jalan Masuk Ke Bangunan Kokurikulum

Kontraktor	:	Zam Zam
Tarikh Mula	:	13 Julai 2020
Tarikh Siap Asal	:	6 September 2020
Tarikh Siap Semasa	:	4 September 2020
		Kemajuan Sehingga 4 September 2020
Kemajuan Rancang	:	100%
Kemajuan Sebenar (Tapak)	:	100% (Siap Sepenuhnya)



Kemajuan Semasa di Tapak Bina

Pembangunan Projek Fizikal Menggunakan Peruntukan Mengurus

Bagi memantapkan tahap perkhidmatan yang disediakan kepada warga UTeM khususnya pelajar, UTeM komited untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan sokongan di UTeM. Bagi tujuan ini, UTeM turut memperuntukan sumber kewangan dalaman di samping peruntukan pembangunan yang diterima daripada Kerajaan Pusat.

Mengemaskini dan Menyiapkan Pelan Induk Pembangunan Kampus Induk UTeM Bagi Tujuan Mendapatkan Kelulusan Kebenaran Merancang

Kampus induk UTeM telah mula dibina pada tahun 2000 dan kini usia kampus induk UTeM telah menjejak 20 tahun. Berdasarkan kepada pembangunan yang telah dilaksanakan sehingga tahun 2020, keperluan untuk mengemaskini Pelan Kampus Induk UTeM dilihat amat kritikal. Ini bagi memastikan segala perancangan projek fizikal memenuhi keperluan semasa kerajaan negeri Melaka.

Perunding	:	Planners M Consult Sdn. Bhd.
Kos perkhidmatan	:	RM 494,126.70
Tarikh Mula	:	11 September 2019
Tarikh Siap Asal	:	18 Mac 2020
Tarikh Siap Semasa	:	30 April 2021 (EOT No. 4)

Status sehingga 31 Disember 2020:

- Di peringkat kelulusan pelan bangunan Klinik Kesihatan UTeM oleh pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

Penjimatan Kos Operasi Bagi Kerja Penyelenggaraan

Bagi menyahut dan menyokong hasrat kerajaan ke arah perbelanjaan berhemah, Pejabat Pengurusan Fasiliti telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mengoptimumkan kos operasi dalam pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan seperti berikut:

- i. Pembaikan secara dalaman (awam, elektrik dan mekanikal)
- ii. Penghasilan secara dalaman (kerja besi, kayu dan lain-lain)
- iii. Perkhidmatan secara dalaman (mesin rumput dan pembersihan kawasan)

Berdasarkan perancangan awal, Pejabat Pengurusan Fasiliti menasaskan kos operasi bagi tahun 2020 berjumlah RM100,000.00. Walau bagaimanapun, akibat daripada pandemik COVID-19 telah melanda dunia maka sasaran penjimatan telah dikaji semula dan ditetapkan kepada RM50,000.00 pada tahun 2020.

Walaupun pelaksanaan kerja dalam norma baharu yang agak mencabar ini, Pejabat Pengurusan Fasiliti telah berjaya mencapai penjimatan kos operasi sebanyak **RM43,013.95** untuk tahun 2020 atau 86.03% daripada sasaran yang telah ditetapkan sepertimana pecahan berikut:

- i. Anggaran penjimatan bagi penghasilan dan pembaikan secara dalaman di bengkel untuk kerja besi dan kayu adalah sebanyak **RM2,625.00** berbanding dengan pembelian baru.
- ii. Kerja-kerja pembaikan awam yang dilaksanakan secara dalaman menggunakan kos perolehan bahan dapat dijimatkan berbanding perolehan kerja kontraktor dengan anggaran penjimatan sebanyak **RM3,260.00**.
- iii. Kerja-kerja pembajaan pokok buah-buahan di dusun juga dilaksanakan secara dalaman berbanding dengan perolehan kerja kontraktor dengan sebanyak **RM3,200.00** anggaran penjimatan dapat dilaksanakan.
- iv. Bagi kerja-kerja pemotongan rumput telah dilaksanakan secara dalaman dengan berbanding perolehan kerja kontraktor dapat dijimatkan sebanyak **RM31,098.95**.
- v. Kerja-kerja mengecat juga dilaksanakan secara dalaman dan anggaran kos penjimatan adalah sebanyak **RM2,830.00** jika dibanding dengan perolehan kerja kontraktor.

Pejabat Pengurusan Fasiliti akan sentiasa cuba untuk mengoptimumkan kos operasi sekaligus dapat memenuhi sasaran penjimatan pada tahun akan datang.



10.0
▶ GEDUNG ILMU DAN
INSTITUSI REPOSITORI

LAPORAN TAHUNAN 2020
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

GEDUNG ILMU DAN INSTITUSI REPOSITORI

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM khasnya dan negara amnya.

Perpustakaan Laman Hikmah mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada pengguna. Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan ruang fizikal.

Sehingga Disember 2020, koleksi perpustakaan adalah berjumlah 134,178 judul bahan meningkat berbanding tahun 2019 sebanyak 129,332 yang merangkumi buku, jurnal, majalah, audio visual dan media elektronik manakala perkhidmatan dan operasi perpustakaan disokong oleh sistem berkomputer perpustakaan.

Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog atas talian menerusi portal perpustakaan. Perpustakaan Laman Hikmah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan misi perpustakaan iaitu menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong visi dan misi UTeM.

Penarafan 5 Bintang Laman Sesawang

Perpustakaan Laman Hikmah senantiasa peka dan menambahbaik Portal secara berterusan dan mesra pengguna bagi memastikan paparan Portal yang lebih bermaklumat, interaktif, grafik yang menarik, diterokai ramai dan mewujudkan pautan pantas kepada pengguna. Portal kini diakui sebagai salah satu nadi utama dalam penyampaian maklumat yang berkesan dan mudah diakses menerusi pelbagai peranti mudah alih secara meluas.

Sekali lagi, Laman Sesawang Perpustakaan Laman Hikmah dinobatkan sebagai laman web PTj UTeM yang mencapai penarafan 5 bintang bagi tahun 2020 dan ini merupakan kejayaan kali ketiga yang mana kejayaan sebelum ini dilakarkan pada 2017 dan 2019. Pada masa yang sama mereka turut terpilih menduduki tempat pertama daripada 39 penyertaan.

Pelaksanaan *'Bi-Directional Visitor Counter'*

Pada tahun 2020, Perpustakaan Laman Hikmah mula melaksanakan Bi-Directional Visitor Counter (BiViC) yang bertujuan merekod kehadiran pengunjung dengan lebih sistematik dan komprehensif selaras dengan pengoperasian ruang 24 jam PLH pada 17 Mei 2019.

Sistem ini berkeupayaan menjana data yang lengkap dengan rakaman video dan bilangan pengunjung yang keluar dan masuk ke dalam bangunan PLH sepanjang masa.

Pada 2 November 2020, PLH telah menggunakan 'BiViC' sepenuhnya selepas sebulan tempoh uji cuba. Paparan rakaman video dan laporan statistik secara harian dan bulanan boleh didapati secara dalam talian menggunakan ID pengguna dan kata laluan.

Pengesahan Penerbitan UTeM Melalui *Research Information System (URIS)*

Pada tahun 2020 penerbitan dalam URIS telah digunakan bagi permohonan Penilaian Insentif Penerbitan Jurnal 2019 dan Anugerah Akademik Universiti 2019. Simulasi Kajian Rintis e-PPTA telah diadakan pada 22 September 2020 di mana ianya menggunakan data penerbitan dari URIS bagi tujuan tersebut.

Perpustakaan Laman Hikmah dipertanggungjawabkan untuk membuat pengesahan bagi sub modul penerbitan dan sebanyak 712 penerbitan telah disahkan bagi tahun 2020 merangkumi penerbitan jurnal, prosiding, buku penyelidikan, bab dalam buku penyelidikan serta lain-lain penerbitan.

Permainan Elektronik PS4

Perpustakaan Laman Hikmah telah menggerakkan inisiatif menyediakan permainan elektronik PlayStation (PS4) sekaligus menyemarakkan usaha pemerkasaan transformasi imej ke arah perpustakaan pintar yang mesra pengguna. Permainan elektronik dilihat sebagai salah satu aktiviti rekreasi yang amat digemari pengguna ketika waktu santai di sini dengan kadar sewaan yang amat berpatutan kepada pengguna iaitu sebanyak RM4.00 sejam bagi 2 set *controller*.

Pengumpulan Bahan Memori Korporat

Sehingga 31 Disember 2020, Perpustakaan Laman Hikmah telah berjaya mengumpul sebanyak 14,276 bahan yang merangkumi artifak/replika, cenderahati, video peristiwa/aktiviti, gambar program-program universiti, dokumen/rekod, buletin, keratan akhbar dan lain-lain bahan yang mempunyai nilai simbolisme kepada UTeM. Jumlah bahan yang telah dikumpul bagi tahun 2020 telah meningkat sebanyak 51% berbanding dengan tahun 2019. Bahan-bahan ini adalah daripada koleksi Perpustakaan Laman Hikmah, sumbangan daripada staf, pelajar dan alumni UTeM serta terdapat juga bahan-bahan pameran yang dikumpul daripada Galeri UTeM.

Montaj 20 Tahun UTeM

Cadangan penghasilan montaj 20 tahun UTeM ini merupakan cetusan idea yang telah dipersetujui menerusi Mesyuarat Eksekutif Bil. 6/2019 dan telah mencadangkan untuk menyediakan teaser bagi memperkenalkan video dokumentari 20 tahun UTeM yang akan ditayangkan semasa majlis perasmian sambutan 20 Tahun UTeM. Montaj yang berdurasi 9.18 minit ini telah dimuat naik ke media sosial Perpustakaan Laman Hikmah termasuk YouTube pada 2 Disember 2020. Montaj ini turut dipaparkan di Portal UTeM pada 4 Disember 2020 dan hasilnya sehingga 31 Disember 2020, jumlah tontonan montaj yang dihasilkan telah meningkat dan melebihi 1254 views. Pautan montaj tersebut adalah seperti berikut https://www.youtube.com/watch?v=KX8Z-aqcz_E

Aktiviti ‘Saya Tahu, Saya Kongsi’

Perpustakaan Laman Hikmah mengambil inisiatif menganjurkan aktiviti ‘Saya Tahu, Saya Kongsi’ sempena Read@Uni Peringkat UTeM bagi tahun 2020. Aktiviti ini berjaya mempamerkan bakat dan kemahiran staf dalam bidang-bidang tertentu. Setiap staf yang dipilih akan berkongsi maklumat, pengalaman, tatacara dan menunjukkan demonstrasi tajuk yang dipilih manakala sesi ini dirakam dan dimuat naik ke dalam portal dan media sosial Perpustakaan Laman Hikmah.

Jadual 26 Senarai Aktiviti 'Saya Tahu, Saya Kongsi'

Bil.	Nama	Tajuk	Tarikh
1.	Nor Aini Binti Md. Jali	Resepi Asam Pedas Melaka	03/09/2020
2.	Aswanzie Abbyd Bin Zainal Abidin	Teknik Laungan Azan	03/09/2020
3.	Nik Syukran Muiz Bin Rashid	Teknik <i>Breeding</i> Ikan Laga	07/09/2020
4.	Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor	Teknik Pernafasan Menghilangkan <i>Stress</i>	08/09/2020
5.	Dr. Yusmady Bin Mohamed Arifin	Teknik Asas Mempertahankan Diri	10/09/2020
6.	Ahmad Tarmizi Bin Abdul Hadi	Teknik Membuat Rehal	02/10/2020
7.	Zuraidah Binti Amar	Teknik Menjahit Pelitup Muka Fabrik	13/10/2020
8.	Ir. Dr. Anuar Bin Mohamed Kassim	Teknik Penanaman Hidroponik	21/10/2020
9.	Muhammad Afiz Bin Ahmad	Teknik Asas Ragbi	25/10/2020

Program Pembudayaan Ilmu: *Talkshow@Library* dan Sembang Buku Bersama Penulis

Pada tahun 2020 sebanyak 3 sesi *Talkshow@Library* telah dianjurkan dengan kehadiran peserta daripada UTeM dan luar UTeM seperti organisasi setempat, pelajar sekolah dan sebagainya. Objektif penganjuran *Talkshow@Library* ini adalah untuk memperkasakan hubungan kerjasama antara Perpustakaan Laman Hikmah dengan agensi kerajaan mahupun swasta di samping menjadi pusat rujukan setempat dalam aspek perkongsian maklumat, kepakaran dan khidmat nasihat.

Jadual 27 *Talkshow@Library* yang telah dianjurkan pada tahun 2020

Bil	Tajuk	Tarikh	Platform	Kehadiran Peserta		
				Dalam UTeM	Luar UTeM	Jumlah
1	Tragedi Berdarah <i>Christchurch, New Zealand</i>	9 Januari 2020	Bersemuka	146	114	260
2	<i>The Unsung Hero</i>	11 Mac 2020	Bersemuka	108	103	211
3	<i>Clash of The COVID 2020 Living With The Unseen: A Perspective</i>	14 Oktober 2020	Dalam Talian	86	7	93

Sebanyak 2 program telah dianjurkan bagi pengisian 'Sembang Buku Bersama Penulis' yang mana bertujuan untuk menggalakkan warga UTeM khususnya dan komuniti luar amnya bagi membudayakan amalan membaca sebagai menyokong kepada aspirasi dan agenda kerajaan iaitu merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat.

Jadual 28 Program Sembang Buku Bersama Penulis yang telah dianjurkan pada tahun 2020

Bil	Tajuk	Tarikh	Platform	Kehadiran Peserta		
				Dalam UTeM	Luar UTeM	Jumlah
1	Jom Bisnes	13 Ogos 2020	Atas Talian	65	2	67
2	Pengurusan Sitasi Ilmuwan Cemerlang	18 November 2020	Atas Talian	52	8	60

Kempen Sumbangan Bahan Bacaan


Kempen bahan bacaan yang bertemakan *Keep A Book Alive* diteruskan bagi tahun 2020 merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi peluang kepada warga UTeM untuk berkongsi bahan bacaan serta membudayakan sikap cintakan buku dalam kalangan masyarakat.

Bagi melebarkan semarak kempen ini maka Perpustakaan Laman Hikmah telah menempatkan kotak-kotak sumbangan bahan di kedai buku seperti di Popular Bookstore, Kedai Buku Salleh Mohammed dan Thai Kuang Bookstore bermula 18 Mac sehingga 9 Jun 2020 serta di Kedai Buku Koperasi DBP, Popular Bookstore dan Gallery Bookstore bermula 14 September sehingga 13 November 2020.

Jadual 29 Penerimaan bahan sumbangan di kedai buku sepanjang kempen

Bil	Tempat	Jumlah Bahan	
		Judul	Naskah
1	Popular Bookstore	30	31
2	Kedai Buku Salleh Mohammed	10	10
3	Thai Kuang Bookstore	25	25
4	Kedai Buku Koperasi DBP	0	0
5	Popular Bookstore	124	140
6	Gallery Bookstore	85	100
JUMLAH		274	306

Kolaborasi dengan kedai buku merupakan KPI Perpustakaan Laman Hikmah dan mencapai 100% sekaligus mengulangi pencapaian yang sama pada tahun 2019 bagi pelaksanaan usahasama dengan syarikat swasta.



11.0

▶ PENGURUSAN INFRASTRUKTUR
DAN INFOSTRUKTUR ICT

LAPORAN TAHUNAN 2020
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGURUSAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR ICT


Projek Naiktaraf Infrastruktur ICT UTeM

Projek naiktaraf infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) UTeM bertujuan untuk menggantikan peralatan dan sistem peralatan ICT yang telah usang yang terdiri daripada peralatan rangkaian komputer, keselamatan rangkaian, server dan storan digital di Kampus Induk UTeM.


Antara impak hasil penaiktarafan ini adalah:

- Peningkatan rangkaian komputer (network back bone) daripada 20Gb kepada 80Gb.
- Ketersediaan kemudahan WiFi 6 yang berupaya menyokong kepadatan pengguna perkhidmatan WiFi.
- Peningkatan spesifikasi dan kapasiti server dan storan digital telah menyediakan ruang dan meningkatkan keupayaan aktiviti secara atas talian seperti e-Learning, online exam, *e-Governance*, *online meeting* dan lain-lain.
- Penyediaan ICT *Disaster Recovery Center* (DRC) di Kampus Teknologi.


Kemudahan ini dapat menampung keperluan semasa dan akan datang khususnya dalam mendepani Revolusi Industri 4.0 di dalam kampus UTeM.



Rajah 19 Peningkatan *Network Back Bone* kampus induk kepada 400% dengan ciri-ciri keselamatan ICT yang terkini



Rajah 20 Memperkukuhkan Keselamatan ICT secara menyeluruh dengan menggunakan *Next Generation Firewall* dan *Web Application Firewall (WAF)*




Rajah 21 Peningkatan *Compute Resources* di Pusat Data UTeM yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyampaian akademik, pentadbiran dan sebagainya


UTeM Virtual Private Network (VPN)

UTeM telah menyediakan perkhidmatan *Virtual Private Network* (VPN) untuk kegunaan pelajar dan staf UTeM yang memerlukan sambungan rangkaian dalaman (Intranet Network) UTeM daripada luar Kampus UTeM (Internet). Pengguna yang membuat capaian rangkaian VPN seolah-olah berada dalam rangkaian dalaman UTeM walaupun berada di luar dan perkhidmatan ini telah disediakan serta digunakan bermula Jun 2020.

Dengan perkhidmatan ini, capaian modul aplikasi yang berasaskan *Client-Based*, Pangkalan Data Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) serta perisian atau aplikasi berlesen seperti *Matlab*, *Solidworks* dan *AutoCAD* dapat dilakukan dari luar rangkaian UTeM. Perkhidmatan ini juga dapat menyokong keperluan pengguna yang perlu melaksanakan kerja dari rumah dan dapat menyokong aktiviti pembelajaran pelajar seperti menggunakan perisian di makmal walaupun tidak dapat berada di dalam kampus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



Rajah 22 Pelaksanaan Virtual Private Network di UTeM



Rajah 23 Statistik penggunaan *Virtual Private Network* (VPN) bagi tempoh Jun-Disember 2020

Penyediaan Perkhidmatan Sidang Video (Aplikasi *Cisco Webex* and *Microsoft Teams*)

UTeM telah menyediakan kemudahan sidang video secara atas talian menerusi aplikasi *Cisco Webex* dan *Microsoft Teams* yang dapat menampung keperluan pengajaran, pembelajaran, pentadbiran dan pengurusan universiti. Aplikasi ini dapat digunakan pada komputer mahupun pada peranti lain seperti telefon mudah alih dan tablet.

Bagi *Cisco Webex*, aplikasi ini disokong dengan penggunaan 3 unit peralatan *Cisco Webex* dan telah ditempatkan di 3 lokasi iaitu di Bilik Mesyuarat Utama Canselori, Bilik Viva PPS dan Bilik Perbincangan PPPK. Buat masa ini, terdapat 1,560 unit lesen aplikasi ini yang telahpun diberikan kepada staf UTeM dalam kalangan gred 41 dan ke atas.

Bagi *Microsoft Teams* pula, setiap staf dan pelajar UTeM diberikan lesen *Microsoft 365* yang disertakan dengan aplikasi *MS Teams*. Aplikasi ini membenarkan pelaksanaan komunikasi dan kolaborasi antara pelajar dan pensyarah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Di samping itu, penggunaan *Microsoft Teams* juga diperluas dalam aktiviti-aktiviti pengurusan pejabat yang melibatkan mesyuarat, seminar, latihan dan perkongsian dokumen antara staf.

Penstrukturan dan Penaiktarafan Sistem serta Peralatan CCTV UTeM

Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) telah melaksanakan proses naik taraf Sistem Pengawasan Video atau dikenali sebagai Closed-Circuit Television (CCTV), penggantian peralatan yang rosak dan usang serta menambah bilangan kamera CCTV di seluruh Kampus UTeM. Sistem CCTV ini telah digantikan dengan Cathexis Vision Professional (Central Monitoring System) dengan 2 unit workstation baru, 3 unit ruang storan baru yang setiap satunya bersaiz 60TB manakala 12 unit kamera CCTV yang rosak telah digantikan untuk projek kali ini.

Skop pemantauan keselamatan melalui sistem CCTV telah diperluaskan di seluruh kampus termasuk Kampus Teknologi untuk bangunan baru bagi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan lokasi-lokasi lain yang berkeperluan. Secara keseluruhannya UTeM kini memiliki 136 unit kamera CCTV di seluruh kampus yang dipantau oleh Pejabat Keselamatan.

Jadual 30 Jumlah Kamera di UTeM



Status Kamera	Jumlah CCTV	Kamera
Kekal	95	
Penggantian	12	
Pertambahan	16	
Integrasi	13	
Keseluruhan	136	



Tabung Insentif Pembelian Komputer UTeM (K41001)

Tabung Insentif Pembelian Komputer merupakan satu inisiatif buat staf akademik UTeM yang berkelayakan bagi mereka memiliki komputer atau komputer riba secara peribadi. Insentif sebanyak RM2,500.00 disediakan bagi setiap pemohon dan kemudahan yang baru diperkenalkan ini membolehkan staf akademik memiliki spesifikasi komputer yang bersesuaian dengan keperluan tugas khususnya pengajaran, pembelajaran dan lain-lain.


Kemudahan ini dilaksanakan secara berfasa di mana setiap fasa diperuntukkan sebanyak RM500,000.00 dengan anggaran sebanyak 200 orang pemohon. Untuk Fasa 1, kemudahan ini telah bermula sejak Ogos 2019 sehingga Jun 2020 dan kini kemudahan insentif ini telahpun memasuki fasa kedua.

UTeM Entry IoT Access Point System (e-TAP)

Sistem e-TAP atau *UTeM Entry IoT Access Point System* merupakan sistem yang dibangunkan bagi tujuan melancarkan kawalan pergerakan keluar dan masuk individu ke kampus UTeM sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Usaha ini selari menyokong saranan kerajaan untuk membendung wabak Covid19 yang sedang melanda negara daripada terus merebak dan memastikan hanya individu yang benar-benar sihat sahaja dibenarkan masuk ke kampus UTeM.

Setiap individu yang ingin memasuki kampus UTeM perlu membuat saringan deklarasi kesihatan (health declaration) secara dalam talian. Seterusnya setiap individu perlu membuat permohonan kemasukan ke UTeM menerusi portal Sistem Maklumat Universiti dan permohonan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) atau Pihak Berkuasa Universiti (PBU) masing-masing.

Pelaksanaan e-TAP memberi impak yang signifikan terhadap kelancaran pengoperasian harian dalam mengawal pergerakan keluar dan masuk ke kampus UTeM di samping pemantauan dapat dilakukan dengan lebih efisien dan efektif.



Rajah 24 Paparan Status Permohonan eTAP

Sistem Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTeM (e-BIDA)

Sistem Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTeM secara dalam talian (e-Bida) merupakan sistem bagi memudahkan proses bidaan nombor plat eksklusif UTeM dan pengguna boleh membida secara telus.

Inisiatif ini dicetuskan oleh Pusat Strategik Penjana Pendapatan, Pejabat Bendahari dan inisiatif ini selaras dengan saranan kerajaan yang mahukan setiap universiti awam berusaha menjana pendapatan sendiri bagi mengurangkan bebanan tanggungan kewangan dalam bidang pendidikan tinggi di Malaysia. Majlis Pemakluman Pembukaan Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTeM telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim pada 8 Disember 2020 di Auditorium Canselori, UTeM.


The poster features the UTeM logo and '20th Anniversary' branding. It highlights the 'BIDAAN NOMBOR PLAT EKSKLUSIF UTEM' system with the website 'ebida.utem.edu.my'. It announces the 'BIDAAN FASA PERTAMA DIBUKA' from 8.12.2020 to 14.12.2020. A table lists five bidding categories: Platinum (RM30,000), Diamond (RM2,000), Gold (RM1,500), Silver (RM1,000), and Bronze (RM450). Each category includes a brief description of the license plate type and its value. Contact information for Fudhail, Ezean, Zulridah, and an email address are provided at the bottom, along with a QR code and a note that the sale is managed by the PSPPP.

Promosi Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTeM

e-Undi Pilihanraya Kampus Pelajar Dalam Talian

Pilihan Raya Kampus (PRK) merupakan aktiviti tahunan yang diadakan bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Memandangkan pandemik COVID-19 melanda negara dan dunia maka UTeM telah mengambil inisiatif mempelopori kaedah baharu dalam melaksanakan Pilihanraya Kampus (PRK) dengan menggunakan kaedah dalam talian sepenuhnya tanpa pelajar perlu hadir secara fizikal ke kampus.

Kaedah baharu ini membolehkan seramai 12,419 orang pelajar UTeM di seluruh negara yang layak mengundi untuk membuang undi bagi memilih calon MPP secara atas talian dari kampung halaman masing-masing. Pelajar boleh mengundi melalui aplikasi pintar MyUTeM atau melalui Portal e-Undi Pelajar. Hari Pengundian telah berlangsung pada 6 Ogos 2020 bermula dari jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang dan telah berjalan dengan baik dan lancar.




Rajah 25 Skrin Antaramuka e Undi Pilihan Raya Kampus Pelajar (PRK)

e-Undi Pemilihan Ahli Senat UTeM: Kaedah Baharu Pengundian Menggunakan Aplikasi Pintar


Aplikasi Pintar e-Undi Pemilihan Ahli Senat UTeM dibangunkan bagi tujuan memudahkan proses pengundian ahli-ahli senat yang baru dalam kalangan Profesor UTeM. Kaedah ini dipilih kerana proses pengundian dapat dijalankan tanpa perlu semua pengundi berada di suatu tempat yang sama di samping dapat mematuhi saranan kerajaan untuk sentiasa menjaga penjarakan fizikal serta mengelakkan perkumpulan secara beramai-ramai.

e-Undi juga dipilih atas faktor penjurian yang adil, pengiraan undi yang cepat dan tepat, kerahsiaan undian serta dapat memastikan semua pengundi dapat mengundi, tanpa menjadikan faktor lokasi dan kekangan tugas sebagai alasan untuk tidak mengundi. Para pengundi hanya perlu menggunakan aplikasi pintar myUTeM versi terkini yang boleh dimuat turun melalui Play Store dan App Store.


Aplikasi ini diterima dengan baik oleh semua profesor di UTeM dan mereka telah menggunakan aplikasi e-Undi ini untuk memilih calon-calon Ahli Senat bagi penggal yang baru.



Rajah 26 Menu e-Undi Pemilihan Senat di skrin utama myUTeM bagi staf



Rajah 27 Skrin utama e-Undi menunjukkan pengundi layak mengundi dan undian untuk ketiga-tiga bidang masih belum selesai



Rajah 28 Skrin undian pengundi perlu mengklik pada kotak-kotak undian dan menekan butang UNDI



Rajah 29 Tetangkap pop-up akan dipaparkan bagi mengesahkan undian pengundi

Modul Permohonan Transkrip

Modul Permohonan Transkrip atas talian dibangunkan berdasarkan keperluan pengguna kesan dari pandemik COVID-19 dan penangguhan Majlis Konvokesyen UTeM. Permohonan akan diproses berdasarkan syarat-syarat seperti pelajar telah melengkapkan maklumat *Tracer Study* & Maklumat Alumni dan telah memuat naik bukti bayaran serta pelajar tidak berhutang.

Graduan boleh membuat pembayaran secara atas talian melalui pelbagai kaedah menggunakan kad debit/ kad kredit/ FPX/ MIGS/ JomPAY. Transkrip akademik akan dihantar oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) melalui kaedah pos atau serahan tangan berdasarkan pilihan oleh pelajar.



Rajah 30 Paparan Permohonan Transkrip Akademik

Naik Taraf Modul Pendaftaran Kursus Dalam Talian


Modul Pendaftaran Kursus merupakan salah satu modul di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) UTeM dan modul ini telah ditambahbaik yang mana pelajar dibenarkan untuk membuat permohonan pendaftaran kursus secara atas talian tanpa perlu bersemuka dengan Penasihat Akademik (dual login) dan pentadbir di Bahagian Pengurusan Akademik (BPA). Sebelum ini, pelajar yang berstatus KS / bermasalah perlu membuat pendaftaran secara dual login bersama PA masing-masing menerusi SMP.

Pelajar hanya perlu membuat permohonan dan sistem akan menghantar notifikasi secara automatik melalui email kepada Penasihat Akademik untuk semakan dan kelulusan pendaftaran kursus pelajar. Bagi pelajar yang tidak membuat pra pendaftaran kursus, pelajar perlu membuat permohonan pendaftaran kursus lewat berdenda atas talian dan semakan dilakukan oleh Penasihat akademik dan Kelulusan dilakukan oleh Bahagian Pengurusan Akademik dengan debit caj denda secara automatik melalui sistem.

Modul ini memberi impak yang sangat besar kepada pelajar dari segi memudahkan proses permohonan, menjimatkan masa dengan pengurusan yang lebih sistematik dari segi semakan dan kelulusan serta debit caj pelajar secara automatik kepada semua pihak di samping statistik dan laporan-laporan juga disediakan bagi tujuan pemantauan yang lebih efisien.

Pengurusan Denda/ Saman

Sistem ini dibangunkan untuk merekod dan mengurus proses denda/saman terhadap kesalahan lalulintas berdasarkan pekeliing penguatkuasaan peraturan lalu lintas yang dilaksanakan di UTeM. Modul ini dikawalselia oleh Pejabat Keselamatan bagi pengurusan denda/saman dilaksanakan dengan lebih sistematik dan efisien. Pembayaran denda oleh staf/pelajar boleh dibuat secara atas talian dengan lebih pantas dan selamat.



Sistem Pengurusan Keselamatan Universiti SPKU

DAFTAR JENIS KESALAHAN

KOD KESALAHAN: 25

JENIS KESALAHAN: []


STATUS: Aktif Tidak Aktif

Jumlah: 30

SENARAI KOD DAN JENIS KESALAHAN

KOD	JENIS KESALAHAN	Jumlah	Status
01	MELETAK KENDERAAN DI TEMPAT LARANGAN	10.00	AKTIF
02	MELETAK KENDERAAN DI LUAR PETAK	10.00	AKTIF
03	MELETAK KENDERAAN DI BINTANG KUNING	10.00	AKTIF
04	MELETAK KENDERAAN DI FILL BOMBA	10.00	AKTIF
05	MENGHALANG LALUAN	10.00	AKTIF
06	TIDAK LESEN MEMANDU	10.00	AKTIF
07	LESEN MEMANDU TAHAT TERPOH	10.00	AKTIF
08	LESEN (L) MEMANDU PENDINGING	10.00	AKTIF
09	TIDAK CUKAI JALAN YANG SAMA	10.00	AKTIF
10	CUKAI JALAN TAHAT TERPOH	10.00	AKTIF

Rajah 31 Skrin Utiliti Jenis Kesalahan



Rajah 32 Skrin Semakan dan Bayaran Saman


Penaiktarafan Portal i@UTeM

Portal i@UTeM adalah gerbang atau laluan utama kepada semua pengguna untuk mengakses Sistem Maklumat Universiti (SMU) secara dalam talian. Penaiktarafan Portal i@UTeM telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Oktober 2020 membabitkan perubahan pada antara muka (GUI) portal universiti agar lebih menarik dan interaktif serta compatible untuk pelbagai paparan peranti termasuklah paparan di komputer peribadi dan paparan di telefon pintar, tablet dan sebagainya. Antara muka (GUI) yang baharu ini amat menekankan ciri-ciri yang lebih responsif dan fleksibel.

Dengan penaiktarafan ini maka akses kepada Portal iCLM kini telah ditutup sepenuhnya. Ini bermakna, semua pengguna portal universiti samada staf, pelajar dan syarikat luar yang berdaftar dengan UTeM, klinik panel UTeM, ibubapa/penjaga dan orang awam akan menggunakan hanya satu akses sahaja melalui Portal i@UTeM di pautan <https://portal.utm.edu.my/iutem> untuk mengakses SMU.



Rajah 33 Paparan antaramuka Portal i@UTeM pada komputer peribadi (paparan adalah berbeza mengikut resolusi skrin)



Rajah 34 Paparan Portal i@UTeM pada peranti
(paparan adalah berbeza mengikut resolusi skrin dan jenis peranti)

Inisiatif Perkhidmatan Mesin Pencetak Secara Berpusat

Inisiatif penyediaan perkhidmatan mesin pencetak secara berpusat telah dimulakan sejak Jun 2016 yang bertujuan untuk menyelaraskan harga sewaan dan bacaan meter berdasarkan jenis mesin pencetak yang disewa dan sekali gus menggantikan mesin pencetak yang telah disewa secara kontrak kecil bagi penjimatan perbelanjaan universiti. Proses penggantian pencetak dilakukan secara berperingkat mengikut tarikh tamat kontrak-kontrak kecil tersebut yang mana kesemua kontrak kecil telah tamat sepenuhnya pada Ogos 2020.

Hasil daripada inisiatif perkhidmatan mesin pencetak secara berpusat ini telah dapat menjimatkan perbelanjaan universiti yang mana berdasarkan rekod, purata penjimatan perbelanjaan tahunan (bagi tempoh 2016-2020) adalah sebanyak RM1,417,311.70.



12.0
▶ KECEMERLANGAN MAHASISWA &
PEMERKASAAN HOLISTIK


KECEMERLANGAN MAHASISWA & PEMERKASAAN HOLISTIK

Pemeriksaan Mahasiswa


Meskipun sedang mendepani pandemik COVID-19, para pelajar tetap menjalankan sebanyak **190 program** atau aktiviti pelajar sepanjang tahun 2020 yang melibatkan penyertaan **31,378** pelajar melalui pelbagai kelab, persatuan, fakulti, sekretariat, badan beruniform dan anjuran luar yang merangkumi 8 dimensi TUAH iaitu akademik dan kerjaya, etika dan rohani, pengurusan & kepimpinan, keusahawanan, sukan & rekreasi, budaya & identiti nasional, sukarelawan dan teknikal & inovasi yang telah disusun secara berstruktur dan lestari selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT), Dasar Belia Negara dan Nilai Teras UTeM.

Jadual 31 Pelaksanaan Program Bagi Tahun 2020

Bil	Dimensi TUAH	Jumlah Program	Jumlah Penyertaan
1.	Akademik & Kerjaya	49	5,056
2.	Pengurusan & Kepimpinan	30	9,419
3.	Budaya & Identiti Nasional	11	1,427
4.	Sukarelawan	13	554
5.	Sukan & Rekreasi	27	3,430
6.	Etika & Kerohanian	8	1,304
7.	Keusahawanan	23	3,733
8.	Teknikal & Inovasi	29	6,455
	Jumlah	190	31,378



Rajah 35 Jumlah Keseluruhan Program: 190 (Sehingga 31 Disember 2020)



Rajah 36 Jumlah Penyertaan Pelajar: 31,378 (Sehingga 31 Disember 2020)

Jadual 32 Pencapaian TUAH UTeM Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Bil.	Program / Tarikh / Tempat	Nama	Pencapaian
1	Program Mudapreneur@He Peringkat Akhir 30September 2020 sehingga 2 Oktober 2020 Hotel Holiday Inn, Melaka	Mohammad Muadzan bin Abd Rahman	Tempat Pertama Sebuah syarikat milik seorang pelajar FKE bersama rakan kongsi (pelajar FTMK) telah berjaya memenangi tempat pertama Kategori Kejuruteraan dan Teknologi (ET)
2	<i>International Automation and Control Enhancing Innovation Competition (ACEiC) 2020</i> 3 Disember 2020 sehingga 4 Disember 2020	1. Hamizan bin Muhamed Ganasan 2. Law Hin Kwee 3. Yong Wen Xin 4. Wan Joe Yee	Pingat Gangsa Projek inovasi bertajuk <i>AIRCRAFT DE-ICING DRONE</i> berjaya memenangi pingat gangsa.
3	<i>Innovate Malaysia Design Competition 2020 DHL Design Challenge Award Winner</i> 17 Ogos 2020 Secara dalam talian	Teoh Kah Lun / Sow Chen Wei	Anugerah Utama Kategori DHL Design Challenge di Pertandingan Akhir <i>Innovate Malaysia Design Competition (IMDC) 2020</i> Kejayaan menerusi projek bertajuk "Realtime Courier Route Planning for Customer Centric Delivery" iaitu aplikasi yang menggabungkan <i>Route Optimizing Algorithm</i> dan <i>Chatbot</i> bagi memaksimumkan produktiviti pemandu dan juga kepercayaan pelanggan.
4	<i>Graphic Design World Skills Russia Inter University 2020</i> 4 Disember 2020 Secara dalam talian	Mohammad Izzat Farham bin Zahari	Pingat Gangsa Malaysia telah menyertai <i>IV Inter- University Competition 2020</i> anjuran <i>WorldSkills Russia</i> yang diadakan secara dalam talian bermula 1 - 7 Disember 2020. Aktiviti diadakan secara format pertandingan dan juga Skills Camp bagi bertukar pengalaman dalam menyelesaikan masalah digital serta pelaksanaan model pertandingan atas talian. Bidang

Bil.	Program / Tarikh / Tempat	Nama	Pencapaian
			yang sertai adalah seperti <i>IT Network System Administration, Cyber Security, Internet of Things (IOT), Graphic Design Technology, Neural Interfaces, Enterprise Information System Security, Drone Operating, Virtual Reality & Augmented Reality.</i>
5	<i>Forkwell.io online Coronavirus Hackathon</i> 1 Mac 2020	Chang Yang Loong	Tempat Ketiga <i>Forkwell.io a tech hiring platform created under Grooves, hosted an online hackathon to help find solutions using technology to combat the COVID-19 pandemic. This competition saw participation from teams of data scientists and software developers from around the world.</i>
6	Pertandingan SiswaSAT Malaysia 2020 9 Mac hingga 16 Oktober 2020	1.Muhammad Safie bin Sijamsir 2.Syafiq bin Abdul Halim 3.Muhammad Izzat Haziq bin Osman 4.Muhd Sabri bin Abdul Rahman 5.Muhamad Amirul Amin bin Wira 6.Siti Nur Syafiqah binti Mohamed Kamar Shamsudin	Tempat Ketiga Pasukan Tuah FKEKK terdiri daripada seorang pensyarah merangkap penasihat serta 6 orang pelajar tahun 2. Penyertaan ke pertandingan ini juga akan menjadi pemangkin kepada keberhasilan pencapaian matlamat sasaran graduan holistik yang dapat mengaplikasikan pembelajaran di dalam bilik kuliah seterusnya menjamin pencapaian graduan TVET yang berkualiti sepertimana yang diunjurkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.
7	<i>TGL Precision Farming E-Hackathon: Industry 4.0 in Agriculture</i> 6 Julai 2020		5 Teratas (Kebangsaan)

Bil.	Program / Tarikh / Tempat	Nama	Pencapaian
8	Pertandingan 3rd Digitalised International Invention, Innovation And Design Johor 2020 (IID) 10 Ogos 2020		Emas (Antarabangsa)
9	TGL Grand Design Challenge 2020 10 September 2020		5 Teratas
10	Pertandingan Membina Laman Sesawang Pelajar Global IEEE 2020	1. Woo Xiu Juan 2. Ng Chi Yuan 3. Yeap Sheng Yi 4. Vikneswaran A/L M/Rajandaran	Naib Johan di peringkat Antarabangsa
11	Pertandingan Nazam sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1442H/2020	Ahmad Hadiffauzan bin Omar	Johan
12	Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti Universiti Malaysia (MAKUM) 2019	Pelajar: 1. Muhamad Shahreen Sabarani 2. Mirza Syamimi Mohazrifi Staf 1. Encik Hamidi Mohd Hasnan, Ahli Muzik 2. Allahyarham Encik Shahrulfadli Yahaya, Pegawai Kebudayaan 3. Puan Rosmiza Mohd Saad, Pegawai Kebudayaan	Pelajar: 1. Anugerah Bonang Emas Lelaki (Individu) 2. Anugerah Bonang Emas Wanita (Individu) Staf 1. Anugerah Gendang Sari MAKUM 2. Anugerah Gayor Gemilang Emas MAKUM 3. Anugerah Lambang Sari MAKUM Keseluruhan 1. Anugerah Gong Kencana 2. Anugerah Gambang Mustika (Persatuan Seni Terbaik) yang diwakili oleh pasukan Wind Orkestra UTeM)

Pertandingan Membina Laman Sesawang Pelajar Global IEEE 2020

Kumpulan Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik (IEEE) Cawangan UTeM berjaya mengharumkan nama Malaysia apabila merangkul kedudukan naib johan dalam pertandingan Membina Laman Sesawang Pelajar Global IEEE 2020, baru-baru ini.

Pertandingan anjuran Komuniti Aktiviti Pelajar MGA IEEE itu bertujuan mendedah dan mempromosikan laman web pelajar yang mampu memberi maklumat mengenai aktiviti, teknologi terkini, peluang belajar dan faedah-faedah IEEE. Pertandingan ini telah mendapat penyertaan lebih 25 pasukan dalam kalangan kumpulan mahasiswa institusi pengajian tinggi dari seluruh

Pertandingan ini telah mendapat penyertaan lebih 25 pasukan dalam kalangan kumpulan mahasiswa institusi pengajian tinggi dari seluruh dunia melibatkan 10 kawasan wilayah masing-masing. Kejayaan kumpulan IEEE Cawangan UTeM ini telah melayakkan mereka menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM2,000 bersama sijil penghargaan atas kemenangan tersebut.

Pencapaian itu menggambarkan bahawa UTeM terus menyemarakkan budaya pembelajaran efektif serta penyuntikan konsep kreativiti dan inovasi yang diserapkan dalam kalangan pelajarannya dan berjaya mengaplikasikan ilmu dan kepakaran di pentas antarabangsa.

Pasukan IEEE Cawangan UTeM dianggotai seramai empat orang pelajar masing-masing tiga pelajar dari Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik iaitu Woo Xiu Juan, Ng Chi Yuan dan Yeap Sheng Yi manakala seorang lagi adalah R. Vikneswaran yang merupakan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik bersama Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), UTeM yang merupakan penyelia kumpulan IEEE Cawangan UTeM, Prof. Madya Dr. Chong Shin Horng.

Kumpulan IEEE dari UTeM julung nama Malaysia

By *Wartawan MalaysiaGazette* - 10 November 2020



Johan Pertandingan Nazam

TUAH UTeM, Ahmad Hadiffauzan bin Omar, pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menjadi Johan bagi Pertandingan Nazam Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1442H/2020M.

Pertandingan berkenaan telah berlangsung pada 12 Disember 2020 di Masjid Al-Azim Melaka. Ianya merupakan anjuran Institut Warisan Melaka (INSWA), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka (JKKN Melaka).



Anugerah Dalam Majlis Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti Universiti Malaysia (MAKUM) 2019

UTeM memenangi pelbagai anugerah dalam Majlis Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti Universiti Malaysia (MAKUM) 2019 yang diadakan secara dalam talian. MAKUM merupakan sebuah Majlis yang telah ditubuhkan bertujuan untuk menyelaraskan dan menggalakkan aktiviti – aktiviti berbentuk seni, budaya dan kreatif oleh para pelajar.



Kemenangan yang telah diraih oleh mahasiswa dan mahasiswi UTeM adalah:

- i) Anugerah Bonang Emas Lelaki (individu yang cemerlang dalam seni dan budaya) Muhamad Shahreen Sabarani dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).
- ii) Anugerah Bonang Emas Wanita (Individu yang cemerlang dalam seni dan budaya) Mirza Syamimi Mohazrifi dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).
- iii) Anugerah Gong Kencana.
- iv) Anugerah Gambang Mustika (Persatuan Seni Terbaik) yang diwakili oleh pasukan Wind Orkestra UTeM.

Di samping itu 3 orang kakitangan HEP UTeM turut menerima anugerah seperti berikut:

Anugerah Gendang Sari MAKUM, Ahli Muzik UTeM, Hamidi Mohd Hasnan.

- i) Anugerah Gayor Gemilang Emas MAKUM, Pegawai Kebudayaan Unit Teater, HEP UTeM, Allahyarham Shahrulfadli Yahaya.
- ii) Anugerah Lambang Sari MAKUM, Pegawai Kebudayaan Unit Tarian, HEP, UTeM, Rosmiza Mohd Saad.

Kecemerlangan Atlet TUAH UTeM di Arena Sukan dan Rekreasi

Tahun 2020 merupakan tahun yang penuh mencabar dengan penularan pandemik Covid 19 di seluruh negara lantas menyebabkan berlaku banyak penangguhan penganjuran serta penyertaan di peringkat universiti, IPT, negeri, kebangsaan dan antarabangsa terpaksa dibatalkan demi mengekang penyebaran wabak ini.

Namun, barisan TUAH UTeM tetap adaptif dan holistik merangkul pelbagai kejayaan cemerlang dan membanggakan di peringkat IPT, negeri dan Kebangsaan. Ketangkasan dan kemahiran mereka telah berjaya meraih pungutan pingat serta melonjakkan nama UTeM. Sebanyak 15 pingat kejohanan sukan telah dirangkul iaitu 2 pingat emas, 3 pingat perak dan 10 pingat gangsa menerusi penglibatan 8 penyertaan kelab dan 4 penyertaan kejohanan IPT dan MASUM.

Kejohanan sukan sepanjang tahun 2020 telah mencatatkan seramai 3,060 penyertaan aktiviti sukan manakala 175 merupakan atlet berprestasi tinggi yang telah berjaya dilahirkan dan seterusnya mewakili UTeM.

Kejohanan Sulung Esport Uni League 2020

UTeM juara keseluruhan bagi Kejohanan sulung eSport Uni League 2020 mendahului saingan hebat daripada 67 institusi pengajian tinggi lain. Kejohanan anjuran KPT dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan UTeM selaku tuan rumah bagi penganjuran kali ini bermula dari 30 Oktober hingga 22 November.

Kejohanan berlangsung selama 3 minggu bagi pusingan awal dan kemuncak pada 21 hingga 22 November 2020 lalu melibatkan 7 acara dipertandingkan iaitu Arena of Valor (AOV), Mobile Legend Bang Bang (MLBB), DOTA 2, Player Unknown Battleground (PUBG Mobile), FIFA2020, PES 2020 dan Honor of King (HOK).

Pasukan UTeM merangkul juara keseluruhan Kejohanan eSport Uni League-2020 dan membawa pulang piala pusingan kejohanan di samping 3 kejayaan lain iaitu juara bagi acara AOV, tempat ketiga bagi acara HOK dan tempat keempat bagi acara PUBG Mobile. Selaku juara bagi kategori AOV melayakkan pasukan



UTeM membawa pulang wang tunai RM 3,000.00 bersama pingat manakala bagi kedudukan tempat ketiga pula melayakkan mereka menerima wang tunai RM1,000.00 bersama pingat dan tempat keempat pula turut memberikan hasil wang tunai RM 500.00 bersama pingat.

Bagi kategori AOV dianggotai oleh 5 orang mahasiswa UTeM yang terdiri Muhammad Ilyas Azahir, Wan Muhammad Firdaus Abdul Latip, Faisal Hakim Mohd Suhaidi, Muhammad Firdaus Azman dan Muhammad Ezzat Ainuddin Mohd Hussin. Kategori HOK pula adalah terdiri daripada Simon Teo Yip Quan, Lee Zher Ye, Yee Yen Hoe, Chuan Chuan You, Lee Mun Heng dan Loh Ee Hong manakala bagi kategori PUBG Mobile terdiri daripada Ariz Mustaffar, Muhammad Shamil Shaiful, Muhamad Haziq Haikal Kamarudin, Danial Irfan Abd Halim dan Wan Ashraf Idham Wan Abdullah.

Pertandingan Memanah *Intervarsity*

Pasukan UTeM berjaya memenangi 1 pingat emas, 1 pingat Perak dan Gangsa dalam Pertandingan Memanah Intervarsity pada 15 Februari 2020 di Kompleks Sukan Multimedia University. Masing-masing meraih kemenangan dalam kategori Recurve lelaki iaitu Asyraf Hakimi bin Abd Halim (FTKMP). Manakala pingat Perak dimenangi oleh Nurshahiera Binti Saifol Azman (FKP) dan pingat Gangsa diraih oleh Rashiqa Binti Razlan (FKM).



Program Jelajah Pusat Sukan Tumpuan (PST)

Berbasikal Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) TUAH Merdeka 202

Program Jelajah Pusat Sukan Tumpuan (PST) Berbasikal Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Tuah Merdeka 2020 merupakan program KPT dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan UTeM. Seramai 7 orang pelajar termasuk TUAH UTeM UTeM termasuk dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan Seremban serta Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alam (PSA) membuat kayuhan sejauh 1,198 kilometer merentasi 10 buah negeri dan 6 universiti awam sebagai hentian sementara iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan UTeM.



Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2020

Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2020 menyaksikan Kontingen TUAH UTeM unggul melepasi sasaran yang ditetapkan dengan membawa pulang 6 pingat gangsa. Pada kedudukan keseluruhan kontingen UTeM berjaya menduduki tempat ke 19 dari 20 IPTA yang bertanding. Kejohanan anjuran MASUM dengan kerjasama UiTM yang diadakan di UiTM Arau Perlis bermula dari 29 Januari 2020 sehingga 7 Februari 2020.

Kontinjen UTeM telah menghantar 100 orang atlet, 4 urusetia pelajar, 7 orang jurulatih dan 6 orang pegawai dengan menyertai 7 acara iaitu catur lelaki dan wanita, karate lelaki dan wanita, badminton lelaki dan wanita, silat lelaki dan wanita, tenis lelaki dan wanita serta ping pong lelaki dan sepaktakraw. Latihan pusat kontingen telah diadakan di UTeM selama 14 hari sebelum tarikh kejohanan. Kesemua 6 pingat gangsa pada edisi kali ini diraih adalah 4 pingat gangsa daripada acara silat, 1 pingat gangsa daripada sukan karate dan 1 pingat gangsa daripada sukan tenis.



Kejohanan Yoodo E-Sukan 2020

Pasukan TUAH UTeM Revenge berjaya meraih tempat ketiga dalam Kejohanan Yoodo E-Sukan Kampus 2020. Kejohanan ini merupakan anjuran Media Prima Digital dengan kerjasama KPT. Acara yang dilangsungkan secara dalam talian bermula pada 13 -14 Jun 2020 bagi Zon Selatan dan 18 -19 Julai 2020 bagi pusingan akhir. Kejohanan ini terbuka kepada semua pelajar IPT di Malaysia. Tiada sebarang yuran dikenakan dalam kejohanan ini dan sebanyak 2 acara dipertandingkan iaitu *Call of Duty Mobile* (CODM) dan *Mobile Legends*.

UTeM telah menghantar 4 pasukan menyertai kejohanan ini iaitu 2 pasukan bagi acara CODM dan 2 pasukan lagi bagi acara *Mobile Legends*. 3 pasukan telah terkandas di peringkat Zon Selatan dan hanya pasukan *UTeM Revenge* berjaya layak ke pusingan akhir dan seterusnya berjaya meraih tempat ketiga kejohanan. Pasukan e-sukan telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam setiap kejohanan yang disertai. Sehubungan dengan itu Pusat Sukan UTeM akan berusaha untuk memperkasakan sukan e-sukan di UTeM agar ianya dapat mengharumkan nama UTeM. Ianya seiring dengan aspirasi kerajaan dalam membangunkan sukan e-sukan.

Jadual 33 Antara Penyertaan dan Kemenangan TUAH UTeM Pada Tahun 2020

Bil.	Nama Kejohanan / Tarikh / Tempat	Bil. Atlet	Pencapaian
1	Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 30 Januari Hingga 6 Februari 2020 UiTM Arau	100 Atlet	Tempat Ke-19 Keseluruhan Dari 20 IPTA 6 Pingat Gangsa Karate: Wanita 68kg Tenis: Double Lelaki Pencak Silat: Kategori 45-50kg Lelaki Pencak Silat: Kategori 50 -55kg Lelaki Pencak Silat: Kategori 95kg Lelaki Pencak Silat: Kategori 50 – 55kg Wanita

Bil.	Nama Kejohanan / Tarikh / Tempat	Bil. Atlet	Pencapaian
2	Penyertaan Kejohanan Memanah Archery Intervarsity 2020 15 Februari 2020 MMU Melaka	6 Atlet	Individu Lelaki (Recurve): Emas Individu Wanita (Recurve) : Perak & Gangsa
3	Penyertaan Kejohanan Olahraga All Comers 1 Perak (Super) 2020 21 Hingga 23 Februari 2020 Stadium Ipoh, Perak	9 Atlet	5000 Meter Lelaki: Peringkat Akhir 1500 Meter Lelaki: Peringkat Akhir 800 Meter Lelaki: Peringkat Akhir 200 Meter Lelaki: Separuh Akhir 100 Meter Lelaki: Separuh Akhir 4x100 Meter Lelaki: Peringkat Akhir 4x400 Meter: Ke-6 Lompat Tinggi Lelaki: Ke-20 Merejam Lembing : Ke-5 & Ke-21
4	Kejohanan Liga Futsal IPT, Fasa 1 2020 27 Februari hingga 2 Mac 2020 Universiti Malaysia Terengganu	25 Atlet	Primier A (Fasa 1) Kedudukan Liga: No.2 / 6 Pasukan
5	Penyertaan Sweet Jumbo IPT 2020 (Ragbi Sentuh Wanita) 7 Mac 2020 MRSM Alor Gajah, Melaka	12 Atlet	Naib Johan <i>Plate</i>
6	Kejohanan Yoodo E-Sukan Kampus 2020 13 – 14 Jun 2020 – Zon Selatan 18 – 19 Julai 2020 – Grand Final Dalam Talian di Kediaman Masing - Masing	22 Orang	Call of Duty Mobile 1. UTeM Teamrevenge - Tempat Ketiga Grand Final 2. UTeM Teamrevenge Jr - Suku Akhir Peringkat Zon Mobile Legend 1. UTeM CSG - Tempat Ke 15 Peringkat Zon Selatan 2. UTeM Polite Bear - Tempat Ke 16 Peringkat Zon Selatan

Inisiatif Berimpak Berkaitan Mahasiswa Tahun 2020


Food Bank Siswa UTeM Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diisytiharkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bermula 18 Mac 2020 dan dilanjutkan sehingga 12 Mei 2020 sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19. Antara arahan ketika itu pelajar yang masih berada di kampus (Kolej Kediaman, rumah sewa atau kediaman peribadi) perlu kekal berada di premis tersebut. Berikutan itu, pasukan Food Bank Siswa UTeM seramai 15 orang staf dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama 35 orang sukarelawan pelajar telah terlibat dalam menggerakkan kerja-kerja bagi

pembahagian bantuan stok makanan kering untuk pelajar yang terkesan akibat pandemik COVID-19 yang melibatkan seramai 6,000 orang pelajar meliputi di dalam kampus dan luar kampus.

Bagi melancarkan perjalanan operasi ini, Food Bank berpusat di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) dan kemudian bertukar ke Kafeteria Staf yang terletak berdekatan dengan Pejabat HEP berikutan ruang yang lebih besar untuk meletakkan barang-barang sumbangan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Bagi memudahkan tugas pengagihan, van PPKU dan 2 van Pejabat HEP digunakan sepanjang PKP berlangsung. Terdapat 5 fasa proses pengedaran makanan Food Bank kepada pelajar-pelajar UTeM yang terkandas sama ada di dalam kampus atau di luar kampus sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Terdapat 2 bentuk barangan bungkusan agihan iaitu bungkusan untuk pelajar yang menetap di dalam kampus dan bungkusan untuk pelajar yang menetap di luar kampus.

Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad juga berkesempatan membuat lawatan kerja ke UTeM bagi melihat sendiri situasi tempat pengoperasian Food Bank Siswa UTeM. Beliau sangat berpuas hati dengan cara pihak UTeM menguruskan pengagihan Food Bank Siswa kepada pelajar – pelajar UTeM yang terkandas.



Rajah 37 Jumlah Penerima Agihan Food Bank Siswa UTeM

Jadual 34 Jumlah Penerima Agihan Food Bank Siswa UTeM

Bil	Fasa	Kediaman	Jumlah Bungkusan	Jumlah Pelajar
1.	Fasa 1	Dalam	743	743
		Luar	355	991
2.	Fasa 2	Dalam	838	838
		Luar	364	997
3.	Fasa 3	Dalam	815	815
		Luar	399	976
4.	Fasa 4	Dalam	114	114
		Luar	-	-
5.	Fasa 5	Dalam	-	-
		Luar	112	338
Keseluruhan			3740	5812




OPS Hantar Pulang PKP

Atas keprihatinan KPT serta keperluan pelajar untuk pulang ke kampung halaman bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2020, KPT telah memberi kebenaran untuk pelajar yang tinggal di kampus untuk pulang ke kampung halaman masing-masing secara rasmi pada 27 April 2020.

Proses penghantaran pulang pelajar ini dilaksanakan dengan SOP yang ketat yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pergerakan pulang pelajar dibahagikan kepada 7 zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah 1, Zon Tengah 2, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Setiap zon diketuai oleh seorang Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) daripada universiti awam yang dipilih. Penyelarasan bagi pihak UTeM pula diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Profesor Madya Dr Nurulfajar bin Abd Manap.

UTeM telah menghantar pulang seramai 1,214 orang pelajar dengan tiga belas pergerakan bagi kesemua Zon mulai 30 April 2020 bagi Zon Selatan dan penghantaran terakhir pada 27 Mei 2020 bagi Zon Sabah.

Proses penghantaran pulang pelajar ini melibatkan penyelarasan dan koordinasi dengan pelbagai agensi luar. Ucapan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Pejabat Kesihatan Daerah yang bersama-sama memastikan pematuhan SOP sepanjang proses dilaksanakan seperti keperluan sanitasi kenderaan dan pemeriksaan kesihatan pelajar serta staf yang terlibat. Ia turut melibatkan 107 pegawai pengiring yang terdiri daripada kalangan staf UTeM serta 202 orang pemandu.





Rajah 38 Statistik OPS Pulang IPT PKP

Pilihanraya Kampus

UTeM telah berjaya mempelopori kaedah baru dalam menjalankan Pilihanraya Kampus (PRK) dengan menggunakan kaedah 'Mobile Undi' melalui aplikasi MyUTeM. Meskipun tertangguh akibat pandemik COVID-19 namun ia tetap berlangsung dengan lancar pada 6 Ogos 2020. Mobile Undi memudahkan seramai 12,419 orang penuntut UTeM yang berada di seluruh negara untuk membuang undi bagi memilih calon ahli Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi kali ini. Sebanyak 34 kerusi yang dipertandingkan merangkumi 25 kerusi fakulti dan 9 kerusi umum membariskan seramai 50 orang calon yang mana 30 orang calon bagi kerusi fakulti dan 20 orang calon bagi kerusi umum.

PRK UTeM bermula secara talian bermula 22 Julai sehingga 5 Ogos 2020 dengan kempen dan pengendalian pilihanraya ini digerakkan oleh *Campus Election Committee* (CEC) iaitu kumpulan pelajar UTeM yang diketuai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana PRK UTeM, Ammar Jamaludin, penuntut tahun 3, Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dan dibantu oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM.



Rajah 39 Jumlah dan Peratus Pelajar Yang Mengundi Pilihan Raya Kampus (PRK) 2020/2021

Jadual 35 Jumlah dan Peratus Pelajar Yang Mengundi Pilihan Raya Kampus (PRK) 2020/2021

Fakulti	Jumlah Pelajar	Keluar Mengundi	Peratus Mengundi
Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer	928	646	69.61%
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	1,351	933	69.06%
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	1,243	915	73.61%
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	957	847	88.51%
Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	1,804	1,365	75.67%
Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawanan	1,468	1,214	88.70%
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	1,641	1,000	60.94%
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	1,502	974	64.85%
Pusat Pengajian Siswazah	1320	84	6.36%
Jumlah keseluruhan keluar mengundi	12,419	8,057	64.88%

Bimbingan dan Kaunseling Pelajar

Program Bimbingan Secara DalamTalian oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling Pelajar aktif dijalankan terutamanya ketika musim PKP. Hasil kaji selidik mendapati para pelajar mengalami stres, kemurungan dan kebimbangan. Susulan itu, pelbagai program dijalankan secara dalam talian dan sesi secara bersemuka dijalankan dalam membimbing para pelajar mendepani pelbagai cabaran terutamanya pandemik yang memberi kesan kepada sebahagian pelajar.

Jadual 36 Program Bimbingan Secara DalamTalian oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling

Bil	Tarikh	Tajuk Program	Platform
1	29 Januari 2020	Program "90 Minutes From Zero To Hero With Counsellor"	Bilik Aktiviti Pelajar Bilik Mesyuarat Ppp
2	30 Januari 2020	Program "90 Minutes From Zero To Hero With Counsellor"	Bilik Aktiviti Pelajar Bilik Mesyuarat Ppp
3	26 Februari 2020 & 28 Februari 2020	<i>Counselling Tea Talk</i> – Tips Kemahiran Belajar	Bilik Aktiviti Pelajar
4	4 Mac 2020	<i>Counselling Tea Talk</i> – Mengenal Potensi Diri	Bilik Kaunseling Kelompok
5	6 Mac 2020	<i>Counselling Tea Talk</i> – Pegurusan Stres	Bilik Kaunseling Kelompok
6	21 April 2020	Pengurusan Masa Tidur	WEBEX
7	23 April 2020	Teknik Relaksasi Tangani Stres	WEBEX
8	28 April 2020	Pengurusan Emosi	WEBEX
9	5 Mei 2020	Mengenal Potensi Diri	WEBEX
10	7 Mei 2020	Tips Motivasi Diri	WEBEX
11	12 Mei 2020	Awak Okay?	WEBEX
12	19 Mei 2020	Tips Pengurusan Masa	WEBEX
13	20 Mei 2020	<i>Let's Talk</i> : Pengurusan Emosi	<i>Instagram Live</i>
14	21 Mei 2020	Tips Mudah Belajar Secara Online	WEBEX
15	3 Jun 2020	<i>Let's Talk</i> : Urus Stres Dengan Stres	<i>Instagram Live</i>
16	17 Jun 2020	<i>Let's Talk</i> : Bangkit Semangat Norma Baru Dalam Pelajaran	<i>Facebook Live</i>
17	1 Julai 2020	<i>Let's Talk</i> : <i>Developing New Skill</i>	<i>Facebook Live</i>
18	28 Ogos 2020	Program "Survival Towards 1 st Class"	WEBEX
19	16 Oktober 2020	<i>My VSION Board</i>	WEBEX
20	21 Oktober 2020	Penyesuaian Diri (Belajar Secara Online)	WEBEX

Anugerah Gemilang Universiti 2019

Buat julung kalinya Majlis Anugerah Gemilang Universiti (AGU) 2019 diadakan secara dalam talian menerusi Facebook UTeM bagi mengiktiraf bakat dan pencapaian TUAH UTeM yang telah bergiat aktif, mencapai kejayaan serta mengharumkan nama UTeM dalam aktiviti kokurikulum dan sukan di peringkat nasional dan global.

AGU yang diadakan pada 23 Disember lalu itu menyaksikan 25 kategori anugerah. Anugerah pemimpin organisasi terbaik telah menjadi milik Muhammad Isa Ishak yang mewakili FETSA manakala anugerah olahragawan UTeM pula dimenangi oleh Hamdanwahid Rinaldi yang telah mencapai banyak kemenangan menerusi sukan taekwando peringkat nasional dan antarabangsa.

Sementara itu, anugerah olahragawati UTeM pula menjadi milik Anis Amira Basri yang telah mencapai banyak kemenangan bagi sukan petanque di pelbagai peringkat manakala anugerah kelab atau persatuan terbaik pula dimenangi oleh Kelab Fasilitator Sahabat Siswa (FaSaSi).

Di samping itu, AGU 2019 turut mengiktiraf pencapaian aspek kepimpinan individu menerusi anugerah pemimpin program keusahawanan terbaik, pemimpin program kesukarelawan terbaik, pemimpin program sains teknologi dan inovasi terbaik, pemimpin program pembangunan sahsiah/intelek terbaik dan pemimpin program sukan terbaik.

Dalam aspek sukan turut diberi pengiktirafan bagi anugerah pasukan harapan, anugerah pasukan cemerlang, anugerah kelab cemerlang, anugerah pengurus cemerlang, anugerah olahragawati harapan dan anugerah olahragawan harapan.

Antara kategori lain yang turut diberikan anugerah adalah kategori kepimpinan pasukan menerusi 7 anugerah dan pada kali ini turut disampaikan penghargaan khas yang dikenali sebagai anugerah khas juri. Kesemua penerima anugerah pada majlis AGU 2019 ini menerima wang tunai, sijil dan juga trofi.



Fasiliti Dobi Di Kolej Kediaman Pelajar UTeM


Fasiliti dobi untuk pelajar UTeM adalah melalui kerjasama pihak Koperasi UTeM dan kemudahan dobi ini telah mula beroperasi di Kolej Kediaman Lestari yang menggunakan pembayaran secara e-wallet menerusi aplikasi KiplePay. Mesin basuh dan pengering bertaraf komersial ini diharapkan dapat memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar.



Kebajikan Pelajar

Secara keseluruhan, pelbagai inisiatif bantuan telah disalurkan kepada TUAH UTeM sepanjang tahun 2020 terutamanya semasa PKP Fasa 1 hasil daripada sumbangan KPT, Agensi Penurunan bencana Negara (NADMA), sumbangan pelbagai kerajaan negeri, yaysan korporat, agensi luar dan orang perseorangan.


Sepanjang tahun 2020, UTeM telah menerima sumbangan sejumlah RM1,513,623.00 daripada beberapa agensi luar seperti Tabung Haji (RM750,000.00), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (RM 250,000.00), Perumahan Kinrara Berhad (RM 70,000.00), Maybank Islamic Berhad (RM64,642.00), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (R74.981.00), Majlis Agama Islam Perlis (RM10,000.00), Bank Islam Malaysia Berhad (RM 35,500.00) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) (RM259,000.00). Sumbangan ini adalah khusus untuk membantu para pelajar yang memerlukan terutamanya daripada kalangan B40.



Rajah 40 Jumlah Keseluruhan Terimaan Zakat Tahun 2020

Selain daripada itu, pihak universiti juga menerima pelbagai sumbangan daripada kerajaan negeri, yayasan kebajikan dan juga individu untuk tujuan bantuan kepada pelajar yang memerlukan.

UTeM juga menyediakan peruntukan di bawah Tabung Khairat bagi membantu pelajar yang ditimpa musibah seperti kemalangan, bencana alam, kematian ibu / bapa / pasangan / anak dan bantuan rawatan perubatan dan kes-kes khas tertakluk kepada kelulusan. Pada tahun 2020, sebanyak RM315,203.70 bantuan Tabung Khairat telah disumbangkan demi kebajikan pelajar.




Rajah 41 Agihan Bantuan Tunai Dan Zakat 2020

Jadual 37 Bantuan Tabung Khairat Tahun 2020

(Data sehingga 31 Disember 2020)

Kategori	Bil. Pelajar	Jumlah Kos/ Sumbangan (RM)
Kematian Ibu / Bapa	7	2,600.00
Kemalangan Jalan Raya	7	1,880.00
Kematian Anak	1	300.00
Pelajar Meninggal Dunia	2	4,000.00
Bencana Alam	2	4,000.00
Bantuan Rawatan Kanser	2	10,000.00
Bantuan Rawatan Pembedahan	1	15,554.70
Bayaran Tunggakan Yuran Pelajar	1	2,306.00
Pembelian Kit Persediaan Set Pengurusan Jenazah	10	1,400.00
Caruman Skim Takaful Berkelompok Pelajar UTeM (RM10/pelajar/semester)	13,000	273,163.00
Jumlah		315,203.70

Tabung Endowmen adalah salah satu daripada bantuan yang disalurkan kepada pelajar yang berkeperluan hasil daripada sumbangan staf dan pihak luar pada setiap tahun.



Rajah 42 Bantuan Tabung Endowmen UTeM (2016-2020)



▶ 13.0
PENGURUSAN BAKAT

LAPORAN TAHUNAN 2020
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGURUSAN BAKAT

Pengenalan

Aspek Pengurusan Bakat di universiti ini lebih memfokuskan kepada program-program pembangunan bersifat holistik. Berdasarkan kepada pendekatan ini maka program pembangunan bakat dirancang dan dilaksanakan bagi mewujudkan jangkaan program yang lebih realistik, membuat staf berasa selesa menghadiri program-program pembangunan staf serta menambah baik kompetensi staf khususnya penekanan terhadap aspek *Attitude* (Sikap), *Skills* (Kemahiran) dan *Knowledge* (Kemahiran) atau ASK serta boleh mengadaptasi perkembangan teknologi terkini dan melakukan inovasi secara berterusan di era Revolusi Industri 4.0.

Statistik Staf

Sehingga 31 Disember 2020, jumlah waran yang diluluskan oleh Agensi Pusat adalah sebanyak 2,045 jawatan yang merangkumi jawatan pengurusan utama, jawatan akademik dan jawatan pentadbiran bagi Pengurusan & Profesional manakala selebihnya jawatan jawatan pentadbiran kategori Kumpulan Pelaksana. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,026 jawatan telah diisi secara tetap dan kontrak.

Jadual 38 Waran dan Perjawatan Sehingga 31 Disember 2020

Kumpulan	Bil. Waran	Bilangan Pengisian Mengikut Status		Isi	Baki
		Tetap	Kontrak		
Pengurusan Utama	4	3	0	3	1
Akademik	916	834	29	863	82
Pengurusan & Profesional	196	178	32	210	18
Pelaksana	929	888	62	950	41
Jumlah	2,045	1,903	123	2,026	142

Jadual 39 Statistik Staf Akademik UTeM Tahun 2020

Jawatan	Gred	Jumlah Keseluruhan
Profesor Gred Khas A	VK5	3
Profesor Gred Khas B	VK6	2
Profesor Gred Khas C	VK7	24
Profesor Madya	DS54	95
Profesor Madya	DS53	4
Pensyarah Kanan	DS52	353
Pensyarah Kanan	DS51	58
Pensyarah	DS45	260
Jumlah		799

Staf Akademik

Seramai 486 orang pensyarah berkhidmat di Universiti yang berkecayaan PhD sekaligus menjadikan peratusan pensyarah berkecayaan PhD adalah sebanyak 56 % pada tahun 2020. Peningkatan peratusan pensyarah berkecayaan PhD adalah hasil daripada usaha dan strategi Universiti melalui staf baharu berkecayaan PhD dan peningkatan staf sedia ada yang lulus peringkat PhD di bawah Skim Cuti Belajar.

Jadual 40 Statistik Pensyarah Berkecayaan PhD Tahun 2018 - 2020

Tahun	PhD/ Jumlah Akademik	%
2018	421/878	48
2019	460/880	52
2020	486/866	56


Latihan dan Penjanaan

Bahagian Pembangunan Bakat melalui unit Latihan dan Penjanaan telah berjaya mezhahirkan peruntukan sebanyak RM 350,000.00 dengan melaksanakan program-program latihan bagi membangunkan dan mengekalkan kompetensi staf yang berkonsepkan program latihan berteraskan *Attitude* (Sikap), *Skill* (Kemahiran) dan *Knowledge* (Pengetahuan).

Pada tahun 2020 unit Latihan dan Penajaan telah melaksanakan 43 latihan kursus yang melibatkan seramai 1,950 orang staf dan menguruskan penyertaan staf ke latihan yang anjurkan oleh agensi luar samada kerajaan ataupun swasta seramai 366 orang.


Unit Latihan dan Penajaan juga menganjurkan 6 kursus secara dalam talian dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dan Pusat Pembelajaran Bahasa (PPB). Metodologi ini memberikan kemudahan kepada staf untuk menjalani kursus di mana-mana sahaja. Carta di bawah menerangkan peratusan kursus yang berteraskan *Attitude*, *Skill* dan *Knowledge* dan Nilai Teras UTeM.

Peratusan Latihan Berteraskan Attitude (A), Skill (S) & Knowledge (K)



Rajah 43 Pembahagian Peratusan Corak Kursus di UTeM 2020

Peratusan Latihan Berteraskan Nilai Teras



Rajah 44 Peratusan Berkonsepkan Nilai Teras UTeM 2020




Unit Latihan dan Penajaan
95.84 Peratus Staf Yang Telah Memenuhi Jam Latihan

LATIHAN ANJURAN BPB (SKILL & KNOWLEDGE)	LATIHAN ANJURAN BPB (ATTITUDE)	PENYERTAAN STAF KE LATIHAN ANJURAN AGENSI LUAR	LATIHAN DALAM TALIAN
32 Latihan yang berkaitan Kemahiran (Skill) dan Pengetahuan (Knowledge). Melibatkan 1065 orang staf.	4 Latihan yang berkaitan Sikap (Attitude). Melibatkan 299 orang staf.	163 latihan anjuran agensi luar telah disertai oleh staf. Melibatkan 366 orang staf.	7 latihan menggunakan kaedah webinar. Melibatkan 586 orang staf.


Biasiswa Akademik

Penghantaran staf cuti belajar dan staf yang berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah merupakan antara pelaburan yang signifikan yang telah dilaksanakan oleh Universiti. Tahun 2020, seramai 16 orang staf telah melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah ke universiti dalam dan luar negara. Rajah di bawah adalah pecahan staf akademik yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah mengikut fakulti bagi tahun 2020.



Rajah 45 Penghantaran Staf Mengikuti Pengajian Ijazah Doktor Falsafah Dalam dan Luar Negara

Pada tahun 2020, staf yang berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah ialah seramai 23 orang staf. Rajah di bawah menunjukkan staf yang berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah mengikut fakulti.



Rajah 46 Staf UTeM Berjaya Menamatkan Pengajian Ijazah Doktor Falsafah Dalam dan Luar Negara

Program *Fast Track to Chartered Engineers (C.Eng.)*

Bagi merealisasikan misi UTeM untuk melahirkan ahli profesional dalam kalangan staf akademik di samping meningkatkan bilangan staf akademik dengan gelaran Jurutera Profesional atau yang setara dengannya selaras dengan kehendak *Engineering Accreditation Council Malaysia (EAC)* dan juga MyRA maka program *Fast Track to Chartered Engineers (C.Eng.)* telah dilaksanakan bermula pada bulan Februari 2017 sehingga 31 Disember 2020. Program ini juga dapat membantu meningkatkan bilangan Jurutera Profesional (Ir.).

Jadual 41 Laporan *Fast Track to Chartered Engineers* (C.Eng.) Program sehingga Disember 2020

No.	Fakulti	Dalam Proses Memperoleh C.Eng. (orang)	Telah Memperoleh Pengiktirafan C.Eng. (orang)	Jumlah (orang)
1	FKEKK	7	12	19
2	FKE	2	10	12
3	FKM	2	20	22
4	FKP	0	11	11
5	FTKEE	12	4	16
6	FTKMP	10	10	20
Jumlah Keseluruhan		33	67	100

Seramai 100 orang staf akademik dari FKEKK, FKE, FKM, FKP, FTKEE dan FTKMP telah mengikuti program ini bagi memperoleh pengiktirafan sebagai C.Eng. 67% orang staf telah berjaya memperoleh pengiktirafan C.Eng. dan 33% lagi tidak dapat memenuhi pencapaian. Kos sebanyak RM 335,000.00 telah dibelanjakan sebagai bayaran insentif kepada staf yang telah berjaya memperolehi pengiktirafan tersebut.

Skim Sangkut Industri

Skim Sangkut Industri ini merupakan antara inisiatif dalam membantu Universiti meningkatkan kualiti staf akademik dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan berdasarkan pengalaman serta ilmu yang diperolehi daripada industri.

Skim ini juga memberi pendedahan kepada staf berkenaan dengan teknologi dan inovasi baru selain dapat memberi pendedahan kepada suasana sebenar melalui konsep experiential-learning selain mengikuti kursus/latihan yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf.

Selain membantu Universiti meningkatkan kualiti staf akademik dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan berdasarkan pengalaman serta ilmu yang diperolehi dari industri, ianya juga dapat meningkatkan jumlah bilangan staf berstatus Jurutera Profesional kerana latihan industri / sangkut industri merupakan pra-syarat untuk memperolehi status Jurutera Profesional.

Jadual 42 Staf yang mengikuti Skim Sangkut Industri tahun 2020

No.	Fakulti	Jumlah (orang)
1	FKE	3
2	FKEKK	8
3	FKM	0
4	FKP	2
5	FTMK	2
6	FPTT	0
7	FTKMP	3
8	FTKEE	0
Jumlah Keseluruhan		18

Skim Cuti Sabatikal

Skim Cuti Sabatikal adalah bertujuan meningkatkan nilai tambah kecemerlangan intelek serta produktiviti dalam bidang kepakaran. Ini adalah selari dengan percambahan konsep ilmu yang sentiasa berkembang.

Bagi mencapai matlamat ini, staf dibenarkan menjalani cuti sabatikal untuk aktiviti-aktiviti berikut:

- Pengajaran yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf di Universiti yang terkemuka di luar negeri bagi tujuan perkongsian dan peningkatan pengetahuan akademik;
- Penyelidikan dalam bidang pengkhususan;
- Penulisan buku karya asal/asli dengan syarat staf hanya menulis satu buku sahaja dalam tempoh sabatikal yang diluluskan. Kebenaran yang diberikan adalah hanya untuk menghabiskan penulisan sahaja dan bukan permulaan penulisan;
- Mengikuti kursus/latihan yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf.

Jadual 43 Staf yang diluluskan mengikuti Skim Cuti Sabatikal bagi tahun 2011 sehingga 31 Disember 2020

No.	Fakulti	Tahun / Bilangan Staf										Jumlah Staf
		2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	
1	FKE	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
2	FKEKK	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1
3	FKM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
4	FKP	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	2
5	FTMK	-	-	-	-	-	2	1	1	-	1	5
6	FPTT	-	-	-	-	-	-	-	2	-	-	2
7	FTKMP	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0	0
8	FTKEE	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
9	PBPI	1	-	-	-	-	-	-	-	3	1	5
Jumlah Keseluruhan		1	-	-	-	-	2	2	4	3	3	15

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA)

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA) ialah satu skim yang merupakan insentif dalam bentuk pemberian biasiswa melanjutkan pengajian kepada staf pentadbiran yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan Universiti dan dapat mencungkil bakat dalam kalangan staf pentadbiran. Penawaran kuota skim ini pada tahun 2020 adalah sebanyak 8 kuota dengan pecahan 3 kepada Kumpulan Pengurusan & Profesional dan 5 kuota kepada Kumpulan Pelaksana.

Namun demikian, hanya seramai 2 orang daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional dan 3 orang daripada Kumpulan Pelaksana membuat permohonan setelah tawaran skim ini diiklankan. Saringan di peringkat Jawatankuasa SCuBBA telah dibuat dan 1 permohonan daripada Kumpulan Pelaksana telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat permohonan. Manakala satu permohonan daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional telah menarik diri daripada meneruskan

permohonan disebabkan masalah peribadi. Setelah menjalani sesi temuduga yang diadakan pada 1 September 2020, 1 orang daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional dan 2 orang daripada Kumpulan Pelaksana yang layak untuk ditawarkan mengikuti pengajian di bawah SCuBBA bagi tahun 2020.

Jadual 44 Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCUBBA)

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCUBBA)											
Tahun/ Kategori	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah Staf
Pengurusan & Profesional	3	1	1	1	1	0	0	1	1	1	10
Pelaksana	1	0	1	0	0	0	3	0	3	2	10
Jumlah Keseluruhan											20

Geran Pelan Penggantian AKEPT

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) melalui Pusat Pemprofilan Kepimpinan (CeLP) telah mempelawa semua universiti awam untuk menyertai program Capacity Building in Leadership (CapaBLE) bagi menggalakkan peranan dan kebersamaan antara agensi, institusi dan para pemegang taruh agar dapat menghasilkan sesuatu yang bermanfaat dan berimpak tinggi dalam menjayakan aspirasi Pembangunan Bakat Berdasarkan Kompetensi (CBTM).

Penyertaan UTeM membuahkan hasil dengan penyaluran peruntukan daripada AKEPT sebanyak RM25,200.00 bagi menyiapkan projek tersebut dalam tempoh mulai 1 Julai 2020 sehingga 28 Februari 2021 (8 Bulan). Projek ini akan diketuai oleh Mohd Shahrul Nizam bin Shukor selaku Ketua Projek di bawah seliaan Mohd Azmi bin Mat Said selaku Pengurus Bakat UTeM. Hasil utama daripada penerimaan geran ini adalah Set Kompetensi, Kaedah Penilaian dan Program Pembangunan Pelan Penggantian.

Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (CBTM)

Seramai 3 orang pegawai dari Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar telah menerima Diploma Profesional dalam bidang Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (CBTM) melalui program kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) pada 23 September 2020. Tiga pegawai tersebut adalah Mohd Azmi bin Mat Said, Mohd Shahrul Nizam bin Shukor dan Hazrin binti Kasim.

Program ini dilaksanakan mulai Januari 2020 melalui UMP Advanced Education (UMPA) di mana pelaksanaan pembangunan modal insan dan pengurusan bakat ini selaras dengan kepentingan pembangunan sumber manusia pendidikan tinggi dan dunia kesarjanaan ke arah pemantapan penyampaian kerja berprestasi tinggi pada masa depan. Hasrat AKEPT dalam membina jambatan ilmu CBTM direalisasikan melalui kolaborasi strategik antara AKEPT dan UMP yang mana kompetensi menjadi tunggak dalam membudayakan pengurusan bakat yang berwibawa di universiti awam (UA).

Pendedahan kepada ilmu sumber manusia dengan 10 modul yang ditetapkan ini telah berjaya melahirkan pegawai yang lebih kompeten dalam pengurusan bakat yang lebih berstruktur dan telus. Program komprehensif melalui pendekatan pembelajaran teradun (blended learning) ini adalah di bawah penyeliaan Pusat Pemprofilan Kepimpinan (CeLP) manakala AKEPT dan UMP sebagai rakan strategik. Pembelajaran Teradun merupakan satu kaedah yang menggabungkan pendekatan pembelajaran mod bersemuka dan pembelajaran mod dalam talian.

Program Kepimpinan dan Pengurusan Bakat Anjuran AKEPT

Sebanyak 5 program dianjurkan oleh AKEPT bagi tahun 2020 dan UTeM telah mengenalpasti 11 calon peserta merujuk kepada kriteria yang ditetapkan bagi mengikuti program yang telah dianjurkan oleh pihak AKEPT seperti berikut:

Jadual 45 Program Kepimpinan dan Pengurusan Bakat Anjuran

Kursus	Bilangan Staf
<i>CEO Faculty AKEPT Orientation Programme</i>	4
<i>Training of Trainers : Behavioural Event Self - Assessment</i>	1
<i>International Deans' Course : Malaysian Chapter (1st Cohort)</i>	1
<i>Talent Management for Excellence Series - TaME Series 2020</i>	3
<i>University Leaders Entrepreneurial Educators Bootcamp (UNILeeB) Siri 2</i>	2

Program *Executive Talk* 2020

Program *Executive Talk* telah dianjurkan sebanyak 2 kali bersama 2 orang penceramah jemputan iaitu YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc. dan YBhg. Datuk Azman Ismail.

Executive Talk pertama bersama YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc., Presiden Akademi Sains Malaysia telah diadakan pada 8 Julai 2020 di Dewan Auditorium, Canselor, UTeM. Membicarakan tajuk “*Where Is Higher Education Heading Post COVID19*”, Datuk Asma telah menekankan berkaitan perancangan dan persediaan Universiti dalam mendepani norma baharu serta halatuju dalam pengurusan dan pengoperasian Universiti yang lebih strategik agar terus relevan dan signifikan dengan keadaan semasa.

Executive Talk kedua bersama YBhg. Datuk Azman Ismail, Pengarah Urusan, Plus Malaysia Berhad telah diadakan pada 1 Oktober 2020 di Dewan Auditorium, Canselor UTeM. Membicarakan tajuk “*Leadership in Steering the Organisation Across Turbulent Times Towards Recovery from COVID-19*”, Datuk Azman berkongsi pengalaman beliau dalam mengemudi PLUS Malaysia Berhad dalam menghadapi pandemik COVID-19 yang bukan hanya memberi kesan tetapi peluang khususnya kepada warga universiti untuk sentiasa kreatif dan fokus dalam mengaplikasikan teknologi, membina keupayaan dan kompetensi diri serta meningkatkan kreativiti dalam menghadapi cabaran COVID-19.

Program yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar ini telah dihadiri oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim serta pegawai-pegawai kanan UTeM dan disiarkan secara langsung melalui platform *Facebook Live* UTeM.

My Competency Profile (MyCP)

My Competency Profile (MyCP) Kumpulan Pelaksana yang merupakan satu kaedah yang membantu perkembangan kerjaya dan kompetensi staf yang mana ia dirangka khusus bagi menepati keperluan kompetensi setiap individu staf berdasarkan keperluan organisasi yang telah diluluskan melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bil. 4/2019. Semua staf Kumpulan Pelaksana perlu mengikuti program MyCP bagi tujuan pembangunan kompetensi setiap individu. Keperluan ini selari dengan Pelan Strategik Sumber Manusia 2015-2025 (PSSM) di bawah Teras 2: Memperkasakan Potensi Staf.

Penilaian MyCP akan diukur mengikut kompetensi seperti berikut:

- I. Kompetensi 1 - Keutuhan Peribadi
- II. Kompetensi 2 - Kualiti Dan Produktiviti
- III. Kompetensi 3 - Komunikasi Berkesan
- IV. Kompetensi 4 - Kreatif Dan Inovatif
- V. Kompetensi 5 - Pelaksanaan Operasi

Kaedah penilaian MyCP akan dilaksanakan menggunakan kaedah Penilaian 360° yang melibatkan maksimum 6 orang penilai bagi seorang calon dan Pusat Tanggungjawab akan menamakan penilai bagi calon tersebut.

Pelaksanaan Penilaian Profil Kompetensi Staf Pelaksana – MyCP

1. Pelaksanaan Program Penilaian Kompetensi Kumpulan Pelaksana
2. Pelaksanaan Program Pembangunan Bakat Kumpulan Pelaksana

Program Penilaian MyCP

1. Menerima senarai nama pemohon kenaikan pangkat daripada Bahagian Sumber Manusia (106 orang calon).
2. Penamaan calon penilai kepada ketua PTj (25/08/2020-1/09/2020) (636 penilai yang telah dinamakan oleh Ketua PTj).
3. Penyediaan borang Microsoft bersama PPPK.
4. Penilaian Program MyCP melalui boring Microsoft (02/10/2020- 19/10/2020) - (636 maklumbalas borang Microsoft penilai)
5. Penyediaan keputusan.
6. Penyerahan keputusan MyCP kepada BSM (28/10/2020).

14.0
▶ PRESTASI DAN
LAPORAN KEWANGAN

LAPORAN KEWANGAN UTeM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Prestasi Kewangan UTeM

Pendapatan keseluruhan UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM337,830,575 menurun sebanyak 11.9% berbanding RM383,250,992 juta bagi tahun 2019. Penurunan pendapatan ini adalah disebabkan pengurangan geran mengurus dari Kerajaan dan penurunan pelbagai pendapatan kesan arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan.


Daripada jumlah pendapatan keseluruhan UTeM tahun 2020, sebanyak RM321,773,297 (95.3%) merupakan hasil daripada urusan bukan pertukaran yang terdiri daripada geran mengurus dari Kerajaan, geran-geran yang dilunaskan dan pelbagai pendapatan seperti yuran dan hasil pelajar, denda dan gantirugi dan pelbagai urusan bukan pertukaran lain. Sejumlah RM9,238,080 (2.7%) merupakan hasil daripada urusan pertukaran yang terdiri daripada hasil sewa, jualan dan pelbagai hasil, faedah dan keuntungan termasuk dividen. Pada tahun 2020, syarikat induk UTeM telah menyumbang dividen sebanyak RM1,000,000. Manakala sejumlah RM6,819,198 (2.0%) merupakan lain-lain pendapatan yang terdiri daripada hasil perkhidmatan akademik dan amanah sebanyak RM5,608,974, pelbagai pendapatan lain sebanyak RM1,139,822, pendapatan daripada wakaf sebanyak RM7,959 dan pendapatan daripada endowmen sebanyak RM62,443.

Perbelanjaan keseluruhan UTeM pada tahun 2020 adalah sebanyak RM396,934,791 berbanding RM354,700,519 bagi tahun 2019, iaitu meningkat sebanyak 11.9% disebabkan oleh kenaikan dalam perbelanjaan emolumen dan peningkatan peruntukan manfaat pekerja yang melibatkan pengiraan untuk semua pekerja. Perbelanjaan ini terdiri daripada perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan bayaran tetap, perbelanjaan susut nilai dan pelunasan, belanja hutang ragu dan lain-lain perbelanjaan.

Universiti mengalami kurangan selepas cukai sebanyak RM59,104,216. Secara perbandingan pada tahun 2019, terdapat penurunan terhadap pendapatan bersih UTeM disebabkan penurunan pendapatan dalam tahun semasa kesan penguatkuasaan PKP dan peningkatan dalam perbelanjaan emolumen dan peruntukan manfaat pekerja.

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UTeM adalah seperti jadual di bawah.

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UTeM 2019 – 2020




KEDUDUKAN KEWANGAN UTeM (ASET DAN LIABILITI)

Jumlah aset bukan semasa UTeM pada tahun 2020 ialah sebanyak RM635,581,320 meningkat sebanyak 0.1% berbanding RM634,968,078 pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan bayaran pembinaan dalam kemajuan (WIP) sebanyak RM22,816,108 (27.2%). Jumlah aset semasa UTeM pada tahun 2020 ialah sebanyak RM266,219,635 berbanding dengan RM297,614,967 pada tahun 2019, iaitu menurun sebanyak RM31,395,332 (10.5%) disebabkan oleh pengurangan tunai dan kesetaraan tunai sebanyak RM28,165,382 (10.0%) dan pengurangan dalam pendapatan terakru sebanyak RM3,616,149 (86.7%).

Liabiliti semasa UTeM pada tahun 2020 ialah sebanyak RM18,018,663 berbanding RM23,438,943 pada tahun 2019. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM5,420,280 (23.1%) disebabkan oleh berlakunya pengurangan dalam jumlah akaun belum bayar sebanyak RM5,277,534 (27.4%) yang terdiri daripada pemiutang dan akruan. Liabiliti bukan semasa pada tahun 2020 ialah berjumlah RM803,179,641 berbanding RM769,437,235 pada tahun 2019. Ia mencatatkan peningkatan sebanyak RM33,742,406 (4.4%) disebabkan oleh peningkatan peruntukan manfaat pekerja jangka panjang sebanyak RM46,891,526 (425.0%).

Perbandingan aset dan liabiliti UTeM adalah seperti jadual di bawah.


KEDUDUKAN ASET UTeM 2018 - 2020



Aset Bukan Semasa

Aset Semasa

KEDUDUKAN LIABILITI UTeM 2018 - 2020



Liabiliti Bukan Semasa


Liabiliti Semasa

TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai UTeM pada tahun 2020 ialah sebanyak RM252,896,223. Kedudukan tunai dan kesetaraan tunai menurun sebanyak RM28,165,382 (10.0%) berbanding tahun 2019, iaitu sebanyak RM281,061,605. Ini adalah disebabkan oleh aliran tunai keluar daripada aktiviti operasi sebanyak RM27,541,940 dan aliran tunai keluar daripada aktiviti pelaburan sebanyak RM43,271,800. Jumlah tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2020 terdiri daripada mengurus, pembangunan, penyelidikan dan pelbagai akaun amanah yang terikat dengan Surat Ikatan Amanah.

Pergerakan aliran tunai UTeM pada tahun 2020 adalah seperti jadual di bawah.


PENYATA ALIRAN TUNAI UTeM TAHUN 2020




PERGERAKAN ALIRAN TUNAI	2020	2019
BAKI AWAL TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	281,061,605	243,162,480
TUNAI BERSIH UNTUK AKTIVITI OPERASI	(27,541,940)	7,459,072
TUNAI BERSIH UNTUK AKTIVITI PELABURAN	(43,271,800)	(19,987,065)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN	42,648,358	50,427,118
PENAMBAHAN/ (PENGURANGAN) BERSIH TUNAI	(28,165,382)	37,899,125
BAKI AKHIR TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	252,896,223	281,061,605
PECAHAN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI:		
SIMPANAN TETAP	233,683,374	270,135,817
TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK	19,212,849	10,925,788
JUMLAH	252,896,223	281,061,605

PRESTASI KEWANGAN MENGURUS

Pendapatan mengurus UTeM pada tahun 2020 ialah sebanyak RM252,567,098 berbanding dengan RM285,414,068 pada tahun 2019, menurun sebanyak 11.5%. Daripada jumlah pendapatan mengurus tahun 2020, sebanyak RM211,829,805 (83.9%) merupakan pemberian Kerajaan dan bakinya sebanyak RM40,737,293 (16.1%) adalah penjanaaan pendapatan sendiri UTeM.




Perbelanjaan mengurus UTeM pada tahun 2020 ialah sebanyak RM299,560,742 berbanding dengan RM256,849,088 pada tahun 2019, meningkat sebanyak 16.6%. Perbelanjaan ini terdiri daripada perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan bayaran tetap, susut nilai dan pelunasan dan belanja hutang ragu.



PRESTASI KEWANGAN PEMBANGUNAN


Peruntukan pembangunan UTeM yang diterima daripada Kerajaan pada tahun 2020 ialah sebanyak RM57,433,450 berbanding RM63,823,500 pada tahun 2019. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM6,390,050 (10.0%) berikutan penyaluran peruntukan adalah berdasarkan status projek pembangunan. Peruntukan pembangunan adalah termasuk geran tahunan yang diterima sebanyak RM33,713,500 bagi Projek Konsesi Kolej Kediaman Satria di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UTeM 2019 - 2020



Perbelanjaan pembangunan UTeM pada tahun 2020 ialah sebanyak RM79,919,231 berbanding RM82,204,640 pada tahun 2019. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM2,285,409 (2.8%) disebabkan oleh pengurangan dalam perbelanjaan susut nilai dan pelunasan bagi aset pembangunan. Perbelanjaan ini tidak termasuk komitmen untuk pesanan tempatan dan kontrak belum selesai berjumlah RM40,660,529.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN UTeM 2019 - 2020




PRESTASI KEWANGAN PENYELIDIKAN

Geran dana penyelidikan yang diterima UTeM pada tahun 2020 ialah sebanyak RM5,452,462 berbanding RM1,773,347 pada tahun 2019. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM3,679,115 (207.5%) disebabkan oleh peningkatan dalam penerimaan Peruntukan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS).

Perbelanjaan geran dana penyelidikan yang dilunaskan pada tahun 2020 ialah sebanyak RM5,512,743 berbanding RM4,846,437 pada tahun 2019 iaitu meningkat sebanyak RM666,306 (13.8%) disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan susut nilai bagi aset penyelidikan.

Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan penyelidikan UTeM adalah seperti jadual di bawah:

PRESTASI KEWANGAN PENYELIDIKAN



RINGKASAN ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN UTeM TAHUN 2020

PERANGKAAAN KEWANGAN YANG PENTING		2020 (RM)	2019 (RM)	(%)
i.	Pendapatan			
	a) Keseluruhan	337,830,575	383,250,992	(11.9)
	b) Mengurus			
	- Pemberian Kerajaan	198,488,400	233,309,000	(14.9)
	- Tambahan Pemberian Kerajaan	13,341,405	6,498,959	105.3
	- Penjanaaan Pendapatan Sendiri	7,228,169	24,238,683	(70.2)
		219,057,974	264,046,642	(17.0)
	c) Dalamam			
	- Penjanaaan Pendapatan Sendiri	33,509,124	21,367,426	56.8
	d) Pembangunan			
	- Peruntukan Pembangunan Dilunaskan	33,612,840	35,652,496	(5.7)
	- Peruntukan PFI Dilunaskan	34,758,292	34,736,740	0.1
		68,371,132	70,389,236	(2.9)
ii.	Perbelanjaan			
	a) Keseluruhan	396,934,791	354,700,519	11.9
	b) Mengurus			
	- Pemberian Kerajaan	274,706,022	232,670,748	18.1
	- Sumber Dalamam	24,854,720	24,178,340	2.8
		299,560,742	256,849,088	16.6
	c) Pembangunan			
	- Pembangunan	33,612,840	35,652,496	(5.7)
	- PFI	46,306,391	46,552,144	(0.5)
		79,919,231	82,204,640	(2.8)
iii.	Lebihan/(Kurangan)			
	a) Keseluruhan	(59,104,216)	28,550,473	(307.0)
	b) Mengurus	(46,993,644)	28,564,980	(264.5)
	c) Pembangunan	(11,548,099)	(11,815,404)	(2.3)
iv.	Aset Bukan Semasa	635,581,320	634,968,078	0.1
v.	Aset Semasa	266,219,635	297,614,967	(10.5)
vi.	Liabiliti Semasa	18,018,663	23,438,943	(23.1)
vii.	Liabiliti Bukan Semasa	803,179,641	769,437,235	4.4
viii.	Aset Bersih	883,782,292	909,144,102	(2.8)
ix.	Modal Digunakan	80,602,651	139,706,867	(42.3)
x.	Penglibatan Modal	51,293,898	39,882,244	28.6
xi.	Tunai Dan Kesetaraan Tunai			
	- Simpanan Tetap	233,683,374	270,135,817	(13.5)
	- Wang di Tangan dan di Bank	19,212,849	10,925,788	75.8
		252,896,223	281,061,605	(10.0)
PERANGKAAAN KEWANGAN YANG PENTING		2020 (RM)	2019 (RM)	
xii.	Nisbah Kewangan			
	a) Aset Semasa/Liabiliti Semasa	14.77 : 1	12.70 : 1	
	b) Aset Mudah Cair/Liabiliti Semasa	14.04 : 1	11.99 : 1	
	c) Jumlah Hutang/Jumlah Aset	0.91 : 1	0.85 : 1	
	d) Modal Digunakan/Jumlah Liabiliti	0.10 : 1	0.18 : 1	
	e) Modal Digunakan/Aset Tetap	0.13 : 1	0.22 : 1	

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakili sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Universiti dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko

berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam Penyata Kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2019, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.




(MOHD SERJANA BIN IBRAHIM)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA

8 OKTOBER 2021




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, ACADEMICIAN TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI, FASc. dan PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA BINTI ABDUL RAHIM, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



ACADEMICIAN TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI, FASc.
Pengerusi Lembaga Pengarah



PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA BINTI ABDUL RAHIM
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 06 APR 2021
Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, KHAIRUL BIN TAIB, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
KHAIRUL BIN TAIB, di negeri Melaka
pada **06 APR 2021**

)
)
)
)

KHAIRUL BIN TAIB
NO. K/P : 630321-01-6027

Di hadapan saya,


PESURUHJAYA SUMPAN

M 065
SAIFUL BAHARI S
ABDULLAH, PJK
(1.1.21 - 31.8.21)
Aras 2, Blok Pentadbiran
Kementerian Dalam Negeri
Jalan Seri Negeri
75450 MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020

NOTA	KUMPULAN			UNIVERSITI			
	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula	01.01.2019 RM	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula	01.01.2019 RM	
ASET BUKAN SEMASA							
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	532,358,467	549,835,460	595,560,334	515,522,991	538,346,201	587,572,136
Pembinaan Dalam Kemajuan	4	106,639,145	83,823,037	54,043,744	106,639,145	83,823,037	54,043,744
Aset Tak Ketara	5	1,275,590	1,722,776	2,636,643	1,275,590	1,722,776	2,636,643
Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal	6	-	-	-	500,000	500,000	500,000
Hartanah Pelaburan	7	180,000,000	180,000,000	180,000,000	-	-	-
Pelaburan Jangka Panjang	8	-	-	5,037,845	-	-	5,037,845
Akaun Belum Terima	9	11,643,594	10,576,064	9,788,222	11,643,594	10,576,064	9,788,222
Jumlah Aset Bukan Semasa		831,916,796	825,957,337	847,066,788	635,581,320	634,968,078	659,578,590
ASET SEMASA							
Akaun Belum Terima	9	3,013,068	3,086,740	9,119,789	1,926,496	2,676,320	2,834,352
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	10	2,048,663	927,121	905,941	2,048,663	927,121	905,941
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	11	3,388,337	2,579,244	9,464,565	8,793,076	8,778,595	9,219,739
Pendapatan Terakru		555,177	4,171,326	869,960	555,177	4,171,326	869,960
Tunai dan Kesetaraan Tunai	12	280,088,792	291,774,206	256,906,489	252,896,223	281,061,605	243,162,480
Jumlah Aset Semasa		289,094,037	302,538,637	277,266,744	266,219,635	297,614,967	256,992,472
JUMLAH ASET		1,121,010,833	1,128,495,974	1,124,333,532	901,800,955	932,583,045	916,571,062
MODAL DAN RIZAB							
Kumpulan Wang Mengurus	13	24,499,877	84,147,925	63,469,431	24,499,877	84,147,925	63,469,431
Kumpulan Wang Pembangunan	14	-	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Penyelidikan	15	5,639,535	4,817,003	5,485,748	5,639,535	4,817,003	5,485,748
Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta	16	(54,418,124)	(42,870,025)	-	(54,418,124)	(42,870,025)	-
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	17	8,000,000	8,000,000	5,000,000	8,000,000	8,000,000	5,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	18	600,000	600,000	600,000	600,000	600,000	600,000
Kumpulan Wang Pendapatan	19	55,242,689	47,588,285	50,619,199	56,462,689	47,808,285	50,619,199
Kumpulan Wang Amanah	20	39,818,674	37,203,679	19,959,534	39,818,674	37,203,679	19,959,534
Kumpulan Wang Peruntukan Khas	21	-	-	-	-	-	-
Keuntungan Terkumpul Entiti yang Dikawal	22	169,833,678	156,266,595	143,867,084	-	-	-
JUMLAH EKUITI		249,216,329	295,753,462	289,000,996	80,602,651	139,706,867	145,133,912
LIABILITI BUKAN SEMASA							
Manfaat Pekerja	23	57,924,071	11,032,545	8,391,274	57,924,071	11,032,545	8,391,274
Pajakan Kewangan	24	148,449,683	151,738,919	154,656,820	148,449,683	151,738,919	154,656,820
Pinjaman Berjangka	25	45,330,976	25,329,491	41,112,540	-	-	-
Pendapatan Tertunda	26	596,805,887	606,665,771	581,927,484	596,805,887	606,665,771	581,927,484
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		848,510,617	794,766,726	786,088,118	803,179,641	769,437,235	744,975,578
LIABILITI SEMASA							
Manfaat Pekerja	23	730,873	1,244,650	659,009	730,873	1,244,650	659,009
Akaun Belum Bayar	27	16,929,021	21,982,209	34,162,377	13,998,840	19,276,374	23,210,539
Pajakan Kewangan	24	3,288,950	2,917,919	2,592,024	3,288,950	2,917,919	2,592,024
Pinjaman Berjangka	25	2,334,512	11,780,089	11,780,089	-	-	-
Peruntukan Cukai		531	50,919	50,919	-	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		23,283,887	37,975,786	49,244,418	18,018,663	23,438,943	26,461,572
JUMLAH LIABILITI		871,794,504	832,742,512	835,332,536	821,198,304	792,876,178	771,437,150
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		1,121,010,833	1,128,495,974	1,124,333,532	901,800,955	932,583,045	916,571,062

Nota-nota di muka surat 7 hingga 31 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula	
PENDAPATAN					
Pendapatan daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	28	321,773,297	351,170,643	321,773,297	351,170,643
Pendapatan daripada Urus Niaga Pertukaran	29	8,993,099	13,098,911	9,238,080	11,986,656
Lain-lain Pendapatan	30	10,679,288	22,688,994	6,819,198	20,093,693
		<u>341,445,684</u>	<u>386,958,548</u>	<u>337,830,575</u>	<u>383,250,992</u>
PERBELANJAAN					
Emolumen	31	169,431,943	165,948,330	168,473,182	165,097,526
Perkhidmatan dan Bekalan	32	111,363,946	112,443,308	124,121,308	123,757,276
Pemberian dan Bayaran Tetap		55,001,029	9,862,733	55,001,029	9,873,733
Perbelanjaan Lain		22,221	38,645	22,221	38,645
Susut Nilai	3	49,787,076	54,071,456	46,920,061	52,091,378
Belanja Pelunasan		1,630,766	2,204,252	1,630,766	2,204,252
Belanja Hutang Ragu		766,224	1,637,709	766,224	1,637,709
		<u>388,003,204</u>	<u>346,206,433</u>	<u>396,934,791</u>	<u>354,700,519</u>
LEBIHAN/(KURANGAN) SEBELUM CUKAI		(46,557,520)	40,752,115	(59,104,216)	28,550,473
PERBELANJAAN CUKAI	33	(20,388)	22,131	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS CUKAI		<u>(46,537,132)</u>	<u>40,729,984</u>	<u>(59,104,216)</u>	<u>28,550,473</u>
JUMLAH LEBIHAN/(KURANGAN) DIAGIHKAN KEPADA :					
UNIVERSITI		(46,537,132)	40,729,984	(59,104,216)	28,550,473
KEPENTINGAN MINORITI		-	-	-	-
		<u>(46,537,132)</u>	<u>40,729,984</u>	<u>(59,104,216)</u>	<u>28,550,473</u>

Nota-nota di muka surat 7 hingga 31 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIHEKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

KUMPULAN	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Inisiatif Pembayaan Swasta (PFI)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Peruntukan Khas	Keuntungan Tertakung Entiti Yang Dikawal	Jumlah
2020											
Baki pada 1 Januari 2020	84,147,925	-	4,817,003	(42,870,025)	8,000,000	600,000	47,588,285	37,203,679	-	156,266,595	295,753,462
Geran Kerajaan	211,829,805	-	-	-	-	-	-	-	-	-	211,829,805
Geran yang Dilunaskan	-	33,612,840	2,672,257	34,758,292	-	-	-	1,290,115	5,054,362	-	77,387,866
Pendapatan Lain	7,228,169	-	663,018	-	-	-	32,509,124	7,212,593	-	21,512,741	69,125,645
	303,205,899	33,612,840	8,152,278	(8,111,733)	8,000,000	600,000	80,097,409	45,706,387	5,054,362	177,779,336	654,096,778
(-) Perbelanjaan	(274,706,022)	(33,612,840)	(5,512,743)	(46,306,391)	-	-	(24,854,720)	(6,887,713)	(5,054,362)	(7,966,046)	(404,900,837)
	28,499,877	-	2,639,535	(54,418,124)	8,000,000	600,000	55,242,689	38,818,674	-	169,813,290	249,195,941
Cukai	-	-	-	-	-	-	-	-	-	20,388	20,388
Pindahan antara Kumpulan Wang	(4,000,000)	-	3,000,000	-	-	-	-	1,000,000	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2020	24,499,877	-	5,639,535	(54,418,124)	8,000,000	600,000	55,242,689	39,818,674	-	169,833,678	249,216,329
2019											
Baki pada 1 Januari 2019	63,469,431	-	5,485,748	-	5,000,000	600,000	50,619,199	19,959,534	-	143,867,084	289,000,996
Kesan Pemakaian MPSAS	-	-	1,341,932	-	-	-	-	3,516,478	-	-	4,858,410
Geran Kerajaan	239,807,959	-	-	-	-	-	-	-	-	-	239,807,959
Geran yang Dilunaskan	-	35,652,496	2,919,667	34,736,740	-	-	-	1,787,521	1,668,242	-	76,764,666
Pendapatan Lain	24,238,683	-	-	-	-	-	21,147,426	21,072,258	-	18,801,034	85,059,401
	327,516,073	35,652,496	9,747,347	34,736,740	5,000,000	600,000	71,766,625	46,335,791	1,668,242	162,468,118	695,491,432
(-) Perbelanjaan	(232,670,748)	(35,652,496)	(4,846,437)	(46,552,144)	-	-	(24,178,340)	(9,132,112)	(1,668,242)	(6,179,392)	(360,879,911)
	94,845,325	-	4,900,910	(11,815,404)	5,000,000	600,000	47,588,285	37,203,679	-	156,288,726	334,611,521
Cukai	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(22,131)	(22,131)
Pelarasan	-	-	-	(31,054,621)	-	-	-	-	-	-	(31,054,621)
Pindahan antara Kumpulan Wang	(10,697,400)	-	(83,907)	-	3,000,000	-	-	-	-	-	(7,781,307)
Baki pada 31 Disember 2019	84,147,925	-	4,817,003	(42,870,025)	8,000,000	600,000	47,588,285	37,203,679	-	156,266,595	295,753,462

Nota-nota di muka surat 7 hingga 31 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

UNIVERSITI	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Peruntukan Khas	Keuntungan Terkumpul Entiti Yang Dikawal	Jumlah
2020											
Baki pada 1 Januari 2020	84,147,925	-	4,817,003	(42,870,025)	8,000,000	600,000	47,808,285	37,203,679	-	-	139,706,867
Geran Kerajaan	211,829,805	-	-	-	-	-	-	-	-	-	211,829,805
Geran yang Dilunaskan	-	33,612,840	2,672,257	34,758,292	-	-	-	1,290,115	5,054,362	-	77,387,866
Pendapatan Lain	7,228,169	-	663,018	-	-	-	33,509,124	7,212,593	-	-	48,612,904
	303,205,899	33,612,840	8,152,278	(8,111,733)	8,000,000	600,000	81,317,409	45,706,387	5,054,362	-	477,537,442
(-) Perbelanjaan	(274,706,022)	(33,612,840)	(5,512,743)	(46,306,391)	-	-	(24,854,720)	(6,887,713)	(5,054,362)	-	(396,934,791)
	28,499,877	-	2,639,535	(54,418,124)	8,000,000	600,000	56,462,689	38,818,674	-	-	80,602,651
Pindahan antara Kumpulan Wang	(4,000,000)	-	3,000,000	-	-	-	-	1,000,000	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2020	24,499,877	-	5,639,535	(54,418,124)	8,000,000	600,000	56,462,689	39,818,674	-	-	80,602,651
2019											
Baki pada 1 Januari 2019	63,469,431	-	5,485,748	-	5,000,000	600,000	50,619,199	19,959,534	-	-	145,133,912
Kesan Pemaklaman MPSAS	-	-	1,341,932	-	-	-	-	3,516,478	-	-	4,858,410
Geran Kerajaan	239,807,959	-	-	-	-	-	-	-	-	-	239,807,959
Geran yang Dilunaskan	-	35,652,496	2,919,667	34,736,740	-	-	-	1,787,521	1,668,242	-	76,764,666
Pendapatan Lain	24,238,683	-	-	-	-	-	21,367,426	21,072,258	-	-	66,678,367
	327,516,073	35,652,496	9,747,347	34,736,740	5,000,000	600,000	71,986,625	46,335,791	1,668,242	-	533,243,314
(-) Perbelanjaan	(232,670,748)	(35,652,496)	(4,846,437)	(46,552,144)	-	-	(24,178,340)	(9,132,112)	(1,668,242)	-	(354,700,519)
	94,845,325	-	4,900,910	(11,815,404)	5,000,000	600,000	47,808,285	37,203,679	-	-	178,542,795
Pelarasan	-	-	-	(31,054,621)	-	-	-	-	-	-	(31,054,621)
Pindahan antara Kumpulan Wang	(10,697,400)	-	(83,907)	-	3,000,000	-	-	-	-	-	(7,781,307)
Baki pada 31 Disember 2019	84,147,925	-	4,817,003	(42,870,025)	8,000,000	600,000	47,808,285	37,203,679	-	-	139,706,867

2019

Dinyatakan semula

Nota-nota di muka surat 7 hingga 31 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
(Kurangan)/lebih Pendapatan	(46,557,520)	40,752,115	(59,104,216)	28,550,473
Pelarasan untuk :				
Pelunasan Geran	(77,387,866)	(76,764,666)	(77,387,866)	(76,764,666)
Faedah, Keuntungan dan Dividen Diterima	(7,033,668)	(9,708,798)	(8,033,668)	(9,928,798)
Manfaat Pekerja	47,633,347	4,113,294	47,633,347	4,113,294
Susut Nilai	49,787,076	54,071,456	46,920,061	52,091,378
Belanja Pelunasan	1,630,766	2,204,252	1,630,766	2,204,252
Belanja Hutang Ragu	766,224	1,637,709	766,224	1,637,709
Faedah Pajak	21,961,419	22,287,619	21,961,419	22,287,619
Pelarasan Pengkelasan Akaun	1,883,608	(7,781,307)	1,883,608	(7,781,307)
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan	-	190,237	-	190,237
Keuntungan atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(44,647)	(107,391)	(44,647)	(107,391)
Kerugian atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	65	14,175	65	14,175
(Kurangan)/lebih Operasi sebelum perubahan Modal Kerja	(7,361,197)	30,908,695	(23,774,907)	16,506,975
Pengurangan/(pertambahan) dalam Akaun Belum Terima	(250,650)	5,982,716	425,502	107,699
Pertambahan dalam Urus Niaga Bukan Pertukaran				
Belum Terima	(1,261,071)	(21,180)	(1,261,071)	(21,180)
(Pertambahan)/pengurangan dalam Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	(809,093)	5,431,668	(14,481)	(1,012,509)
Pengurangan/(pertambahan) dalam Pendapatan Terakru	3,616,149	(3,301,366)	3,616,149	(3,301,366)
Pengurangan dalam Akaun Belum Bayar	(5,053,188)	(12,180,168)	(5,277,534)	(3,934,165)
Tunai (untuk)/daripada Aktiviti Operasi	(11,119,050)	26,820,365	(26,286,342)	8,345,454
Manfaat Pekerja Dibayar	(1,255,598)	(886,382)	(1,255,598)	(886,382)
